

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10049]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Sisa Thorea dari Kilang Asian Rare Earth —Y.B. Tuan Ting Chek Ming
[Ruangan 10148]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan(Pengurusan Persendirian)
(Pindaan) [Ruangan 10207]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987)

Jawatankuasa—

Jadual Kedua:

Maksud B. 51 [Ruangan 10165]

KANDUNGANNYA—(*samb.*)

USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 3) 1986

Jawatankuasa—

Maksud P. 54 [Ruangan 10161]

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 1) 1987

Jawatankuasa—

Maksud P. 28 [Ruangan 10152]

Maksud P. 50 [Ruangan 10161]

Maksud P. 55 [Ruangan 10189]

Maksud P. 56 [Ruangan 10203]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Pusat-pusat Snooker—Y.B. Tuan S. S. Subramaniam [Ruangan 10220]

Orkestra Simfoni Muda—Y.B. Dr Eng Seng Chai [Ruangan 10227]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.p.M.p.(Labis).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LJM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman (Mentakab).
- Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S., (Senai).
- Timbalan Menteri Buruh TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P (Tanjong Malim).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s (Sarikei).
- Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. Au, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- Timbalan Menteri Luar Negeri TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BINMOHAMED(Titiwangsa)
- Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

- Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
DR V. DAVID (Puchung).
TUAN DOUGLAS UCGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
TUAN Hu SEPANG (Rasah).
TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

TUAN MAIDOM BIN PANSAL *alias* PAUL. PANSAL (Kota Belud).

TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).

TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).

TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

„ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).

TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).

DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi)

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).

TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

„ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

„ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

TUAN P. PATTO (Ipoh).

TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).

„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

„ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P-S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ DR TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P N (Pasir Puteh).

TUAN HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

„ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 7hb Julai, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, point of order.**Tuan Lim Guan Eng:** Atas Peraturan Mesyuarat 23 (3) bila sesuatu pertanyaan itu tidak dibenarkan seseorang ahli mesti diberitahu terlebih dahulu. Saya dapati bahawa satu soalan saya yang disenaraikan untuk hari ini telah digugurkan seperti yang berlaku pada 2-7-87 di mana satu soalan lagi telah digugurkan. Setakat ini saya belum mendapat apa-apa pemberitahu. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, dapat membuat satu penyiasatan.....**Tuan Yang di-Pertua:** Minta beri surat kepada saya, saya boleh semak tengok soalan-soalan mana. Bolehkah?**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua dapat beri satu jawapan esok.**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan saya hendak menjawab. Saya ingat di bawah Peraturan Mesyuarat ialah Setiausaha Mesyuarat.HUKUM SYARAK/HUKUM
SIVIL**1. Tuan Muhammad Yusof bin Haji Abdul Latif** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai usaha-usaha penyelarasan hukum-hukum syarak dan hukum sivil dengan menerangkan:

- (a) sejauh manakah usaha-usaha ini telah mencapai kejayaan; dan
- (b) andainya berlaku pertentangan antara hukum syarak dengan hukum sivil, hukum manakah yang akan dijadikan dasar hukum.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor); Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Usaha-usaha menyelaraskan undang-undang sivil dengan undang-undang syarak adalah dibuat dari semasa ke semasa melalui urusan-urusan peritadbiran dengan kerjasama Majlis-majlis Agama Islam Negeri-negeri.
- (b) Usaha yang dibuat itu ialah untuk menyelaras undang-undang sivil dengan undang-undang syarak. Dalam proses ini percanggahan-percanggahan adalah sedang dikenalpasti.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ramai orang-orang bukan Islam merasa gerun dan takut kena rejam dengan batu, kena rotan, kena potong tangan kerana

mereka tidak faham dengan perundangan Islam seperti mereka tidak faham dengan konsep berkhathan. Tetapi apabila mereka faham telah ramai berebut-rebut hendak berkhathan.

Tuan Yang di-Pertua: Berebut-rebut. Yang Berhormat kata berebut-rebut. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Seolah-olah berlumba-lumba. Kita lihat kes-kes jenayah seperti rogol dan merompak semakin meningkat. Mangsanya mungkin terdiri dari orang-orang yang bukan Islam. Soalan saya apakah caranya untuk mengatasi masalah-masalah ini dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya dan ramai orang-orang bukan sahaja Islam malah yang bukan Islam juga sedar bahawa ada yang gerun dan takut kepada perkara-perkara yang mereka belum taham dan mengerti. Salah satu daripada perkara yang mereka takut dan gerun ialah mengenai dengan masalah yang dikenal dengan undang-undang Islam. Dan ketakutan ini berpunca daripada keadaan di sekeliling. Memandangkan kepada keadaan ini maka Kerajaan telah berusaha keras dalam keadaan masyarakat yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum ini untuk memperdekatkan perhubungan di antara satu sama lain supaya bila berlaku pengenalan, berlaku perhubungan dan berlaku interaksi di antara satu sama lain ketakutan, kegerunan, kebimbangan dan sebagainya akan hapus. Dan mi adalah usaha yang sedang dibuat oleh Kerajaan dan di antaranya ialah menerusi kajian dan penelitian mengenai dengan undang-undang yang dikenal dengan nama undang-undang Islam dan undang-undang

Hari ini timbul kebimbangan ini ialah akibat dari kedatangan nilai-nilai dan budaya yang asing yang kadang-kadang menjadi faktor bagi menimbulkan ketegangan di antara pemeluk satu agama dengan pemeluk agama lain. Perkembangan ini adalah membawa satu budaya dan value atau nilai dengan izin, yang tidak menentu dan kerana itulah sangat wajar Kerajaan mengambil langkah untuk meneliti tentang aspek-aspek yang terdapat dalam undang-undang Islam dan juga aspek-aspek yang lain yang terdapat dalam undang-undang sivil yang pada hakikatnya mengandungi ciri-ciri yang universal dan mempunyai banyak persamaan.

Jadi, kerana itu kajian ini sebenarnya akan menolong mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat yang bimbang membimbangi satu sama lain dan usaha yang dibuat oleh Kerajaan pada masa ini ialah membuat pertemuan-pertemuan dengan kumpulan-kumpulan yang bukan Islam dan juga kumpulan Islam yang ingin mengetahui tentang aspek-aspek yang wujud dalam kumpulan bukan Islam.

Bahagian Hal Ehwal Islam tidak lama lagi akan mengadakan satu perbincangan dengan satu kumpulan dari Ibukota ini yang terdiri daripada satu kaum untuk mengenalpasti perkara yang dibimbangkan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha Kerajaan untuk menyelaras undang-undang syariah dengan undang-undang sivil supaya berjalan dengan seimbang, saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk meminda satu Akta, Bahagian I, Perkara 4 dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyebut dalam undang-undang itu Mana-mana undang-undang yang dibuat selepas diisytihar hari kemerdekaan, sekiranya bercanggah

dengan Perlembagaan Malaysia, maka akan terbatal.

Undang-undang ini bagi orang Islam adalah bercanggah dengan akidah dan pegangan. Saya ingin tahu sekiranya Kerajaan sedang berusaha dan akan berusaha sungguh-sungguh bagi menyelaraskan supaya tidak timbul sebarang percanggahan akan datang. Adakah Kerajaan bersedia untuk meminda undang-undang ini dan undang-undang ini wajib dipinda sekiranya Kerajaan bercita-cita untuk menerapkan nilai-nilai Islam kerana dia bercanggah dengan pegangan Islam? Saya bimbang, takut pihak yang berkenaan belum baca lagi undang-undang itu.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam Dewan ini ada orang yang baca tetapi dia tidak faham. (*Ketawa*) Tetapi bagi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam menyediakan undang-undang, Kerajaan sedar bahawa apa yang kita buat itu adalah perkara-perkara yang bersifat pentadbiran. Tetapi ada orang yang terlampau ghairah bila sebut undang-undang, dia rasakan undang-undang itu macam Quran, tetapi sebenarnya undang-undang itu bukan Quran. Bila kita menyebutkan bahawa undang-undang ini tidak boleh mengatasi dan sebagainya itu sebenarnya merupakan perkara yang diuruskan oleh Kerajaan dalam aspek pentadbiran. Kerajaan yakin bahawa Kerajaan hari ini menghormati Quran dan Quran itu tidak boleh diubah. Perlembagaan dan sebagainya adalah merupakan perkara yang diuruskan oleh sesuatu Kerajaan. Mengenai dengan masalah sama ada kita hendak atau bercadang mengubah dan sebagainya perkara ini tidak timbul. Kalau kita perhatikan jawapan asal saya tadi iaitu kita sedang mengkaji, meneliti dan pengkajian dan penelitian itulah yang akan menjadi asas sama ada.....

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Penjelasan. Dalam soalan yang dikemukakan ini, Bahagian (*b*) itu disebutkan dengan terang di sini, kata dia, andainya berlaku pertentangan antara hukum syarak dengan hukum sibil, hukum manakah yang akan dijadikan dasar hukum. Ini soalan pertama yang betum dijawab. Soalan saya mudah kalau hendak dijawab betul, Adakah dia bercadang untuk meminda, tidak payah dibelit-belit, diputar-putar dan diliong-liong. Adakah dia bercadang ataupun tidak, tetapi kalau bercadang "royak", bercadang, kalau tidak bercadang "royak", tidak bercadang, sebab undang-undang itu menyentuh akidah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat "royak" tengok. (*Ketawa*)

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ini rupa-rupanya banyak perkara yang ganjil, ada orang dia suka bercadang sebelum dia faham, tetapi kita Kerajaan akan hanya bercadang setelah kita faham. Maka sebab itu kalau kita perhatikan jawapan saya tadi, tidak ada siapa pun akan membangkitkan soalan, iaitu saya sudah memberi jawapan bahawa setelah kita mengenalpasti maka akan kita tentukan sama ada kita akan mencadangkan ataupun tidak, tetapi kalau sekiranya ada sebuah parti pembangkang yang dia hendak bercadang dahulu sebelum faham maka kita doakan janganlah kita buat demikian kerana itu banyak akibat buruk.

TABUNG AMANAH BELIA

2. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

(a) bilakah Kementerian akan melancarkan "Tabung Amanah

Belia" khas bagi membantu belia-belia untuk menjalankan usaha-usaha dalam bidang keusahawanan;

- (b) tidakkah Kementerian bercadang mengkaji semula sistem Persijilan dan bidang pengkhususan di Pusat-pusat Latihan Belia seperti di Dusun Tua dan Pertak untuk menjadi lebih tinggi tarafnya dan lebih luar bidang pengkhususannya;
- (c) tidakkah Kementerian bercadang menambahkan jumlah Pegawai-pegawai Belia dan Sukan di peringkat negeri dan daerah untuk memberi kesan yang lebih dari segi usaha melaksanakan program kesukanan dan belia di negara ini; dan
- (d) apakah rancangan Kementerian bagi mengadakan mini stadium dan kompleks sukan di daerah-daerah untuk memberi dan menyediakan kemudahan perlu untuk aktiviti kesukanan bagi meningkatkan lagi mutu dan taraf kesukanan di negara ini.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kementerian Belia dan Sukan sedang menyediakan Kertas cadangan mengenai penubuhan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia bagi menggalak dan meningkatkan penyertaan golongan belia dalam bidang keusahawanan dan pertanian untuk pertimbangan Kerajaan dan kelulusan Dewan ini.
- (b) Mengenai sistem persijilan dan bidang pengkhususan di Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Pertak, Kementerian Belia dan Sukan memang telah mengambil beberapa langkah

tertentu untuk meningkatkan taraf kursus serta melakukan beberapa pengubahsuaian. Antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian termasuklah mengkhususkan bidang kursus yang dikendalikan kepada satu kelompok bidang kemahiran sahaja. Sehubungan dengan itu Kementerian telah menyediakan satu pelan tindakan menyusun semula semua Pusat Latihan Belia selaras dengan usaha Kementerian untuk meningkatkan taraf kursus bagi memenuhi keperluan tenaga mahir industri-industri tempatan. Kementerian Belia dan Sukan dan juga sentiasa bekerjasama rapat dengan Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan dalam usaha-usaha untuk meningkatkan taraf kursus serta untuk menyeragamkan persijilan mengikut piawaian tertentu.

- (c) Kementerian ini memang bercadang menambah Pegawai-pegawai Belia dan Sukan di peringkat negeri dan daerah untuk melaksanakan secara lebih berkesan program-program sukan dan belia di negara ini. Cadangan penambahan kakitangan tersebut telah pun dikemukakan ke pihak Agensi Pusat yang sekarang ini di dalam pertimbangan.
- (d) Kementerian telah dan sedang menguruskan rancangan bagi mengadakan Mini Kompleks Sukan dan lain-lain kemudahan/gelanggang sukan di daerah-daerah bagi keperluan menyediakan aktiviti-aktiviti sukan di mana di dalam Rancangan Mataysia Kelima peruntukan sebanyak \$9.6 juta

telah diperuntukkan untuk membina 137 buah kemudahan/gelanggang sukan.

Tuan S. S. Subramaniam: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar untuk menaikkan mutu kesukanan di negara kita, kita harus mengadakan satu sistetn professionalisme seperti yang kita adakan pada masa kini, walaupun tidak begitu sempurna, di dalam bidang golf dan apakah tindakan yang akan diambil ataupun sedang diambil untuk membawa professionalisme tersebut kepada semua sukan-sukan yang kita ada di dalam negara kita.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa usaha-usaha untuk meningkatkan taraf dan mutu sukan memerlukan pendekatan yang melibatkan nilai-nilai profesionalisme yang tebih lagi. Selaras dengan kesedaran ini maka beberapa langkah telah diambil termasuk skim hadiah kemenangan kewangan yang telah diumumkan oleh pihak Kerajaan dan juga usaha untuk mewujudkan jurulatih-jurulatih sepenuh masa yang akan dilaksanakan. Selain daripada itu usaha-usaha sedang dijalankan untuk memperbanyakkan lagi di peringkat akar umbi masyarakat kita mereka yang berpotensi untuk diketengahkan di peringkat kebangsaan. Perlu dinyatakan bahawa usaha kita untuk mempertingkatkan sambutan dari segi nilai profesionalisme ini memerlukan penglibatan semua pihak termasuk juga pihak swasta yang sanggup memberi sokongan dan bantuan kepada usaha ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa masalah pengangguran di kalangan belia merupakan satu masalah yang amat serius di negara kita dan adakah Yang Berhormat bercadang untuk

menyalurkan apa juga bantuan yang boleh yang boleh diperolehi daripada Tabung Amanah Belia yang akan dilaksanakan nanti ditujukan kepada membantu golongan belia ini mengatasi masalah pengangguran?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Memanglah sebahagian daripada matlamat Kerajaan mewujudkan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ialah untuk membolehkan para belia menjalankan perniagaan masing-masing dalam erti kata memberi kemudahan pinjaman kepada golongan belia supaya unsur-unsur berdikari, jaya diri dan menjadikan mereka sebagai usahawan akan dapat dijalankan secara lebih giat lagi.

DUSUN BUAH-BUAHAN

3. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah Kerajaan tercapai berkaitan dengan menanam, membantu dan pasaran dalam dan luar negeri bagi buah-buahan tempatan seperti pisang emas, jambu batu (guava), limau bali dan lain-lain.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kebanyakan dusun buah-buahan di negara ini diusahakan secara kecil-kecilan dan secara sambilan sahaja. Hasil pengeluaran dan mutu keluaran dari dusun-dusun tersebut adalah kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian sedang berusaha meningkatkan prestasi perusahaan buah-buahan dalam negara ini melalui langkah-langkah berikut:

- (i) mengenalpasti 15 jenis buah-buahan yang mempunyai potensi untuk diusahakan secara besar-besaran. Kawasan-kawasan yang sesuai dari segi agro-iklim bagi

beberapa jenis buah-buahan utama seperti durian, rambutan, mangga, manggis, pisang, cempedak dan nangka telah ditentukan. Zon-zon agro-iklim tersebut digunakan sebagai garis panduan dalam merancang pembangunan dan perkembangan kawasan tanaman buah-buahan.

- (ii) menggiat dan mem-pertingkatkan usaha-usaha penyelidikan dalam bidang-bidang seperti pembaikan kepada varieti dan jenis buah-buahan untuk dieksport; meningkatkan kecekapan pengeluaran dan mengurangkan kos pengeluaran; memperbaiki amalan-amalan lepas tuai; dan menggalakkan aktiviti-aktiviti hiliran, atau dengan izin, downstream seperti mengetin, pengeluaran jus dan sebagainya. Melalui usaha penyelidikan ini, tempoh penyimpanan pisang emas dapat dilanjutkan lebih dari empat minggu dan kaedah ini telah digunakan dalam mengeksport pisang emas melalui laut ke Hongkong.
- (iii) menggalakkan pengusahaan tanaman buah-buahan yang bercorak komersial secara besar-besaran dengan memperkenalkan beberapa insentif tambahan untuk pelaburan di dalam sektor pertanian secara keseluruhannya. Insentif insentif ini meliputi antaranya, taraf perintis dan elaun cukai pelaburan. Berikutan dari insentif-insentif yang disediakan dan langkah-langkah yang dijalankan, terdapat beberapa syarikat korporat menceburi dalam usaha-usaha penanaman buah-buahan secara komersial.

Dari segi pemasaran buah-buahan tempatan, Kementerian Pertanian sentiasa berusaha menerokai luang-luang pasaran tambahan dan mengekalkan serta menguasai luang-luang pasaran yang sedia ada di dalam dan luar negeri. Di peringkat dalam negeri kempen-kempen galakan penggunaan buah-buahan tempatan akan terus dilaksanakan. Dalam hubungan ini, Kementerian ini telah melancarkan kalendar buah-buahan untuk memperkenalkan kepada orang ramai jenis-jenis buah-buahan yang ditanam di negara ini dan menunjukkan dengan jelasnya masa dan tempat-tempat buah-buahan tersebut boleh diperolehi.

Di samping itu, sebanyak 44 pasar tani telah ditubuhkan di seluruh negara untuk melibatkan para petani termasuk pengusaha-pengusaha buah-buahan dalam kegiatan pemasaran. Pasar-pasar tani ini merupakan satu lagi luang pasaran bagi buah-buahan tempatan di dalam negeri. Di peringkat luar negeri, buah-buahan tempatan diperkenalkan dan digalakkan melalui rombongan galakan perdagangan, penghantaran-penghantaran percubaan dan aktiviti-aktiviti Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri.

Selain daripada itu, Kerajaan telah mengarahkan semua syarikat penerbangan termasuk Sistem Penerbangan Malaysia memperkenalkan Kadar Komoditi Khas, atau Specific Commodity Rates, dengan izin, untuk mengangkut buah-buahan ke pasaran-pasaran luar negeri dengan kadar tambang yang munasabah. Syarikat Sistem Penerbangan Malaysia juga mempersetujui memperuntukkan ruang kargo sebanyak 4 tan metrik seminggu untuk mengangkut buah-buahan tempatan ke negara-negara Eropah.

Usaha-usaha Kerajaan dalam bidang pemasaran ini telah memberi

hasil yang menggalakkan memandangkan nilai eksport buah-buahan dari Malaysia telah meningkat dari \$35,296,000 pada tahun 1984 kepada \$72,311,500 pada tahun 1985. Selain daripada Republik Singapura, buah-buahan Malaysia telah berjaya menembusi pasaran di Hongkong dan usaha sedang diambil untuk menerokai pasaran di Jepun, negara-negara Eropah Barat dan Asia Barat.

Untuk memesatkan lagi pembangunan perusahaan buah-buahan di negara ini, Majlis Industri Buah-buahan Malaysia akan dilancarkan kelak. Majlis ini akan berfungsi sebagai badan penasihat kepada Kerajaan dalam menggubal dasar dan program-program pengeluaran pemasaran, pemrosesan dan pengeksportan buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai dengan buah durian, hasil pasaran buah durian, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah sedar buah durian ini tidak boleh dibawa masuk ke hotel, manakala buah durian ini buah kebangsaan (national fruit), mungkin kerana baunya dan kita tahu baunya itu kuat tetapi sedap. Jadi benda lain yang lebih busuk pun boleh masuk ke hotel, apa fasal buah durian ini tidak boleh kita bawa masuk ke hotel sebagai salah satu strategi kempen pemasaran untuk memajukan buah-buah tempatan? Apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Dalam kapalterbang pun tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, hendak eksport macam mana?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak boleh memaksa hotel-hotel membenarkan buah durian masuk ke hotel-hotel. Ini adalah tanggungjawab hotel-hotel sendiri dan juga kapalterbang. Saya

haraplah Yang Berhormat boleh berhubung dengan MAS dan minta MAS memberikan keizinan durian boleh masuk ke kapalterbang.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar harga buah-buahan tempatan lebih tinggi daripada harga buah-buahan yang datang dari lain-lain negeri? Semua orang miskin tidak boleh makan durian kerana harganya kadang-kadang \$10 atau \$15, sekurang-kurangnya \$5. Pasal apa harga ini tinggi, sebab saya fikirkan fasal sesiapa yang mohon tanah mahu tanam buah-buahan tempatan tidak dapat tanah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri keterangan fasal apa harga ini tinggi, kalau tidak dapat tanah mahu tanam buah tempatan, bolehkah beri tanah?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedar harga buah-buah tempatan adalah tinggi dibandingkan dengan buah-buah yang diimport. Masalah ini boleh diatasi dalam sistem pemasaran dan sekarang Kementerian Pertanian ada satu jawatankuasa yang menyiasat macam mana sistem pemasaran boleh bertambah baik dan boleh dibekalkan kepada orang ramai dengan buah-buahan yang lebih murah.

Berkenaan tanah-tanah, itu adalah di bawah kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kementerian Pertanian adalah menggalakkan tiap-tiap Kerajaan Negeri untuk memberikan lebih luas tanah untuk menanam buah-buahan.

KENAIKAN HARGA KOMODITI

4. Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau minta Menteri Kewangan menyatakan kelebihan hasil sampai

kini atas anggaran jumlah dalam Belanjawan 1987 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Ketujuh memandangkan kenaikan harga-harga komoditi kita sejak awal tahun ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan 1987 jumlah hasil adalah dianggarkan sebanyak \$18,037 juta. Berdasarkan maklumat-maklumat terbaharu anggaran ini pada masa sekarang telah disemak kepada \$18,480 juta iaitu tambahan sebanyak 2.5% atau \$443 juta. Tambahan ini adalah antara lain disebabkan kenaikan harga-harga komoditi dan Keluaran Negara Kasar. Jumlah hasil yang dipungut bagi tempoh Januari hingga April tahun ini adalah sebanyak \$5,292 juta ataupun 28.6% daripada anggaran disemak. Jumlah ini adalah lebih sebanyak \$133 juta dibandingkan dengan anggaran Belanjawan 1987 bagi tempoh yang sama.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan wang yang bertambah ini dari luar yang diketahui masa membuat Belanjawan tahun 1987 dan mengikut penerangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam pre-Budget 1988 statement dalam Straits Times pagi ini, adakah jalan pertama di negeri Sarawak masuk dalam lingkungan projek luar bandar?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tambahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Saratok, saya minta maaf kerana dengan negeri Sarawak itu saya tidak berapa pasti. Kalau boleh saya minta Yang Berhormat berkenaan mengemukakan soalan itu kepada Kementerian Kewangan secara bertulis.

KEBAKARAN DI DATUK KERAMAT

5. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) benarkah Kerajaan gembira dengan dua kebakaran di kampung Datuk Keramat dalam bulan Februari lalu kerana ia boleh membangunkan kawasan-kawasan setinggan itu;
- (b) benarkah kebakaran itu sesuatu yang dihajati oleh pihak berkuasa supaya memudahkan pihak tertentu membangunkan kawasan tadi tanpa berunding dengan para setinggan; dan
- (c) pihak manakah yang diamanahkan oleh Kerajaan untuk membangunkan kawasan itu dan sudah berapa lamakah perundingan dan perancangan membangunkan kawasan itu dibuat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi lebih lanjut, izinkan saya bertanya kepada Ahli Yang Berhormat daripada Pengkalan Chepa sama ada beliau hendak tarik balik soalan ini atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Apa fasal bertanya macam itu? Tidak payah tanya, saya minta Yang Berhormat jawab terus.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Pengkalan Chepa dan rakyat maklum bahawa Kerajaan yang ada sekarang ini iaitu Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan yang berdasarkan kepada tradisi membela rakyat. Jadi, berdasarkan itu maka Kerajaan tidak sama sekali berasa gembira dengan kejadian kebakaran di dua buah kawasan setinggan di Kampung Datuk Keramat pada bulan

Februari 1987 yang baru lalu. Kejadian ini merupakan satu kejadian yang di luar jangkaan.

Mengenai kenyataan bahawa kebakaran ini dihayati oleh pihak berkuasa supaya memudahkan pihak tertentu membangunkan kawasan tadi adalah sama sekali tidak benar. ini adalah merupakan satu fitnah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sebagai Kerajaan bertanggungjawab, bertolak ansur dan berdasarkan kepada tradisi membela rakyat maka rundingan sentiasa dibuat dengan pihak mangsa-mangsa kebakaran untuk mencapai penyelesaian bagi membangunkan kawasan yang terbakar itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemaju yang diamanahkan untuk memajukan semula kawasan kampung yang terbakar ini ialah Peremba Development Sendirian Berhad. Pihak pemaju telah pun mula membuat perancangan secara teliti sejak 22hb April 1987 yang lalu selepas mereka mendapat tawaran sebagai pemaju untuk projek tersebut.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Setelah penerangan yang diberi dengan jelas iaitu pembangunan akan dibuat tidak berapa lama lagi, saya ingin bertanya berapa unitkah akan disediakan pembangunan yang akan dijalankan nanti bagi menempatkan mangsa-mangsa yang terlibat.

Nombor dua, saya ingin bertanya berapa jumlahnya mangsa yang terlibat itu iaitu satu di kalangan warganegara Malaysia kita sendiri dan yang kedua di kalangan warganegara asing yang mana kita dapat tahu hari itu jumlahnya begitu besar. Saya ingin hendak dapat penjelasan di atas kedua-dua soalan ini.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagi pembangunan

semula kawasan terbakar ini, Kerajaan menerusi syarikat yang dipertanggungjawabkan akan membina sebanyak 900 buah unit yang terdiri daripada 400 unit rumah kos rendah lima tingkat, 180 unit rumah kos pertengahan rendah dan 320 unit rumah kos pertengahan.

Bagi jawapan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mangsa kebakaran bagi rakyat asing adalah seramai 200 orang dan bagi rakyat Malaysia sebanyak 203 orang.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah benar rakyat asing itu telah diberikan rumah awam atau rumah kos rendah? Kalau mereka diberikan ini, adakah ini telah menyebabkan rakyat Malaysia tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan rumah kos rendah ini terutamanya kerana terdapat banyak warganegara-warganegara kita yang tinggal di kawasan-kawasan setingan.

Yang kedua, memandangkan kebakaran yang berlaku di Datuk Keramat, adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk mengecualikan mangsa-mangsa kebakaran tersebut dari membayar bayaran-bayaran penggantian dokumen-dokumen yang hangus dalam kebakaran itu seperti kad pengenalan, pasport dan lain-lain dokumen yang penting? Adakah mereka dikecualikan dari membayar bayaran penggantian?

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang pertama, tidak. Jawapan yang kedua, tidak.

PINJAMAN PERUMAHAN

6. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bank-bank komersial dan institusi-institusi kewangan di negara ini sehingga bulan Disember 1986 telah bersikap dingin

terhadap pinjaman perumahan, terutama sekali rumah-rumah yang berharga kurang dari \$100,000 dan jika ia, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menggalakkan institusi-institusi kewangan swasta untuk memberi lebih banyak lagi pinjaman-pinjaman perumahan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara setiap tahun mengeluarkan garis panduan kepada bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan mengenai pinjaman kepada sektor-sektor utama, termasuk rumah-rumah yang berharga \$100,000 ke bawah. Di bawah garis panduan ini, bank dan syarikat kewangan dikehendaki memberi sejumlah pinjaman yang ditentukan kepada sektor-sektor utama pada kadar faedah yang biasanya lebih rendah daripada kadar faedah pasaran. Garis panduan ini disemak setiap tahun setelah tempohnya tamat.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah garis panduan bagi tahun 1986 dan 1987, bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan dikehendaki membiayai pembelian sekurang-kurangnya 100,000 unit rumah baru dibina berharga \$100,000 ke bawah, di mana sekurang-kurangnya 60,000 unit rumah-rumah hendaklah merupakan rumah berharga \$25,000 ke bawah. Daripada jumlah tersebut iaitu 60,000 unit rumah, sekurang-kurangnya 30,000 unit hendaklah kepada masyarakat bumiputera. Garis panduan ini hendaklah dipatuhi oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan menjelang 31hb Disember, 1987.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga penghujung bulan Disember 1986, bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan telah membiayai sebanyak 45,067 unit rumah berharga \$100,000 ke bawah atau 45.1% daripada peruntukan

minimum 100,000 unit. Menjelang penghujung bulan April 1987, pembiayaan institusi-institusi kewangan ini telah meningkatkan kepada 57,277 unit atau 57.3% daripada peruntukan minimum yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan garis panduan yang dikeluarkan dipatuhi oleh institusi-institusi kewangan, denda akan dikenakan ke atas institusi-institusi kewangan yang tidak mematuhi garis panduan tersebut.

Selain daripada itu, pada penghujung bulan April 1987, institusi-institusi kewangan juga telah mengeluarkan pinjaman perumahan sebanyak \$9,401.2 juta berbanding dengan \$9,114.1 juta pada penghujung bulan Disember 1986. Jumlah ini merupakan 14.6% daripada jumlah keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan pada akhir bulan April 1987 iaitu 13.9% pada akhir tahun 1986.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan yang mulia ini apakah jenis-jenis denda yang dikenakan kepada institusi-institusi kewangan yang enggan mematuhi syarat-syarat ataupun garis panduan yang dikenakan oleh Bank Negara terhadap mereka untuk membenarkan pinjaman-pinjaman tersebut dan berapakah jumlah bank-bank dan juga institusi-institusi kewangan yang lain yang telah didenda kerana tidak mematuhi aturan-aturan ini?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa masih ramai lagi terdapat ataupun banyak lagi rungutan-rungutan yang kita dengar bahawa amat susah bagi bakal-bakal pembeli rumah untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman untuk membeli rumah terutama sekali rumah-rumah yang dibina di luar bandar?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bagi pihak Kementerian Kewangan mengatakan bahawa institusi-institusi kewangan akan dikenakan denda jikalau mereka tidak mematuhi garis panduan yang disebutkan tadi, itu bermakna salah satu denda yang dikenakan kepada mereka ialah jumlah wang yang tidak diluluskan atau diberikan kepada para pemohon rumah di dalam sesebuah bank akan diminta salurkan kepada Bank Negara dan kadar faedah yang diberikan atas wang yang disalurkan kepada Bank Negara itu adalah lebih rendah daripada kadar faedah yang diberikan kepada lain-lain wang yang disimpan dalam Bank Negara. Ini hanyalah satu denda yang dikenakan kepada institusi-institusi kewangan yang tidak mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara.

Bagi menjawab soalan tambahan berkenaan dengan bilangan institusi-institusi kewangan yang tidak mematuhi garis panduan ini, minta maaf, saya tidak ada angka-angka kerana ini adalah satu soalan yang spesifik. Kalau Yang Berhormat berkenaan bertanya secara bertulis, saya akan beri tahu angka-angka yang sedia ada sekarang ini.

Bagi soalan ketiga, Kerajaan sedar bahawa keadaannya adalah begitu di dalam pasaran negara kita ini dan Kerajaan akan mengambil perhatian atas masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar semua rancangan, khasnya skim perumahan kos rendah di negeri Selangor tidak dapat dilaksanakan oleh kerana pihak pemaju tidak dapat memperolehi pinjaman daripada bank-bank di negara kita dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian terhadap masalah ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini, iaitu pemaju-pemaju yang ada di dalam negara kita ini adalah pemaju-pemaju private, dengan izin, dan apabila mereka ingin meminjam atau memohon pinjaman berkenaan daripada bank-bank tertentu, ini adalah kuasa bank-bank tertentu untuk memberikan pinjaman perumahan itu. Walau bagaimanapun, bagi pihak Kerajaan, Kerajaan hanya boleh menasihatkan bank-bank yang berkenaan supaya memberikan atau meluluskan permohonan pinjaman perumahan kepada pemaju-pemaju lebih daripada masa yang biasa, iaitu pada masa yang tidak di dalam kemelesetan ekonomi.

KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA

7. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian mengenai keselamatan jalan raya, selain dari kempen keselamatan jalan raya yang telah diadakan memandangkan angka-angka kemalangan senantiasanya bertambah.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, selain dari kempen keselamatan jalan raya yang diadakan dari semasa ke semasa, Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Kementerian-kementerian, agensi-agensi dan Jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Polis, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Penerangan serta syarikat-syarikat swasta telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah kemalangan jalan raya seperti berikut:

- (i) mengadakan ceramah/dialog/pameran, bagi kumpulan sasar tertentu termasuklah

pemandu-pemandu kenderaan Kerajaan dan swasta, kanak-kanak sekolah dan orang ramai di kompleks membeli-belah;

- (ii) menjalankan permainan lalulintas di kalangan murid-murid sekolah;
- (iii) menggalakkan penubuhan kelab keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah sebagai salah satu gerak Kerja ko-kurikulum;
- (iv) mengadakan Skim Sijil Cermat Memandu untuk mendisiplin dan menggalakkan kesedaran pemandu-pemandu syarikat-syarikat dan juga pemandu-pemandu Jabatan Kerajaan mengenai keselamatan jalan raya;
- (v) menyebarkan maklumat-maklumat mengenai kesematan jalan raya melalui media massa seperti radio, televisyen dan akhbar. Sebuah filem keselamatan jalan raya yang baru telah dikeluarkan dan sedang ditayangkan di rangkaian televi-syen negara kita;
- (vi) memperketatkan tindakan penguatkuasaan ke atas pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan lalulintas. Di antara program-program penguatkuasaan, selain daripada tugas penguatkuasaan biasa oleh pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah:

(a) Sistem KEJARA—

Sistem pemberian mata kesalahan kepada pemandu-pemandu kenderaan yang melakukan kesalahan-kesalahan lalulintas.

(b) Borang Laporan Kesalahan Lalulintas oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A—

Pegawai Kerajaan Kumpulan A adalah dibenar melaporkan kesalahan - kesalahan lalulintas yang dilakukan oleh pengguna - pengguna jalan raya.

Aktiviti-aktiviti yang sedang dalam perancangan dan akan dilaksanakan tidak lama lagi ialah:

- (i) mengeluarkan buku panduan pendidikan keselamatan jalan raya untuk rujukan dan panduan di sekolah berkaitan dengan pengajaran dan pendidikan keselamatan jalan raya;
- (ii) menyediakan kurikulum baru sekolah memandu supaya mewujudkan pemandu-pemandu yang bukan sahaja mahir memandu tetapi juga memandu secara berhemat dan tahu tentang cara mengelakkan kemalangan;
- (iii) memperkenalkan had laju nasional;
- (iv) menggalakkan penggunaan bahan-bahan bersinar untuk keselamatan pengguna jalan raya seperti pejalan kaki, penunggang motosikal dan basikal di waktu gelap ataupun di waktu malam;
- (v) memperbaiki borang laporan kemalangan jalan raya untuk membolehkan pemungutan data-data yang lebih teliti untuk menyenangkan tindakan analisa kemalangan jalanraya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab-sebab

utama meningkatnya angka-angka kemalangan jalan raya di Malaysia dan benarkah bahawa peratus kemalangan jalan raya di Malaysia ialah salah satu yang tertinggi di dunia. Jika benar, berapakah peratus yang sebenarnya?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab meningkatnya kemalangan jalan raya ialah pengguna-pengguna jalan raya tidak cermat, tidak berhemat, yang memandu pula banyak sangat melanggar kesalahan-kesalahan lalulintas. Kalau saya hendak huraikan kesalahan-kesalahan itu panjang sangat, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, apa Yang Berhormat kata tadi itu?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dan benarkah bahawa peratus kemalangan jalan raya di Malaysia adalah salah satu yang tertinggi di dunia. Jika benar, berapakah peratus yang sebenarnya?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memang benar. Malaysia ialah seperti lagu "pop" iaitu "top ten" dalam dunia antarabangsa dari segi kemalangan jalan raya. Jadi, saya inginlah mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana Ahli Yang Berhormat ini selalunya berucap, berceramah di merata-rata, tolonglah sama-sama mengingatkan dan kadar kematian setiap hari di Malaysia iaitu akibat daripada kemalangan jalan raya ialah 8 orang tiap-tiap hari.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Angka-angka kemalangan di dalam negara kita ini sentiasa bertambah seperti yang terbukti oleh Timbalan Menteri iaitu merupakan "top ten". Ini bukan satu perkara yang patut kita berasa bangga tetapi berasa malu. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar punca utama mengapa angka-angka kemalangan di dalam negara

kita bertambah adalah berkaitan dengan taraf memandu oleh pemandu-pemandu, khasnya oleh mereka yang boleh dapat lesen memandu dengan senang sahaja, iaitu dengan membayar duit "kopi O" dan mengakibatkan ada sebahagian besar pemandu-pemandu yang tidak ada kemahiran ataupun tidak layak memandu kereta tetapi mereka membawa kereta di jalan raya—membahayakan diri tidak mengapa, tetapi pun membahayakan nyawa kita sendiri.....

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ada lagi?

Tuan Hu Sepang: Jadi, apakah tindakan akan diambil oleh Kementerian ini untuk mencegah supaya orang yang patut memandu baru boleh dapat lesen dan bukanlah dengan cara sewenang-wenangnya dengan membayar duit "kopi O" (*Ketawa*)—untuk mendapatkan coffee "O" licence—lesen "kopi O" (*Ketawa*).

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, cukuplah itu, panjang sangat Ahli Yang Berhormat. Saya taham apa maksud Ahli Yang Berhormat itu.

Memang kami tidak bangga menjadi "top ten" dalam kemalangan jalan raya dan itulah sebabnya Majlis Keselamatan Jalan raya telah pun merancang dan mencadangkan berbagai usaha supaya dapat kita mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

Di samping itu pihak Kementerian juga, dengan mengadakan, dengan izin, Road Transport Act 1987 ini, dengan penguatkuasaan yang lebih ketat, kita harap dapat meaksanakan hasrat kita itu dan menurunkan lagi bilangan kemalangan jalan raya.

Saya sama sekali tidak bersetuju iaitu Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa kerana adanya lesen-lesen Kopi "O" di mana

pemandu yang tak layak pun boleh mendapat lesen. Apabila pemandu-pemandu itu diuji telah dapat melaksanakan syarat-syarat atau menunjukkan kemampuan, kebolehan mereka diberi lesen. Tetapi tak kurang pula orang yang datang membuat aduan atau komen kepada saya mengatakan sampai 4 kali tak lulus dalam ujian. Jadi kalau dengan adanya perkara-perkara seperti itu bagaimanakah saya hendak terima tuduhan mengatakan bahawa banyak lesen-lesen Kopi "O" yang bertaburan di tengah jalan dalam Malaysia ini.

Saya tak boleh terima tuduhan itu dan itulah sebabnya.....

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tunggulah dulu saya belum selesai lagi.....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak bagi jalan. Sila duduk!

Datin Paduka Hajjah /aleha binti Ismail: Belum, nanti dahulu, saya ada hendak jawab lagi, jika yang tadi tak selesai lagi, hendak jawab satu lagi macam mana?

Benarkan saya selesaikan dahulu dalam soalan ini. Itulah sebabnya Jabatan Pengangkutan Jalan menyediakan Kurikulum Baru untuk Sekolah Memandu sehinggakan ada digredkan, Gred A, Gred B dan Gred C dan juga diminta mengadakan berbagai syarat, seperti mengadakan bilik darjah untuk mengajar pemandu supaya mereka itu boleh memandu secara berhemat yang dikatakan tadi iaitu berhemat, dengan bertimbang rasa terhadap pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Jadi dengan adanya Kurikulum Baru itu, dengan adanya 3 bahagian memandu yang dikehendaki supaya seseorang pemandu itu melaluinya dan

lulus, maka kita berharaplah dengan cara itu kita akan mempunyai pemandu-pemandu yang bertanggungjawab, bertimbang rasa, berhemat di jalan raya dan di samping usaha-usaha lain diharapkan dapat mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

SYARIKAT KERAJAAN— MENGENALPASTI MASALAH KEWANGAN

8, **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah melancarkan satu program untuk membantu syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan yang menghadapi masalah pengurusan prestasi, jika benar, berapa banyak syarikat-syarikat yang tenat telah ditolongi dan diselamatkan. Sejauh mana PNB, berjaya memulihkan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini PNB tidak ada melancarkan program yang sedemikian. Sebaliknya, Unit Pusat Pengumpulan Maklumat (UPPM) yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan dan diuruskan oleh PNB hanya bertindak untuk mengumpul data kewangan dan bukan kewangan dari syarikat-syarikat Kerajaan dan menganalisis maklumat tersebut untuk mengenalpasti syarikat-syarikat yang mungkin mengalami masalah kewangan atau menghadapi masalah-masalah yang mungkin memberikan implikasi yang negatif kepada kedudukan kewangan syarikat-syarikat tersebut. Maklumat-maklumat yang dikumpul dan dianalisa dikemukakan kepada Perbendaharaan dan Kementerian-kementerian yang mengawas untuk tindakan selanjutnya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak mengadakan data dan maklumat yang begitu, adakah PNB bercadang bahawa akan mengambil tindakan melalui PNB bukan melalui cabang-cabangnya yang lain, kerana itulah yang lebih berkesan untuk mendapatkan matlamatnya yang dikehendaki.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

SKIM KAMPUNG CONTOH DI SARAWAK

9. **Dr Nicholas Munong Ibau** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah skim-skim kampung contoh di Sarawak sejak ianya dilancarkan oleh Jabatan Pertanian di Sarawak;
- (b) sejak skim kampung contoh dilancarkan adakah skim itu memberi kesan yang membanggakan yang boleh meninggikan tahap penghidupan penduduk luar bandar. Jika ada, adakah Kerajaan mencadangkan skim-skim itu diteruskan di masa-masa yang akan datang.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada 1,522 buah skim kampung contoh atau skim kampung intensif pertanian yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sarawak seperti berikut:

<i>Bahagian</i>	<i>Bilangan</i>
Kuching ..	160
Samarahan	165
Sri Aman..	344
Sarikei	283
Sibu.. ..	177
Kapit	98
Miri..	124
Limbang ..	82
JUMLAH	1,522

Skim kampung contoh atau kampung intensif pertanian ini telah memberi kesan kepada kaum petani, khususnya di luar bandar dari segi organisasi, latihan dan pengurusan ladang.

Dengan adanya pengurusan ladang yang tertentu di kampung-kampung yang terlibat, maka pendapatan dari keluaran hasil-hasil pertanian akan meningkat. Oleh yang demikian, skim kampung contoh/kampung intensif pertanian ini merupakan prioriti utama Jabatan Pertanian Sarawak dan akan diperkembangkan di kawasan luar bandar dari setahun ke setahun.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan. Nampaknya daripada jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian telah menyatakan ada lebih kurang 1,500 kampung contoh telah dilaksanakan di Sarawak. Bolehkah beliau memberitahu Dewan ini sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dan apakah kesulitan yang sedang dan akan dihadapi?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Jabatan Pertanian Sarawak mendapati hasil-hasil skim ini memuaskan dan tidak ada menghadapi apa-apa masalah.

KEMALANGAN JALANRAYA AKIBAT KEROSAKAN JALAN

10. **Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah jumlah kemalangan jalanraya yang berlaku kerana kecuaihan pihak JKR yang tidak meletakkan tanda-tanda jalan yang betul, isyarat-isyarat jalanraya yang tidak ada di tempat-tempat tertentu, alat-alat pembinaan jalanraya yang tidak teratur semasa pembaikan di bawah peruntukan penjagaan jalan dan oleh kerosakan jalan yang dibiarkan beberapa lama oleh pihak Jabatan

Kerja Raya. Adakah pernah Kerajaan didakwa oleh orang perseorangan ataupun syarikat-syarikat tertentu yang terlibat di dalam kemalangan jalanraya hasil daripada kecuaiian pihak Kerajaan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, kemalangan jalanraya boleh berlaku atas berbagai sebab. Kementerian Kerjaraya tidak menafikan bahawa kemalangan boleh berlaku atas sebab kecuaiian agensi Kerajaan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Analisa ke atas kemalangan jalanraya yang berlaku pada tahun 1984 oleh Polis Di Raja Malaysia menunjukkan dari jumlah 73,727 kemalangan jalanraya, hanya 921 kes kemalangan berlaku akibat dari kerosakan yang terdapat di atas jalan seperti halangan (obstruction), permukaan jalan yang licin dan lain-lain sebab.

Kerajaan memang pernah didakwa di mahkamah akibat dari kemalangan yang berlaku atas berbagai sebab. Mengikut maklumat yang telah diberikan kepada saya setakat ini belum ada jurutera Jabatan Kerjaraya yang telah didakwa atas sebab kecuaiian.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, lazim sangat apabila berlaku kemalangan jalanraya, kita menyalahkan pemandu-pemandu. Tetapi apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa diantara sebab-sebab berlakunya kemalangan di tebu-lebuhraya ialah disebabkan oleh jalan yang tidak mempunyai hentian sebelah yang tidak mencukupi, lampu-lampu isyarat di tempat mana-mana jalan di bina tidak diletakkan dengan betul, tidak terang. Apabila pemandu datang jauh daripada satu hala ke satu

hala dan pembinaan jalan raya kita tengok berlekok-lekok dan berlegar-legar, yang kita rasakan itu semua memberikan sumbangan yang besar kepada kemalangan jalanraya selain daripada kecuaiian pemandu. Apakah langkah daripada Kementerian Kerjaraya untuk mengatasi masalah ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat, seperti apa yang dikatakan oleh beliau tadi, Kementerian saya telah mengambil beberapa tindakan dan telah membelanjakan beberapa juta ringgit untuk mengadakan papan-papantanda dan juga "cat eyes", dan juga road cosmetics, dengan izin, untuk memperbaiki jalan-jalanraya yang sedia ada. Tetapi ini bukan berertinya manusia boleh juga menukar fikiran mereka apabila mereka menggunakan jalan. Papantanda boleh menunjukkan apa mereka akan buat, tetapi papantanda tidak boleh meminta mereka mengikuti dengan undang-undang yang sedia ada. Itulah kesalahan manusia, kesalahan manusia bukanlah kesalahan papantanda yang ada di atas jalan.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun untuk membaharui papantanda yang sedia ada, satu perbelanjaan yang besar kita tahu akan dibelanjakan berjumlah beberapa juta ringgit. Pada akhirnya Jabatan Kerjaraya telah mengambil keputusan untuk mengadakan satu faktri sendiri untuk membuat papantanda itu, jikalau diberi kepada orang lain daripada luar, jadi harga itu adalah lebih tinggi dan juga memakan peruntukan wang yang lebih daripada Kerajaan. Walau bagaimanapun saya suka menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu rancangan untuk mengadakan jalanraya dan lebuhraya baru iaitu mengeluarkan negara ini daripada 'top ten' — satu.

Yang kedua, untuk mengadakan satu rangkaian jalan yang lebih baik daripada apa yang kita punyai sekarang dan saya harap dalam tempoh 5 tahun akan datang, negara kita akan memasuki dalam "the top ten best road owners", dengan izin, di dalam tanahair dan di dunia ini. *(Tepuk)*

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu kita pernah mendengar bahawa Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memperkenalkan suatu undang-undang melarang pemandu-pemandu menghisap rokok semasa memandu, sejauh manakah rancangan ini akan diteruskan? Terima kasih.

Dato' S. Samy Vellu: Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah membentangkan suatu undang-undang baru iaitu, Road Transport Act, jadi sebahagian undang-undang itu sedang memberikan sedikit kuasa kepada Menteri Kerjaraya. Apabila Dewan yang mulia ini menerima undang-undang itu sahaja dengan tegas saya akan pegang kuasanya *(Ketawa)*.

PELAJARAN SEJARAH DALAM KBSM

11. Dr Lim Ann Koon minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pendekatan baru dalam mengajar Sejarah dalam KBSM akan menitikberatkan sifat berbilang bangsa negara dan sumbangan tokoh-tokoh bukan bumiputera dalam membina negara.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, kandungan kurikulum Sejarah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah akan memberi penekanan terhadap unsur-unsur kesinambungan dan perubahan yang telah berlaku

dalam kehidupan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi, sosial dan budaya. Dengan ini aspek-aspek seperti semangat kerjasama di antara kaum dan sumbangan tokoh-tokoh pelbagai kaum yang telah bersama-sama berjuang untuk pembangunan dan kemakmuran negara akan dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran Sejarah.

Matlamat akhir matapelajaran Sejarah ini ialah untuk menanamkan semangat kecintaan kepada negara dan supaya masyarakat kini terikat dengan kenyataan dan realiti Sejarah mereka sendiri.

KILANG MEMPROSES IKAN— CADANGAN MENDIRIKAN

12. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengatakan reaksi Kementerian tersebut terhadap cadangan untuk mendirikan kilang bagi memproses tangkapan ikan, udang dan sotong oleh para nelayan di daerah Kudat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M.G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sememangnya mengalu-alukan cadangan bagi mendirikan kilang untuk memproses tangkapan ikan, udang dan sotong oleh para nelayan di daerah Kudat, Sabah atau daripada sesiapa. Daripada maklumat yang saya dapati, Kementerian atau MIDA belum menerima permohonan daripada nelayan-nelayan di daerah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 67 adalah diberi di bawah ini).

HARGA KOMODITI BARANGAN UTAMA

13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan peningkatan nilai komoditi kita. Apakah hasil terakhir yang dapat dicapai dalam usaha meningkatkan nilai dan permintaan kepada komoditi-komoditi kita seperti timah, kelapa sawit dan getah dan apakah perkembangan terakhir mengenai timah hasil daripada usaha Kementerian untuk mencari penyelesaian mengenainya.

27. Tuan Abdul Rahman Bakar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian bagi memulih harga komoditi barangan utama negara memandangkan harga barangan tersebut masih belum memuaskan dan perlu dipulih segera demi kestabilan ekonomi negara.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Pada keseluruhannya harga barangan utama negara seperti getah asli, minyak kelapa sawit, kayu-kayan dan timah telah pulih pada beberapa bulan kebelakangan ini. Pemulihan harga barangan utama ini adalah disebabkan oleh, antara lain, peningkatan permintaan dari negara-negara pengguna terutamanya negara-negara perindustrian yang telah menunjukkan pemulihan ekonomi yang sederhana dan keadaan inflasi yang lebih terkawal. Namun demikian harga barangan utama Malaysia masih di tahap yang tidak memuaskan jika dibandingkan sebelum kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1981. Oleh itu Kerajaan sentiasa berusaha untuk memulihkan harga barangan utama negara.

Pada keseturuhannya nilai eksport barangan utama Malaysia tidak termasuk petroleum dan gas dijangka meningkat sebanyak lebih kurang 10% pada tahun ini daripada \$13,129 juta

pada tahun 1986. Ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga bagi beberapa barangan utama seperti getah, minyak kelapa sawit, kayu-kayan dan timah.

Bagi minyak kelapa sawit, terdapat tanda-tanda positif bahawa harga yang telah pulih pada awal tahun ini dapat dikecapi pada paras \$770/tonne hingga akhir tahun, manakala harga getah RSS 1 telah terus meningkat daripada 208 sen/kg. pada tahun 1986 kepada 246 sen/kg. pada Jun, 1987. Harga timah pula adalah stabil pada peringkat \$16.60/kg. dalam enam bulan pertama tahun ini.

Pada keseluruhannya peningkatan harga barangan utama kita ini merupakan hasil permintaan dunia yang meningkat. Di samping itu beberapa usaha Kerajaan telah pun berjaya untuk menentukan pemulihan harga barangan tersebut. Umpamanya, dengan bantahan Kerajaan yang disokong oleh beberapa negara pengetuar minyak dan lemak telah pun berjaya mematahkan cadangan Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) untuk menaikkan cukai import ke atas minyak dan lemak sayuran termasuk minyak kelapa sawit sehingga negara-negara EEC baru-baru ini tidak meluluskan cadangan ini. Dengan kejayaan ini, kita dapat mengelakkan kejatuhan permintaan dan seterusnya harga minyak kelapa sawit. Di samping itu juga kejayaan Kerajaan dalam merundingkan semula Perjanjian Getah Asli Antarabangsa dengan lain-lain negara pengeluar dan pengguna akan dapat menentukan pemulihan harga getah asli tidak terancam oleh pelepasan stok yang disimpan oleh Perjanjian tersebut. Seterusnya usaha-usaha Kerajaan dalam bidang galakan eksport dan penyelidikan dan pembangunan dapat mempelbagaikan pasaran bahan-bahan utama kita serta meningkatkan nilainya.

Mengenai usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah lebih stok timah se dunia, skim merasionalisasikan bekalan timah yang dipersetujui oleh Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) telah pun dilaksanakan bersama-sama dengan Brazil dan Republik Rakyat China mulai 1 Mac, 1987. Di bawah Skim ini ahli-ahli ATPC telah bersetuju untuk menghadkan eksport timah ke paras 96,000 tonne pada tahun 1987. Daripada penilaian-penilaian yang telah dibuat di mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ATPC pada 23 hingga 25 Jun, 1987, adalah didapati rancangan ini sedang berjalan dengan lancar. Tiap-tiap negara ahli ATPC serta Brazil dan Republik Rakyat China mematuhi rancangan ini yang bertujuan untuk menyusutkan lebih bekalan timah secara teratur dan tertentu bagi tujuan memulihkan pasaran timah ke keadaan yang biasa dalam tempoh yang lebih awal.

Dari segi minyak kelapa sawit, bahan ini sedang menghadapi tekanan-tekanan dakyah di pasaran Amerika Syarikat. Dalam hal ini Kerajaan telah menghantar bantahan kepada Kerajaan Amerika Syarikat yang sedang didesak oleh Persatuan Kacang Soya Amerika untuk mengisytiharkan bahawa minyak kelapa sawit merupakan satu lelemak minyak yang tepu (saturated) yang boleh menjejaskan kesihatan. Kerajaan telah pun melantik sebuah Syarikat Perhubungan Awam Amerika untuk mengambil langkah bagi menentang kempen memburuk-burukkan minyak kelapa sawit dan kelapa di Amerika Syarikat.

Kerajaan juga telah mengemukakan bantahan kepada kesatuan Eropah (EC) yang bercadang mengenakan cukai import kepada minyak kelapa sawit sebanyak 300 ECU se tonne yang jika dilaksanakan akan meningkatkan harga minyak kelapa sawit sebanyak 20% di pasaran tersebut. Walau bagaimanapun

dengan usaha-usaha Kerajaan, cadangan ini tidak diterima oleh negara-negara EEC.

Selain daripada tindakan-tindakan yang saya sebutkan tadi, Kerajaan juga sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memperkukuhkan pasaran eksport barangan utama bagi menambah permintaan dan dengan itu adalah diharapkan harga dapat dipulihkan serta dikekalkan pada paras yang berpatutan untuk pengeluar-pengeluar. Di antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil termasuklah:

- (i) Menghantar misi-misi perdagangan ke pasaran yang ada untuk memperkukuhkan dan juga menembusi pasaran baru dan yang berpontensi;
- (ii) Menyertai pameran dan pertunjukan perdagangan untuk memperkenalkan barangan utama di negara-negara pengguna;
- (iii) Meningkatkan usaha-usaha bagi mengurangkan ataupun, kalau botech, menghapuskan halangan larif dan bukan tarif yang dikenakan oleh negara-negara pengimport terhadap barang utama Malaysia;
- (iv) Menggalakkan perdagangan secara langsung;
- (v) Meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan bagi menambahkan kecekapan dan mengurangkan kos pengeluaran supaya barang utama Malaysia lebih kompetitif di pasaran utama; dan
- (vi) Memperluaskan lagi bidang kegunaan akhir bagi menambahkan nilai tokok dan harga.

GALAKAN KEPADA PELANCONG

14. **Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan semenjak Kementerian ini ditubuhkan;

- (a) apakah program-program/rancangan Kementerian termasuk kemudahan-kemudahan bagi menarik lebih ramai pelancong datang ke negara ini.
- (b) sejauh manakah kedudukan Pulau Langkawi dan Pulau Tioman berfungsi sebagai "Pusat Pelancongan" yang berpotensi masa kini dan masa hadapan.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa berusaha untuk menggalakkan lebih ramai pelancong supaya melawat negara kita. Usaha-usaha Kerajaan adalah terbahagi kepada empat langkah pemasaran pelancongan iaitu pengiklanan, penggalakan, perhubungan awam dan penyebaran maklumat pelancongan, di semua pasaran pelancong yang utama. Langkah-langkah Kerajaan, sama ada secara persendirian atau dengan kerjasama pihak-pihak lain yang terlibat dalam industri pelancongan, adalah mendapat kerjasama dan sokongan pihak swasta seperti Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), agensi pelancongan dan sektor perhotelan dengan menawarkan program-program lawatan ke negara ini dengan harga yang berpatutan.

Dari segi pembangunan, Kementerian sedang menyediakan satu Pelan Pelancongan Kebangsaan bertujuan untuk meneliti dan mengenalpasti serta menyelaraskan kemudahan-kemudahan dan tarikan-tarikan yang perlu dipertingkat dan dibangunkan. Kajian ini dilaksanakan dengan bantuan Kerajaan Jepun. Dengan adanya pelan tersebut pembangunan industri pelancongan akan dapat diadakan dengan lebih teratur dan memberikan faedah maksima kepada negara.

- (b) Pulau Langkawi dan Pulau Tioman memang mempunyai potensi sebagai destinasi-destinasi pelancongan yang terkemuka berdasarkan kepada tarikan-tarikan pelancongan dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada dan telah dibangunkan di kedua-dua kawasan tersebut.

Pulau Langkawi mempunyai tarikan-tarikan yang berbagai seperti lagenda-lagenda yang terkenal seperti Mahsuri, keindahan alatan semulajadi, pantai-pantai dan pulau-pulainya, tarif bebas cukai yang dijangka akan menarik pelancong untuk membeli belah dan Taman Laut Pulau Paya yang mempunyai hidupan laut yang menarik.

Pulau Tioman juga mempunyai tarikan yang menarik seperti keindahan alam semulajadi pantai dan kehidupan laut di pulau-pulau berdekatan. Di samping itu ia juga mempunyai unsur-unsur lagenda dan sejarah.

PROGRAM TELEVISYEN SIARAN RTM

15. Tuan Teoh Tek Huat minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada satu jawatankuasa gabungan oleh Kementerian Penerangan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah arahan Kabinet pada bulan September, 1986 untuk mengkaji semula program-program televisyen yang disiarkan oleh RTM dan TV3 bagi mengawal penyesuaian tontonan masyarakat, kepada Dasar Kebudayaan Negara masih berjalan. Jika benar, bolehkah Perdana Menteri memberikan satu senarai program-program yang dimaksudkan yang telah dibatalkan dengan alasan-alasan mengapa ianya dibatalkan.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa yang ditubuhkan atas arahan Kabinet itu diberi nama Jawatankuasa Bersama dan ia masih lagi berfungsi walaupun keahliannya mungkin akan berubah. Jawatankuasa itu telah menyediakan satu kertas kerja yang memberikan garis panduan yang harus digunakan dalam menentukan corak-corak hiburan yang boleh dibenarkan untuk tontonan ramai. Kertas kerja itu sedang dikaji oleh Kementerian-kementerian lain yang ada hubungan dengan penapisan filem dan perkara-perkara yang berkaitan dengan ketenteraman serta keselamatan awam. Sebaik siap kertas itu akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri.

Sementara itu pihak Kementerian Penerangan telah juga berhubung terus dengan TV3 untuk menguatkuasakan garis panduan siaran yang sedia ada. Di masa ini Kementerian Penerangan tidak ada kuasa untuk memastikan garis panduan itu dipatuhi atau menyemak semula filem hiburan yang

telah diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem, Oleh itu belum ada senarai program-program yang telah dibatalkan sungguhpun Kementerian telah menilai semula banyak program-programnya sendiri untuk mematuhi syarat-syarat dalam garis panduan yang adaitu.

PERKHIDMATAN KAJICUACA

16. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tugas perkhidmatan kajicuaca di negara kita ini adakah semata-mata untuk memberitahu dengan cara ramalan, hari hujan, panas serta ombak di laut sahaja.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia adalah sebuah jabatan yang memberi perkhidmatan kepada pelbagai pengguna di sektor-sektor swasta dan awam. Di antara tugas-tugasnya ialah:

- (a) Untuk secara terus-menerus mengesan, merekod dan melaporkan pemerhatian-pemerhatian kajicuaca, kajicuaca-pertanian, seismologi, pencemaran udara dan lain-lain perkara yang berkaitan, dan membekalkan maklumat-maklumat itu kepada pihak berkepentingan;
- (b) Untuk meramalkan keadaan cuaca, udara dan laut bagi orang awam, media-massa dan agensi-agensi Kerajaan dan swasta;
- (c) Untuk mengeluarkan amaran ribut, angin kencang, hujan lebat yang menyeluruhi dan lain-lain fenomena laut dan udara yang berkaitan yang menjejaskan atau mungkin menjejaskan ekonomi negara, keselamatan awam dan kebajikan masyarakat;

- (d) Untuk memungut, memproses, mengumpul, menerbit, mengedar dan menyimpan data-data, kaji-iklim, kajicuaca-pertanian, kajicuaca-lautan, seismologi dan pencemaran udara;
- (e) Untuk menjalankan kajian-kajian fizik awan (atau cloud physics) dan penambahan hujan melalui teknik pembenihan awan;
- (f) Untuk menjalankan penyelidikan asas dangunaan serta penyiasatan melalui kerjasama dengan agensi-agensi berkepentingan dengan tujuan meningkatkan khidmat yang dibekalkan oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia;
- (g) Untuk mengadakan latihan separa profesional dalam bidang kajicuaca, kajicuaca-pertanian, kajicuaca-lautan, pungutan data seismologi dan pencemaran udara; dan
- (h) Untuk menyelaras dan bekerjasama dengan pihak-pihak kebangsaan dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dalam perkara-perkara yang disebutkan tadi bagi mempertingkatkan sains kajicuaca dan bidang-bidang berkaitan dengan tujuan memperkukuhkan keselamatan dan kebajikan penduduk.

LEBUHRAYA—KOS PEMBINAAN

17. **Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan semenjak tertubuhnya Lembaga Lebuhraya Malaysia sudah berapa batangkah lebuhraya yang telah, sedang dan akan dibina oleh Kerajaan di negara ini. Dan nyatakan nama-nama lebuhraya itu serta kos pembinaannya dan nama

pemborong-pemborong yang berjaya melaksanakan projek-projek yang berkenaan.

Dato' S. Samy Vellu: Semenjak tertubuhnya Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pada tahun 1980 sebanyak 10 projek lebuhraya telah siap dibina, termasuklah persimpangan bertingkat dan jambatan Pulau Pinang. Nama-nama lebuhraya yang telah dibina, termasuk kos dan nama pemborong yang berjaya, adalah seperti berikut:

<i>Nama</i>	<i>Kos M(\$) Juta</i>	<i>Pemborong</i>
1. Bukil Kayu Hitam— Jitra	35.3	Swee Construction/Bina Kuari J.V.
2. Alor Star—Gurun	209.1	Ret-Ser Engineering & Kerjaya Binaan.
3. Jambatan Sg. Perak ke Kuala Kangsar	46.22	Sumitomo & Mudajaya J.V.
4. Kuala Kangsar— Chungkat Jering	72.25	Kumagai Gumi & Maraputra Construction J.V.
5. Persimpangan Bertingkat Changkat Jering	1809	Chua Ah Kee Sdn Bhd & Sri Baloh.
6. Pemulihan Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban	21.0	Pernas Construction.
7. Persimpangan Bertingkat di Salak South. UPM. Kajang	43.8	Japan Development Corporation & Mudajaya.
8. Persimpangan Bertingkat di Bangi. Nilai. Seremban North	17.93	Lai Siew Wah Chan & Chua.
9. Pembinaan Bangi South Link Road	3.0	Bumikonso/Lai Siew Wah/Chan & Chua.
10. Jambatan Pulau Pinang	701.44	Hyundai Construction. Hashbuddin Construction/Lim Kai Bee & Sons & Pembinaan Rahim.

Manakala projek-projek yang sedang dalam pembinaan adalah seperti berikut:

<i>Nama</i>	<i>Kos M(\$) Juta</i>	<i>Pemborong</i>
1. Jitra—Alor Setar	195	Gabungan Kontraktor Melayu, Fudo Construction & c. Itoh J.V.
2. Persimpangan Bertingkat Gurun	189	Wam Sam Construction,
3. Ipoh—Jambatan Sg. Perak	220	Halla Construction & Bina Nasional J.V.
4. Senawang ke Ayer Hitam	258.3	Kumagai Gumi & Hashbuddin Construction J.V.

<i>Nama</i>	<i>Kos M(\$) Juta</i>	<i>Pemborong</i>
5. Persimpangan Bertingkat Dickson Port	21.95	Sato Kogyo Construction & Sri Angkanasa.
6. Pembinaan Sambungan Jalan ke Ayer Keroh	2.4B	Emas KangSdn Bhd.
7. Ayer Keroh—Pagoh	216	Energoprojek. Hj Said & Binaan Macinta J. V.

Projek-projek yang belum dibina telah dicadangkan untuk diswastakan dan perlaksanaannya dijangka dalam sedikit masa lagi, adalah seperti berikut:

1. Gurun — Butterworth
2. Butterworth — Changkat Jering
3. Ipoh — Tanjung Malim
4. Tanjung Malim — Kuala Lumpur
5. New Klang Valley Expressway
6. Pagoh — Ayer Hitam
7. Ayer Hitam — Johor Bahru. dan Kempas Spur Road
8. Melebarkan Lebuhraya SubangJaya — Kelang

PROJEK JOHOR BARAT FASA 2

18. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pertanian menyatakan progress Projek Johor Barat Fasa 2. Adakah Kerajaan puas hati dengan dengan progress ini. Kiranya tidak, apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan kemajuan projek tersebut agar projek tersebut dapat disiapkan mengikut program atau dipercepatkan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Kerajaan berpuashati dengan prestasi pelaksanaan Projek Johor Barat Fasa 2 yang dimulakan pada tahun 1986 dan dijangka berakhir pada tahun 1992. Projek fasa ini yang dianggarkan melibatkan kos sebanyak \$347 juta adalah merupakan sambungan kepada projek Fasal 1 yang telah dilaksanakan dengan kos melebihi \$322 juta sehingga akhir tahun 1986. Walau bagaimanapun, disebabkan pemotongan belanjawan yang tidak dapat dielakkan kerana kemelesetan ekonomi, maka pelaksanaan fasa II ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Dalam

tempoh RML ini, dalam mana sebanyak \$105 juta telah diperuntukkan, keutamaan akan diberikan kepada program-program pencegahan banjir.

Dalam konteks ini, kerja-kerja reka bentuk terperinci bagi pembinaa Ampangan Bekok dan pembaikan serta pelurusan sungai telah disiapkan. Kerja-kerja pengambilan balik tanah dan segala proses tawaran untuk pembinaan empangan ini telah pun diselesaikan. Pembinaannya dijangka bermula pada awal bulan September 1987. Bagi kerja-kerja pembaikan dan pelurusan sungai, proses tawaran sedang giat dilaksanakan.

MADA—MEMBINA JALAN SIMEN

19. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah usaha-usaha akan dibuat jalan-jalan simen bagi jalan-jalan MADA yang melalui kampong-kampong yang perlu bagi kepentingan mereka untuk ke jalan raya.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Pada masa sekarang, pihak MADA sedang membina sebatang jalan simen sepanjang 1 km di Mukim Jerlun, daerah Kubang Pasu. Projek ini yang dijalankan sebagai "pilot project" dijangka siap dalam bulan Oktober, 1987. Usaha-usaha pembinaan jalan simen selanjutnya di kawasan MADA banyak bergantung kepada projek percubaan ini dari segi kos dan kesesuaiannya. Di samping itu, wajar dit kankan bahawa pihak MADA masih meneruskan program membaiki jalan-jalan ladang seperti yang dijalankan sehingga kini, demi kepentingan petani-petani dan orang-orang kampong.

HUBUNGAN KAKITANGAN MALAYSIA—THAILAND

20. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau berpuas

hati dengan hubungan kakitangan beliau di Sempadan dengan kakitangan negara jiran, terutama sempadan Malaysia dan Thailand.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini hubungan kakitangan Malaysia dan kakitangan Thailand adalah baik dan memuaskan.

SEYENTH DAY ADYENTIST— RAYUAN

21. Tuan Maidom bin Pansai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan boleh mempertimbangkan rayuan oleh para pegawai dan kakitangan Kerajaan yang beragama "Seventh Day Adventist" dan lain-lain denominasi yang bersembahyang pada hari Sabtu (sebagai hari perhentian untuk menunaikan sembahyang) untuk diberikan suatu "alternatif" masa bekerja setiap hari demi untuk membolehkan mereka kecuali daripada bekerja pada hari Sabtu agar mereka dapat menjalankan tanggungjawab mereka untuk berhenti sebagai penghormatan hari tersebut mengikut kepercayaan agama itu.

Dato' Dr Mohamed bin Haji Mohamed Noor: Kerajaan telah mengkaji perkara ini dengan mendalam dan mendapati bahawa cadangan ini boleh menimbulkan implikasi yang meluas terhadap waktu bekerja keseluruhannya dan juga ke atas kekesanan perjalanan jentera pentadbiran Kerajaan. Memandangkan hal yang demikian maka Kerajaan tidak dapat bersetuju dengan cadangan tersebut.

REGIM SUVA DI FIJI

22. Tuan Hu Sepang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kriteria yang digunakan dalam mengiktirafkan Regim Suva di mana sebuah Kerajaan yang terpilih secara

demokratik ditumbang menerusi rampasan kuasa tentera. Apakah Kementerian menyetujui dengan tumbangnya sebuah Kerajaan yang terpilih secara demokratik dan tempatnya diganti oleh sebuah diktatorship.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Sebagai sebuah negara yang mempunyai perhubungan persahabatan yang lama dan erat dengan Fiji, serta persamaan tertentu faktor politik berbilang kaum kedua-dua negara, Kerajaan memerhati dengan teliti terhadap perkembangan yang berlaku di Fiji. Kita berharap ia akan pulih semula dengan perdamaian yang berasaskan kepada kehendak dan harapan rakyat negara tersebut.

Malaysia juga berharap semua negara memahami keadaan rumit yang wujud di Fiji dan tidak menggunakan tekanan yang tidak sepatutnya ke atas negara itu untuk mempengaruhi usaha-usaha yang sedang dilakukan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Kerajaan tidak mahu mengaitkan Malaysia dengan sebarang tindakan kekerasan terhadap Kerajaan yang dipilih mengikut prinsip demokrasi. Dalam konteks Fiji kita memahami bahawa krisis perasaan tidak puas hati dan bimbang di kalangan rakyat negara tersebut telah mengakibatkan rampasan kuasa tentera berlaku baru-baru ini.

PENDATANG HARAM— STATISTIK

23. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan mempunyai statistik lengkap tentang pendatang haram di negara ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah terbaru untuk menyelesaikan

masalah kemasukan pendatang haram.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri ada statistik mengenai pendatang-pendatang haram yang telah ditangkap dan diusir dari Malaysia. Jumlah pendatang haram yang tidak dikesan dan ditangkap tidak diketahui.

Kementerian Dalam Negeri sedang memesatkan lagi rondaan di kawasan perairan dan sempadan daratan Malaysia untuk mencegah kemasukan pendatang haram ke negara ini. Selain daripada itu, Jabatan Imigresen Malaysia dengan dibantu oleh Polis Di Raja Malaysia sentiasa menangkap, mendakwa dan mengusir mana-mana pendatang haram yang dikesan.

DASAR EKONOMI BARU

24. Tuan Chua Jui Meng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Jawatankuasa yang dibentuk untuk mengkaji semula Dasar Ekonomi Baru termasuk wakil-wakil dari semua parti Komponen Barisan Nasional;
- (b) jika tidak, kenapa tidak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat telah pun dijawab pada 20-1-1987 dan saya tidak berhajat untuk menjawabnya lagi.

KAD PENGENALAN BIRU BAGI PENDATANG HARAM

25. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar pendatang haram keturunan Pilipina diberi kad pengenalan biru "seperti yang didakwa oleh UNHCR.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Mengikut peruntukan undang-undang sekarang, hanya warganegara Malaysia yang berhak diberikan kad pengenalan biru. Saya tidak tahu bagaimana wakil Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian-pelarian di Malaysia dapat menyatakan bahawa orang-orang yang memiliki kad pengenalan biru itu adalah pendatang haram dari Filipina.

RUMAH KOS RENDAH

26. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapakah jumlah rumah-rumah kos rendah yang telah didirikan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri pada tahun 1985 dan 1986 dan sebab apakah peranan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri begitu lemah bagi memenuhi hasrat rakyat untuk membina rumah-rumah kos rendah.

Menteri Perusahaan Awam (Puan Napsiah binti Omar): Jumlah rumah-rumah kos rendah yang telah didirikan oleh PKEN-PKEN pada tahun 1985 dan 1986 adalah seperti berikut:

- (i) Tahun 1985—5,406 unit; dan
- (ii) Tahun 1986—2,542 unit

Selain daripada jumlah yang disebutkan di atas, PKEN juga adalah terlibat dalam menjayakan Program Khas Perumahan Kos Rendah iaitu membekalkan sebanyak 240,000 unit rumah kos rendah bagi tempoh 1986 hingga 1988 bersama-sama dengan pihak swasta. Bagi Program Perumahan Khas Kos Rendah ini, PKEN akan membina sebanyak 7,494 unit,

Adalah tidak benar anggapan Yang Berhormat berkenaan iaitu peranan PKEN begitu lemah bagi memenuhi hasrat rakyat untuk membina rumah kos rendah. Sehingga 31 Disember 1986 PKEN telah membina sejumlah 70,405 unit rumah

dari berbagai jenis di mana 17,596 unit adalah merupakan rumah-rumah jenis kos rendah. Jumlah ini tidak termasuk pembinaan Khas Kos Rendah yang sedang berjalan sekarang ini.

Di dalam aktiviti pembinaan rumah-rumah kepada rakyat negeri ini, peranan PKEN sebagai agensi dalam sektor awam adalah bagi membantu pihak swasta menyediakan rumah-rumah. Peranan ini adalah selaras dengan keputusan Majlis Tindakan Negara (MTN) yang telah dibuat dalam tahun 1982, supaya PKEN-PKEN secara beransur-ansur mengundurkan diri dari melibatkan diri dalam pembinaan perumahan memandangkan telah terdapat pemaju-pemaju swasta yang mampu dan berkebolehan.

RUMAH KOS RENDAH— SASARAN

28. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan setakat ini, bagaimanakah pencapaian Kerajaan untuk menepati sasaran rumah-rumah:

(a) Kos rendah;

(b) Kos sederhana.;

seperti yang dirancangkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima, dari usaha-usaha Kerajaan mengarahkan bank-bank memberi lebih banyak pinjaman perumahan serta jumlah tambahan dalam pinjaman perumahan dari:

(i) bank-bank;

(ii) syarikat-syarikat kewangan

menjelang bulan Jun, 1987 dibandingkan dengan tempoh masa yang sama dalam tahun-tahun 1980, 1982, 1984 dan 1985.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat):
Dalam tempoh Rancangan Malaysia

Kelima (RML), bagi rumah kos rendah, sebanyak 45,800 unit dirancang untuk program Perumahan Kos Rendah dan sebanyak 370,400 unit dirancang untuk program Perumahan Pemaju Swasta. Bagi rumah kos sederhana pula, sebanyak 146,000 unit dirancang untuk dibina di bawah program Perumahan Pemaju Swasta.

Mengenai rumah kos rendah, sehingga akhir tahun 1986, bilangan unit rumah yang siap adalah sebanyak 6,456 unit (14.1%) bagi program perumahan awam kos rendah dan sebanyak 7,577 (2.1%) bagi program perumahan pemaju swasta. Bilangan unit rumah kos rendah yang berada di berbagai peringkat pelaksanaan adalah sebanyak 38,249 unit (83.5%) bagi program perumahan awam kos rendah dan sebanyak 9,568 unit (2.6%) bagi program perumahan pemaju swasta. Bagi rumah kos sederhana pula, pencapaian sehingga akhir tahun 1986 untuk program pemaju swasta adalah sebanyak 10,056 unit (6.9%) siap dan 13,040 unit (8.9%) dalam peringkat pembinaan.

Maklumat mengenai pinjaman perumahan dari bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan bagi tahun 1987 (sehingga bulan Jun) tidak dapat saya berikan setakat -bulan April, 1987. Oleh itu jumlah penglibatan tegas (dari segi bilangan unit rumah) bagi tahun 1987 (sehingga April) untuk pembelian rumah kos rendah jika dibandingkan dengan penglibatan tegas untuk setengah tahun pertama bagi tahun 1980 hingga tahun 1986 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Penglibatan Tegas oleh Bank-bank Perdagangan</i>	<i>Penglibatan Tegas oleh Syarikat-syarikat Kewangan</i>
1980 (Jan-Jun)	Tiada data mengenai unit rumah	Tiada data mengenai unit rumah

<i>Tahun</i>	<i>Penglibatan Tegas oleh Bank-bank Perdagangan</i>	<i>Penglibatan Tegas oleh Syarikat-syarikat Kewangan</i>
1981 (Jan-Jun)	Tiada data mengenai unit rumah	Tiada data mengenai unit rumah
1982 (Jan-Jun)	1,135 unit	623 unit
1983 (Jan-Jun)	1,619 unit	269 unit
1984 (Jan-Jun)	3,158 unit	1,385 unit
1985 (Jan-Jun)	3,430 unit	1,141 unit
1986 (Jan-Jun)	3,740 unit	1,352 unit
1987 (Jan-April)	4,158 unit	1,395 unit

Penglibatan tegas (dari segi bilangan unit rumah) oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan untuk pembelian rumah kos sederhana bagi tahun 1987 (sehingga April) jika dibandingkan dengan penglibatan tegas untuk setengah tahun pertama bagi tahun 1980 hingga tahun 1986 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Penglibatan Tegas oleh Bank-bank Perdagangan</i>	<i>Penglibatan Tegas oleh Syarikat-syarikat Kewangan</i>
1980 (Jan-Jun)	Tiada data mengenai unit rumah	Tiada data mengenai unit rumah
1981 (Jan-Jun)	Tiada data mengenai unit rumah	Tiada data mengenai unit rumah
1982 (Jan-Jun)	6,634 unit	1,942 unil
1983 (Jan-Jun)	8,718 unit	2,179 unil
1984 (Jan-Jun)	8,675 unil	2,600 unil
1985 (Jan-Jun)	9,190 unit	2,792 unil
1986 (Jan-Jun)	8,444 unit	2,723 unil
1987 (Jan-Jun)	5,194 unit	1,471 unit

ORANG ASLI—ANCAMAN KOMUNIS

29. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada masyarakat Orang Asli dianggap sebagai risiko keselamatan dan jika tidak, sebab-sebab mengapa Jabatan Orang Asli pada masa ini masih di bawah pentadbiran Kementerian Dalam Negeri dan bukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sebahagian besar daripada masyarakat Orang Asli di negara ini tinggal di kawasan pendalaman dan terdedah kepada ancaman Parti Komunis Malaya yang berusaha untuk mendapatkan kerjasama dan bantuan daripada masyarakat Orang Asli. Dengan adanya unsur keselamatan ini menyebabkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Dalam Negeri. Walau pun begitu, Kerajaan tidak mengabaikan aspek pembangunan sosio ekonomi masyarakat Orang Asli supaya setanding dengan masyarakat lain di negara ini.

KWSP—CARUMAN PEKERJA

30. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kewangan menjelaskan jumlah bilangan aduan yang diterima dari pekerja-pekerja dalam negara ini terhadap majikan mereka yang gagal mencarumkan kakitangan mereka ke dalam akaun KWSP dan kelewatan membayar kepada KWSP sehingga akhir Mei 1987. Juga nyatakan bilangan pekerja yang didakwa di bawah Akta KWSP sehingga akhir Mei, 1987.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 10,088 aduan telah diterima sehingga Mei 1987 oleh KWSP daripada pekerja-pekerja mengenai kegagalan dan kelewatan majikan mereka mencarum ke KWSP.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, menurut Akta KWSP, tiada peruntukan pendakwaan dilakukan ke atas pekerja tetapi sebaliknya pendakwaan dilakukan ke atas majikan mengikut Seksyen 16A (1c) Akta KWSP 1951.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31hb Mei, 1987 jumlah majikan yang didakwa adalah sebanyak 2,971. Dari pendakwaan ini KWSP telah berjaya mendapatkan

kembali caruman-caruman yang lewat dan gagal dijelaskan sejumlah \$59,742.680.

**PEGUAM NEGARA SEBAGAI
PENGERUSI MBSB**

31. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengarah Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman, untuk meletak jawatannya sebagai Pengerusi Malaya Building Society Bhd. (MBSB) dan juga daripada Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan KWSP untuk mengelakkan sebarang kemungkinan percanggahan kepentingan berkait dengan tugasnya sebagai Peguam Negara dan Pendakwa Raya dan jika tidak, mengapa.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun meminta Yang Berbahagia Peguam Negara meletakkan jawatannya sebagai Pengerusi Malaya Building Society Bhd. (MBSB). Yang Berhormat Peguam Negara telah pun menulis surat kepada Pengerusi KWSP menyatakan hasratnya hendak meletakkan jawatan sebagai Pengerusi MBSB. Beliau telah dibenarkan meletakkan jawatan itu sebaik-baik sahaja seorang pengganti yang sesuai diperolehi.

Keahlian beliau adalah memberi manfaat kepada KWSP dan pencarum-pencarum oleh kerana beliau difikirkan akan dapat membantu dan memastikan supaya tindakan-tindakan dan keputusan-keputusan yang diambil oleh Lembaga adalah selaras dengan kehendak dan maksud undang-undang.

Oleh itu demi untuk menjaga kepentingan dan bagi faedah semua pihak adalah difikirkan wajar dan sesuai beliau dikekalkan menjadi Ahli Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan KWSP.

**KERAJAAN BARU FUI—
PENDIRIAN MALAYSIA**

32. Dato' Afluddin bin Haji Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap pemerintahan baharu di Fiji dan walau apa pun pendirian yang telah diambil adakah Kerajaan akan menunaikan permohonan Gabenor Jeneral Fiji untuk menghantar atau menjual bekalan makanan untuk mengatasi embargo yang dikenakan oleh New Zealand dan Australia.

10-7-87

7. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian yang diambil oleh Malaysia berikutan dengan rampasan kuasa di Fiji baru-baru ini. Adakah Malaysia menghulurkan sebarang bantuan kepada Fiji dan jika ada, adakah Malaysia bercadang untuk mengikut jejak langkah beberapa buah negara seperti New Zealand untuk membekukan bantuan terhadap Fiji buat sementara waktu sehingga keadaan di Fiji pulih seperti sediakala.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan soalan yang serupa yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah pada 10-7-87.

Malaysia mempunyai hubungan persahabatan yang lama dan erat dengan Fiji. Oleh yang demikian, Kerajaan mengikuti dengan teliti perkembangan yang berlaku di Fiji dan berharap ia akan pulih semula dengan perdamaian yang berasaskan kepada kehendak dan harapan rakyat negara tersebut.

Selepas rampasan kuasa tentera pada 14hb Mei, yang lalu, perampas kuasa gagal menubuhkan Kerajaan

Sementara untuk memerintah Fiji. Sebagai langkah tolak ansur untuk mengatasi masalah yang dihadapi, Gabenor Jeneral dan perampas kuasa mencapai persetujuan memberi kuasa eksekutif kepada Gabenor Jeneral memerintah Fiji dengan dibantu oleh Majlis Penasihat. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Gabenor Jeneral untuk menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi patut diberi sokongan,

Kerajaan juga berharap semua negara memahami keadaan rumit yang wujud di Fiji dan tidak menggunakan tekanan yang tidak sepatutnya ke atas negara itu untuk mempengaruhi usaha-usaha yang sedang dilakukan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Pada prinsipnya Kerajaan kita sentiasa bersedia memberi bantuan mengikut kemampuan kita kepada negara-negara sahabat yang menghadapi kesusahan atas perikemanusiaan. Setakat ini Kerajaan belum menerima sebarang rayuan secara rasmi memohon bantuan "dari Fiji untuk mengatasi masalah yang sedang mereka hadapi.

PULAU LANGKAWI SEBAGAI PELABUHAN BEBAS

33. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana kejayaan Pulau Langkawi sebagai sebuah pelabuhan bebas.

Perdana Menteri: Semenjak Pulau Langkawi diberi taraf sebagai sebuah pelabuhan bebas mulai daripada 1 Januari 1987, industri pelancongan di Pulau Langkawi telah pun menunjukkan beberapa kemajuan. Mengikut data yang diperolehi, Hotel Langkawi Island Resort kepunyaan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) telah menerima sejumlah 7,378 orang pelawat dari bulan Januari ke bulan Mei tahun berbanding dengan 3,277 orang

pelawat untuk tempoh yang sama tahun 1986. Ini adalah pertumbuhan sebanyak 125% berbanding dengan tahun 1986. Data-data untuk penumpang feri dari Kuala Perlis ke Pulau Langkawi pula telah merekodkan sejumlah 104,596 penumpang dah bulan Januari ke bulan Mei tahun ini berbanding dengan 102,551 orang penumpang untuk tempoh yang sama tahun 1986. Pertumbuhan yang direkodkan ialah lebih kurang 2% berbanding dengan tahun 1986.

Walau bagaimanapun adalah terlalu awal untuk mengukur kemajuan dalam industri pelancongan yang dipengaruhi oleh tarat pelabuhan bebas yang diberikan kepada Pulau Langkawi oleh Kerana pengisytiharan dan pemasaran Pulau Langkawi sebagai pelabuhan bebas baru sahaja dibuat. Selama ini Pulau Langkawi hanya dikenali sebagai sebuah Pulau yang mempunyai keindahan alam semulajadinya.

PINJAMAN BANK PERDAGANGAN

34. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa bank-bank tempatan kini sedang menarik balik pinjaman (ridging loan) daripada pemaju-pemaju perumahan dengan secepat mungkin, keadaan ini akan mengakibatkan lebih ramai pemaju perumahan tidak dapat meneruskan rancangan perumahan mereka, maka apakah bentuk bantuan kerajaan akan diberi untuk mengatasi kesulitan kewangan mereka supaya mengelakkan sebarang kerugian yang dihadapi.

Tuan Loke Yuen Yow: Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, keadaan kemelesetan ekonomi yang berpanjangan telah mengakibatkan kemerosotan dalam kualiti portfolio pinjaman bank-bank perdagangan. Oleh yang demikian, setengah-setengah bank telah mengambil sikap

lebih berhati-hati dalam operasi pinjaman mereka. Walau bagaimanapun, soal bank-bank perdagangan enggan membiayai projek-projek yang berdaya maju tidak timbul oleh kerana pemberian pinjaman kepada projek-projek sedemikian memangnya merupakan tujuan utama sesebuah bank.

Institusi-institusi bank telah beberapa kali digesa supaya bersifat sensitif kepada masalah aliran wang tunai yang dihadapi oleh petangan-pelanggan mereka dan memberikan pertolongan yang berkesan kepada mereka yang pada asasnya tidak berupaya membayar balik pinjaman.

Untuk mencapai matlamat ini, keseruaan institusi kewangan telah diarah supaya menubuhkan unit pemulihan bagi membantu secara berkesan pemulihan syarikat yang pada asasnya berdaya maju tetapi buat sementara waktu ini menghadapi masalah.

Di samping itu, untuk memastikan bahawa pembiayaan disediakan pada kos yang menasabah kepada peminjam-peminjam, kadar pinjaman asas (BLR) bank-bank diturunkan empat kali sejak bulan Disember 1986. Pada masa ini, BLR bagi dua bank terbesar ialah 1% setahun, sementara BLR bagi kebanyakan bank yang lain ialah 7.75% setahun. Dengan penurunan BLR, kadar faedah berian pinjaman bank juga telah turun walaupun bukan mengikut kadar yang sama. Sejak bulan Mac, 1986, purata kadar faedah berian pinjaman bank telah turun sebanyak 1.5 titik peratusan kepada 10.6% setahun pada bulan April, 1987. Purata kadar faedah berian pinjaman masih lagi boleh turun dan Bank Negara sentiasa berdialog dengan bank-bank untuk menggesa mereka menurunkan "spread" (margin kadar faedah) di antara kadar pinjaman dan kos deposit.

LATIHAN PENEMPATAN BAGIORANG-ORANG BUTA/CACAT

35. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah program-program tatihan dan pemulihan yang dijalankan oleh Kerajaan terhadap orang-orang buta atau cacat anggota supaya mereka dapat berdikari dan apakah program-program ini mencukupi buat masa sekarang.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohammed): Kementerian Kebajikan Masyarakat menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan dan bantuan di segi latihan iaitu penempatan pekerjaan, bantuan geran pelancaran, bantuan membeli alat/anggota tiruan dan juga bantuan elaun pekerjaan kepada orang-orang buta atau cacat di negara ini. Segala kemudahan dan bantuan ini disediakan untuk membantu orang-orang cacat dan keluarga mereka di dalam proses pemulihan.

Kementerian Kebajikan Masyarakat sedar bahawa kemudahan yang ada sekarang masih belum mencukupi untuk menampung keperluan semua orang-orang cacat di negara ini. Walaupun beberapa projek telah disyorkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima, akan tetapi oleh kerana ekonomi yang meleset, projek tersebut terpaksa ditangguhkan. Untuk mengatasi kekurangan ini, Kementerian Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha memperbaiki keadaan dengan cara memberi galakan dan sokongan serta bantuan geran kepada pertumbuhan-pertumbuhan Kebajikan Sukarela pada tiap-tiap tahun untuk membolehkan mereka bergerak dengan lebih lancar lagi dan menambah kemudahan serta perkhidmatan bagi orang-orang cacat dari semasa ke semasa di negara ini.

LIPUTAN BERITA RTM DARI SABAH/SARAWAK

36. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan bahawa adakah Menteri berkenaan sedar berita-berita dari Sabah dan Sarawak amat kurang disiarkan melalui TV 1 jika dibandingkan dengan berita-berita dari negeri-negeri yang lain di Semenanjung. Apakah tindakan dan langkah-langkah yang akan diambil terutama sekali oleh RTM untuk mengatasi ketidak seimbangan ini. Adakah Kementerian bercadang hendak memulihkan semula siaran yang dahulunya dipancarkan dari Kota Kinabalu yang meliputi Sabah dan Sarawak (dulunya TV 3).

Dato' Mohamed bin Rahmat: Liputan berita dan ehwal semasa untuk semua negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah berasaskan kepada kepentingan peristiwa-peristiwa yang berlaku ditinjau dari segi kepentingan nasional dan rakyat di seluruh negara. Berita-berita itu dipilih mengikut keutamaan masing-masing. Yang sangat penting akan dimasukkan ke dalam Warta Berita manakala yang lain dimasukkan dalam liputan Peristiwa, Hal Ehwal Semasa dan sebagainya.

Oleh itu liputan berita di Sabah dan Sarawak tidak dibezakan dengan liputan di Semenanjung Malaysia. RTM menyiarkan tidak kurang daripada dua liputan bergambar seminggu daripada tiap-tiap satu negeri, Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu terdapat banyak lagi rancangan khas yang memuatkan aktiviti dan liputan daripada Sabah dan Sarawak dalam usaha memupuk Intergrasi Nasional seperti berikut:

- (i) "Rampai Kenyalang" (Sarawak) disiarkan dua minggu sekali;
- (ii) "Tinjauan Sabah" disiarkan seminggu sekali;

- (iii) Rancangan setiap hari Rabu dari Sabah dan Sarawak yang mana tidak ditetapkan bagi negeri-negeri di Semenanjung.
- (iv) Dalam rancangan Peristiwa Hma hari seminggu juga ada liputan-liputan dari Sabah dan Sarawak;
- (v) Dokumentari-dokumentari tertentu;
- (vi) Rancangan-rancangan Ehwal Semasa seperti "Selamat Pagi Malaysia", ISU, dan lain-lain.

Oleh yang demikian, adalah tidak benar bahawa liputan berita dari Sabah dan Sarawak amat kurang disiarkan oleh RTM. Kementerian Penerangan memang sedar bahawa liputan bagi semua negeri belum lagi mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Oleh itu usaha-usaha sedang dibuat untuk memperbaiki keadaan ini dengan mengujudkan ruang Berita Wilayah berbanding dengan Berita Nasional dan Berita Antarabangsa. Dengan hal demikian RTM tidak bercadang untuk memulihkan semula rancangan dari stesen Kota Kinabalu seperti pada masa yang lalu.

PERMAINAN MERCUN

37. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah mereka yang cedera dan mati akibat dari Permainan mercun di sepanjang bulan puasa dan perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini. Apakah Kerajaan tidak bercadang mengharamkan permainan mercun yang bertentangan dengan nilai budaya nasional dan demi keselamatan kanak-kanak.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang bulan puasa dan perayaan Hari Raya Aidilfitri yang lalu, tiada kes kematian akibat permainan mercun yang dilaporkan

dan mengenai kecederaan pula tidak dapat dipastikan jumlahnya kerana kes-kes yang berlaku tidak pernah dilaporkan kepada pihak polis. Bagaimana ekoran dari laporan-laporan akhbar mengenai kecederaan-kecederaan yang dialami akibat letupan, pihak polis telah menyiasat dan mengenalpasti bahawa kecederaan tersebut bukanlah akibat mercun tetapi diakibatkan oleh beberapa jenis alat letupan lain seperti meriam buluh atau besi dan letupan buatan sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, kelulusan pembakaran mercun adalah diberi untuk hari-hari perayaan tertentu sahaja. Kerajaan akan mengkaji dari masa ke semasa mengenai perkara ini dan kelulusan atau pengharamannya bergantung besar kepada keadaan keselamatan negara semasa.

LAPANGAN TERBANG PENGKALAN CHEPA— PEMBESARAN

38. **Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Pengangkutan menyatakan iaitu satu masa dahulu Kerajaan telah mengumumkan bahawa Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kota Baharu akan diperbesarkan. Bilakah projek ini akan ditaksanakan dan berapakah anggaran kos perbelanjaannya.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Projek pembesaran Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kota Baharu telah terpaksa ditangguhkan kerana masalah kedudukan kewangan yang masih lagi dihadapi oleh Kerajaan. Apabila kedudukan ekonomi negara bertambah baik, keperluan dan pelaksanaan projek ini akan dipertimbangkan semula. Oleh yang demikian, saya tidaklah dapat memberi anggaran kos perbelanjaan sekarang.

FELCRA BUKIT TANDAK

39. **Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kementerian ini sedar atau tidak bahawa rancangan Felcra di Bukit Tandak, Rantau Panjang, Kelantan lebih kurang 800 ekar ditanam dengan kelapa sawit sekarang hasilnya dibuang begitu sahaja apa yang difahamkan kerana tidak ada pasaran.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Adalah dimaklumkan bahawa memang terdapat sebuah rancangan Felcra bernama Felcra Bukit Tandak, Rantau Panjang, Kelantan yang terdiri dari Bukit Tandak I, seluas 315 hektar yang dibuka dalam tahun 1980 tetapi ditanam dengan getah. Terdapat kawasan tambahan yang dipanggil Felcra Bukit Tandak Tambahan seluas 137 hektar yang baru dibuka dalam tahun 1986 dan ditanam dengan tanaman kelapa sawit. Kawasan ini (Felcra Bukit Tandak Tambahan) adalah merupakan kawasan Paya yang diusahakan bagi menentukan supaya seberapa yang boleh semua kawasan di rancangan ini dapat dimajukan demi untuk kebaikan peserta-peserta rancangan. Seluas 137 hektar ini terdiri dari kawasan paya dan kawasan inilah yang ditanam dengan kelapa sawit. Oleh kerana ia baru ditanam dalam tahun 1986, ia masih belum mengeluarkan hasil di mana hasilnya hanya dijangka dapat dipungut di sekitar tahun 1990. Walau bagaimanapun mungkin kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah rancangan Felcra yang berdekatan Felcra Jeduk Utara yang berdekatan dengan Felcra Bukit Tandak. Rancangan Felcra Jeduk Utara ini terdiri dari fasa 1 seluas 140 hektar yang dilaksanakan dalam tahun 1982/1983 dan Felcra Jeduk Utara II seluas 332 hektar yang ditanam dalam tahun 1983. Kedua-dua kawasan ini ditanam dengan kelapa sawit.

Buat masa ini rancangan Felcra Jeduk Utara ini didapati telah mencapai tahap kematangan tetapi dari segi teknikal pertaniannya, tindakan "castration" sedang dilaksanakan bagi rancangan ini di mana mengikut amalan teknikalnya buah-buah tandan pertama dipotong "castrated" tetapi tandan-tandan dipotong itu tidak dipasarkan, sesuai dengan amalan teknikal penghasilan kelapa sawit, di mana "castration" dilakukan bagi pokok-pokok kelapa sawit yang buat pertama kalinya mengeluarkan hasil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya bagi rancangan Felcra Jeduk Utara ini pembeli buah-buah kelapa sawit yang dijangka dituai dan dipasarkan mulai bulan Julai, 1987 nanti telah pun dikenalpasti oleh pihak pengurusan Felcra.

PENYELUDUPAN ROKOK

40. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan menambah bilangan anggota dan kemudahan di Jabatan Polis, Kastam dan Imigresen di Sabah khususnya di Tawau kerana ancaman penyeludupan rokok-rokok dari negeri-negeri yang berjiran.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan menyedari akan adanya kegiatan penyeludupan rokok-rokok dari negara-negara jiran melalui kawasan-kawasan sempadan Malaysia termasuk Tawau, Sabah. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat usaha-usaha membenteras kegiatan tersebut sedang dan akan terus dipergiatkan. Usaha-usaha tersebut meliputi tindakan menambah anggota Jabatan Kastam, Polis dan Jabatan Imigresen mengikut keperluan serta kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk aktiviti-aktiviti pencegahan. Khusus bagi

perkembangan pencegahan di Tawau, Sabah beberapa rancangan pembangunan dan penyediaan kemudahan telah dirancang oleh Jabatan Kastam. Di antaranya:

- (i) Mengenalpasti tapak untuk mendirikan pejabat, bengkel dan rumah anggota;
- (ii) Menempatkan sebuah lanci bagi meronda kawasan laut dipersekitaran perairan Tawau;
- (iii) Menyediakan kenderaan darat untuk rondaan di kawasan-kawasan tertentu; dan
- (iv) Menyediakan alat perhubungan seperti walkie talkie, radio dan sebagainya.

Pada keseluruhannya bagi tujuan mencegah penyeludupan Jabatan Kastam, Polis dan Imigresen telah diarah untuk meningkatkan lagi usaha penguatkuasaannya di samping itu saya menyeru kepada orang ramai supaya memberi kerjasama kepada agensi-agensi penguatkuasa dengan memberi maklumat yang tepat berhubung dengan penyeludupan ini.

KENAIKAN YURAN PENGAJIAN DI AUSTRALIA

41. Tuan R. Kapal Singh minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meringankan beban yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Malaysia yang disebabkan oleh kenaikan yuran yang dicadangkan oleh Kerajaan Australia.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah bersetuju memperuntukan sejumlah M\$250,000 sebagai bantuan pinjaman kepada pelajar-pelajar Malaysia di Australia yang terlibat dengan kenaikan yuran pengajian. Adalah diharapkan pinjaman ini dapat meringankan beban pelajar-pelajar yang berkenaan.

SYARIKAT PERSENDIRIAN YANG TERKECUALI

42. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah syarikat-syarikat swasta yang dikecualikan (Exempt Companies) daripada mematuhi syarat-syarat dan keperluan Akta Syarikat 1965 (1965 Companies Act) pada tahun 1985 dan 1986. Berapakah syarikat-syarikat kini bermodal \$1 juta dan lebih; mengapakah syarikat pemilikan ahli-ahli/Parti UMNO Fleet Holdings Berhad dianggap sebagai satu syarikat yang dikecualikan, memandangkan kegiatan, perdagangan, pemilikan, pengaruh dan kuasa-kuasa dan anak syarikatnya, meliputi keseluruhan aktiviti kewangan, insurans, hartanah, hotel, surat khabar/penerangan dan perindustrian. Mengapakah akaun-akaun tahunannya sejak tahun 1974 tidak diumumkan lagi.

Tuan M. G. Pandithan: Mengikut rekod yang terdapat di Pejabat Pendaftaran Syarikat, sejumlah 147,877 buah syarikat persendirian didaftarkan di seluruh negara dan pada tahun 1986 jumlah bilangannya ialah 157,273. Kira-kira 55% daripada jumlah ini adalah syarikat-syarikat persendirian yang terkecuali (exempt companies). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya, mengikut difinasi di dalam Akta Syarikat 1965, sebuah syarikat persendirian adalah layak menjadi sebuah syarikat persendirian yang terkecuali (exempt company) jika bilangan pemegang-pemegang sahamnya tidak melebihi 20 orang perseorangan dan tidak ada syarikat (sama ada tempatan atau asing) mempunyai kepentingan di dalam syarikat tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sesebuah syarikat persendirian yang terkecuali itu adalah juga dikehendaki mematuhi segala

syarat-syarat dan keperluan-keperluan Akta Syarikat 1965 dan bukan sepertimana yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya itu. Syarikat-syarikat berkenaan cuma diberi dua pengecualian sahaja di bawah Akta Syarikat, iaitu:

- (a) Pengecualian dari larangan memberi pinjaman kepada pengarah-pengarah syarikat dan orang-orang yang berkaitan dengannya yang diperuntukkan di bawah Seksyen 133 dan 133A Akta Syarikat 1965; dan
- (b) Pengecualian dari dikehendaki memfailkan akaun-akaun tahunannya jika ia dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Jadual Kelapan kepada Akta Syarikat 1965 dan suatu sijil berkenaannya telah ditandatangani oleh seorang pengarah, setiausaha dan juruaudit syarikat dan dimajukan kepada Pejabat Pendaftaran Syarikat.

Mengenai Syarikat Fleet Holdings Sdn Bhd mereka telah mematuhi syarat-syarat yang melayakkan mereka menjadi sebuah syarikat persendirian yang terkecuali semenjak dari penubuhannya dalam tahun 1974 sehingga tahun 1984. Dengan demikian mereka telah diberi pengecualian-pengecualian yang saya sebutkan di atas tadi dan tidak perlu memfailkan akaun-akaun tahunannya.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat daripada bilangan syarikat-syarikat yang saya sebutkan di atas, jumlah bilangan syarikat yang mempunyai modal \$1 juta dan lebih ialah 4,456.

JAMBATAN PULAU PINANG— KADAR TOL

43. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kerjaraya menyatakan kenapa janjinya bahawa bayaran tol

jambatan Pulau Pinang akan dikurangkan yang dibuatnya tidak dikotakan sehingga hari ini.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk menurunkan kadar tol jambatan Pulau Pinang yang disiarkan di akhbar-akhbar tidak lama dahulu terpaksa saya tangguhkan buat sementara waktu. Menurut kajian Lembaga Lebuhraya Malaysia, oleh kerana negara masih di dalam keadaan resasi, cadangan penurunan kadar tol itu sekiranya dilaksanakan pada masa sekarang tidaklah akan memberi kesan yang bermakna terhadap pertambahan hasil pendapatan Lembaga itu. Penurunan kadar tol itu bukan hanya akan memberi tambahan yang kecil sahaja terhadap jumlah kutipan tol, malahan berkemungkinan besar jumlah kutipan tol akan berkurangan. Kesan itu sedemikian oleh kerana mengikut ramalan, peratus penurunan kadar tol adalah lebih tinggi daripada angka pertambahan peratus pengguna-pengguna jambatan Pulau Pinang. Oleh itu cadangan mengurangkan kadar tol jambatan Pulau Pinang sekarang tidak akan menggalakkan pelawat atau pelancung pergi ke Pulau itu.

Seperti yang telah saya nyatakan seringkali di akhbar-akhbar dan juga di dewan yang mulia ini di masa-masa yang lampau, suka juga saya menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jambatan Pulau Pinang telah dibina dengan kos yang besar, yang juga sekarang memerlukan peruntukan penyelenggaraan yang mencukupi bagi memastikan keadaan jambatan itu sentiasa baik dan selesa untuk pengguna-pengguna. Oleh itu, apa-apa cadangan untuk mengurangkan kadar tol jambatan Pulau Pinang itu akan hanya dapat dikuatkuasakan jika ini akan menambahkan hasil pendapatan yang munasabah dan

mencukupi supaya ia dapat meringankan semua tanggungan Kewangan Lembaga Lebuhraya. Atas sebab-sebab yang telah saya nyatakan tadi maka Kementerian Kerjaraya terpaksa menangguhkan cadangan untuk mengurangkan kadar-kadar tol jambatan Pulau Pinang buat sementara waktu sehingga ke satu masa yang dianggap sesuai dan bermakna untuk kadar tol itu dikurangkan.

DASAR EKONOMI BARU (DEB)— OBJEKTIE

44. **Tuan Ting Chek Ming** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa DEB gagal dalam mencapai objektif-objektifnya sekalipun banyak wang dan tenaga telah dihabiskan oleh Kerajaan sejak pelaksanaannya.

Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya tidak bersetuju dengan kesimpulan yang dibuat oleh Yang Berhormat bahawa DEB gagal dalam mencapai objektif-objektifnya. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, DEB digubal dengan tujuan mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat agar pembahagian kekayaan yang lebih seimbang dan adil di kalangan rakyat di negara ini dapat tercapai. Perbandingan angka petunjuk DEB seperti kadar kemiskinan, purata pendapatan, pembahagian hakmilik saham dan struktur guna tenaga di antara tahun 1985 dan semasa DEB digubal pada tahun 1970 jelas menunjukkan bahawa terdapat banyak kemajuan.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan tidak dapat memesatkan usahanya agar matlamat DEB tercapai menjelang 1990 oleh kerana keadaan ekonomi yang meleset dan kadar pertumbuhan yang kurang dari apa yang diramalkan tidak mengizinkan Kerajaan berbuat demikian. Adalah menjadi falsafah DEB bahawa dalam melaksanakan

program-program penyusunan semula, hanya dilaksanakan dalam konteks ekonomi yang berkembang tanpa pihak-pihak lain merasa hak mereka terampas.

Untuk makluman Yang Berhormat, kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah turun dari 49.3% pada tahun 1970 kepada 18.4% pada tahun 1985 manakala di Sabah dari 58.32% ke 33.11% dan Sarawak dari 56.52% ke 31.91%. Purata pendapatan bagi semua kaum pula telah meningkat dari \$264 pada tahun 1970 ke \$494 pada tahun 1985. Pembahagian saham sektor korporat juga memperlihatkan pembahagian yang lebih seimbang di mana kaum Bumiputera memiliki 17.8% berbanding dengan 2% pada tahun 1970 dan kaum bukan Bumiputera 56.7% berbanding dengan 34.3% pada tahun 1970. Penyusunan semula guna tenaga juga berjalan dengan lancar dan adalah didapati bilangan dan peratus pegawai-pegawai pengurusan dan iktisas di antara kaum adalah lebih seimbang pada tahun 1985 jika dibandingkan dengan kedudukan pada tahun 1970.

Berdasarkan petunjuk-petunjuk tersebut, nyata sekali bahawa wang dan tenaga yang telah dibelanjakan sehingga kini tidaklah terbuang dan disia-siakan seperti yang didakwakan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna Kerajaan berpuas hati sepenuhnya terhadap pencapaian DEB dan Kerajaan berazam dengan kuat untuk meneruskan usaha-usahanya agar matlamat DEB tercapai sepenuhnya.

PARTI KOMUNIS MALAYA— KEKUATAN

45. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kekuatan Parti Komunis Malaya dan Parti Komunis Malaysia di sekitar sempadan Malaysia — Negeri Tahi dan setakat

manakah kekuatan mereka dihapuskan apabila mereka menyerah diri kepada pihak Kerajaan Negeri Thai dan sama ada usaha-usaha diambil untuk memujuk mereka menyerah diri kepada Kerajaan Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob; Ekoran daripada rancangan pengampunan beramai-ramai yang telah dijalankan oleh Kerajaan Thailand pada bulan Mac dan April yang lalu seramai 661 orang pengganas komunis telah menyerah diri kepada pihak berkuasa tersebut. Dengan itu kekuatan Parti Komunis Malaya masih bergerak di Selatan Thailand dianggarkan seramai 1160 orang manakala Parti Komunis Malaysia pula dianggarkan seramai 180 orang.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menjalankan berbagai usaha untuk menarik anggota parti komunis supaya meninggalkan kegiatan mereka dan kembali kepangkuan masyarakat. Seramai 57 orang pengganas komunis di Semenanjung Malaysia telah menyerah diri dalam tahun 1981. Bagaimanapun Kerajaan belum mendapat apa-apa tindakbalas yang positif dari anggota Parti Komunis Malaya di Sempadan Malaysia Thailand.

ROMPAKAN/PENCURIAN/ PEMBUNUHAN—KAWALAN

46. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau menyedari bahawa pada hari ini kejadian-kejadian perompakan, pencurian dan pembunuhan di laut, ladang-ladang, rumah dan kenderaan di negeri Sabah khususnya di Bahagian Pantai Timur negeri Sabah begitu berleluasa. Jika sedar,

- (a) apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut;

- (b) apakah pengawalan-pengawalan ketat pihak polis dan tentera akan dipertingkatkan lagi untuk mengatasi masalah tersebut; dan
- (c) apakah kesan-kesan kawalan Rukun Tetangga dan apakah kawalan ini akan diperkenalkan ke negeri Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyedari adanya kejadian-kejadian seperti yang dinyatakan itu, walau bagaimanapun keadaan adalah terkawal. Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah perlu untuk mengatasi masalah tersebut. Langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan rondaan-rondaan di darat, laut dan udara oleh unit-unit kereta peronda, polis merin dan unit udara polis;
- (ii) mempertingkatkan risikan jenayah dan membuat serbuan di tempat-tempat yang disyaki menjadi sarang penjenayah dan lanun;
- (iii) mengadakan sekatan darat dan laut di tempat-tempat strategik serta sensitif;
- (iv) menempatkan anggota-anggota Polis Hutan di pulau-pulau strategik bagi mengawasi pengguna-pengguna laut, mengumpul maklumat serta mengambil tindakan perlu jika ada berlaku kejadian yang tidak diinginkan;
- (v) menubuhkan "Pasukan Petugas" yang terdiri dari Polis Hutan, "Border Scout" dan Jabatan Siasatan Jenayah;
- (vi) mempertingkatkan rondaan berkoordinasi oleh Polis Merin Unit Udara Polis dengan Tentera Laut Diraja Malaysia

serta Tentera Udara Diraja Malaysia di tempat-tempat sensitif;

- (vii) mewujudkan hubungan rapat dan bekerjasama dengan orang ramai untuk memperoleh maklumat dalam usaha-usaha mencegah dan membentasi jenayah.

Berhubung soalan kedua Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menggandakan lagi usaha-usaha mencegah dan membentasi jenayah demi untuk kesejahteraan serta keamanan rakyat.

Mengenai soalan ketiga oleh Ahli Yang Berhormat itu, banyak kesan positif telah diperolehi sejak Skim Rukun Tetangga diperkenalkan di sektor-sektor berkenaan. Antaranya ialah kejadian jenayah dapat dikawal, kesedaran siviks dan rasa tanggungjawab di antara jiran tetangga, keharmonian dan perpaduan masyarakat setempat dan lain-lain lagi. Memandangkan banyak faedah yang diperolehi dari skim ini, ianya telah pun diperkenalkan di Sabah pada tahun 1985.

PELABURAN KWSP

47. **Tuan P. Patto** minta Menteri Kewangan menyatakan apa tindakan telah diambil oleh Kerajaan, sepertimana dijanjikan oleh Timbalan Menteri Kewangan dalam Dewan Rakyat pada 12-3-87 untuk membetulkan amalan-amalan curang, dalam pelaksanaan dasar pelabur Kumpulanwang Simpanan Pekerja dan sama ada selepas mengambil tindakan-tindakan itu, amalan-amalan curang yang disebut itu telah dihapuskan, jika tidak, mengapa.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan yang telah dilakukan oleh

KWSP adalah selaras dengan seksyen 4 (2) Akta KWSP 1951.

Kegiatan-kegiatan pelaburan KWSP yang diuruskan oleh Panel Pelaburannya adalah mengikut garispanduan-garispanduan yang telah ditetapkan oleh Panel dan Lembaga dari masa ke semasa. Pelaburan oleh KWSP telah mendatangkari keuntungan yang mana jumlahnya adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Pulangan Dari Pelaburan (\$ Juta)</i>	<i>Pelaburan Terkumpul (\$ Juta)</i>
1980	633	9,255
1981	787	11,513
1982	1,002	14,119
1983	1,253	16,971
1984	1,571	20,256
1985	1,828	23,874
1986 (Belum diaudit)	2,131	27,490

Dengan perkataan-perkataan lain, amalan curang tidak berlaku dalam aktiviti pelaburan oleh KWSP.

JALAN KOTA KINABALU- PENAMPANG—PERUNTUKAN

48. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah peruntukan yang disediakan untuk penyelenggaraan dan pembinaan jalan raya Kota Kinabalu—Penampang (Federal Trunk Road) untuk tahun ini. Bilakah pembinaan tersebut akan diteruskan dan berapa tamakah jangka masa yang akan diambil untuk menyiapkannya. Dan adakah penutupan jalan masuk ke Taman Delima (Batu 31/2 Jalan Penampang) untuk pembinaan jalan raya tersebut ditutup untuk selamlamanya. Jika tidak, bila ia boleh digunakan semula.

Dato' S. Samy Vellu: Pada tahun 1987 sebanyak \$2.65 juta telah disediakan di bawah projek jalan Kota Kinabalu—Penampang yang panjangnya lebih kurang 8.5 km. Sebahagian besarnya peruntukan tersebut adalah bagi kerja-kerja memindahkan talian elektrik, paip-paip bekalan air, kabel dan perkhidmatan lain yang terlibat dalam pembinaan jalan itu. Dalam rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$9.0 juta disediakan untuk membina jalan itu dan sehingga ini sebanyak \$5.0 juta telah dibelanjakan. Pembinaan jalan tersebut sedang dilaksanakan dan penyiapannya sehingga batu 31/2 dijangka pada akhir tahun 1988.

Mengenai penutupan jalan masuk ke Taman Delima, sukalah saya nyatakan bahawa penutupannya adalah disebabkan oleh jalan itu telah ditembak lebih daripada 5 kaki tinggi daripada jalan masuk ke Taman Delima. Oleh hal yang demikian, adalah sukar untuk mereka bentuk jalan masuk melalui jalan yang sedia ada. Sekiranya jalan masuk tersebut hendak dibuat juga, maka ini akan menyebabkan jalan masuk itu akan lebih tinggi daripada rumah-rumah yang berhampiran, Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji untuk mengadakan jalan alternatif di kawasan sejauh 800 kaki daripada jalan yang sedia ada. Oleh kerana aduan-aduan yang diterima daripada penduduk-penduduk disitu supaya diadakan jalan yang lebih dekat dengan jalan masuk yang sedia ada, maka Kerajaan sedang mencari alternatif yang lebih sesuai.

RUMAH KOS RENDAH DI SABAH/SARAWAK

49. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan Bank Negara Malaysia membenarkan Sabah dan Sarawak meningkatkan harga rumah

murah kos rendah jenis khas dari \$25,000.00 ke \$32,000.00 sesebuah, sama ada Kerajaan sedar bahawa golongan berpendapatan rendah di Sabah dan Sarawak terpaksa membayar lebih untuk memiliki rumah murah tersebut dan ini tidak selaras dengan pendapatan mereka di Sabah dan Sarawak, sama ada Kerajaan akan menyemak semula semua pembayaran gaji pekerja-pekerja di Sabah dan Sarawak supaya selaras dengan kenaikan harga rumah murah. Jika tidak, mengapa.

Tuan Ng Cheng Kiat: Sebenarnya keputusan untuk menaikkan harga jualan maksimum daripada \$25,000.00 kepada \$32,000.00 seunit bagi Negeri Sabah dan Sarawak telah dibuat oleh Kerajaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Peringkat Pegawai Mengenai Program Khas Perumahan Kos Rendah dalam bulan September, 1986 atas rayuan yang munasabah oleh negeri-negeri yang berkenaan. Kenaikan ini adalah terhad kepada Program Khas Perumahan Kos Rendah sahaja. Harga maksimum bagi rumah yang dibina di bawah program perumahan awam kos' rendah bagaimanapun masih kekal di paras \$25,000 seunit, sungguhpun pada amnya kos pembinaan rumah kos rendah di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi dahpada Semenanjung Malaysia. Pertimbangan untuk membenarkan harga maksima rumah kos rendah dalam program khas ini dinaikkan kepada \$32,000.00 ialah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- (a) Kebanyakan bahan-bahan binaan diperolehi dari luar negeri Sabah dan Sarawak.
 - (b) Kos pengangkutan bahan-bahan binaan adalah lebih tinggi dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.
- fcj Kos buruh yang lebih tinggi.

Mereka yang kurang kemampuan memiliki rumah di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah adalah digalakkan memohon rumah-rumah yang dibina di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah. Rumah-rumah ini adalah ditawarkan dengan kadar faedah pinjaman yang rendah, iaitu tidak melebihi 5.5% setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun memberi pelarasan gaji kepada semua pekerja dalam kumpulan C dan D dalam sektor awam pada tahun 1985 dan tambahan pelarasan telah diberi kepada kumpulan D dalam tahun 1986. Oleh itu, tidak mungkin Kerajaan akan menyemak semula gaji bagi pekerja-pekerja sektor awam ini.

Bagi sektor swasta pula, gaji biasanya ditetapkan melalui rundingan di antara majikan dan Kesatuan Sekerja yang mewakili pekerja-pekerja. Bagi pekerja-pekerja yang tidak berkesatuan, gaji biasanya ditetapkan melalui persetujuan antara majikan dan pekerja tersebut, manakala bagi pekerja-pekerja dalam sektor tertentu seperti dalam bidang perhotelan dan perhidangan, panggung wayang, pemungkah kapal dan pembantu kedai, kadar gaji minimum mereka ditetapkan oleh Majlis-Majlis Penetapan Gaji berkenaan yang ditubuhkan dibawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947. Kerajaan sememangnya senantiasa bersimpati terhadap hasrat rakyat golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah. Oleh itu, untuk membantu kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah, Kerajaan telah mengekalkan bayaran faedah pinjaman perumahan Kerajaan kepada 4% bagi peminjam-peminjam. Bagi bukan sektor Kerajaan pula, Kerajaan telah pun mengaiahkan Bank Negara supaya memastikan Bank-Bank Perdagangan menurunkan kadar faedah pinjaman masing-masing

kepada 9% bagi rumah yang berharga tidak lebih daripada \$100,000.00 seunit.

DOA/IKRAR BAGI MURID- MURID DI MELAKA

50. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakansama ada:

- (a) suatu keputusan telah dibuat yang mewajibkan semua murid-murid di Melaka sama ada menganuti agama Islam atau tidak membaca doa/ikrar dua kali sehari yang diarahkan oleh Jabatan Pendidikan Melaka;
- (b) beliau mempunyai kuasa ke atas negeri-negeri untuk menentukan dasar pelajaran atau sebaliknya seperti yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia bahawapihak Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk menukar sesuatu keputusan sesebuah negeri;
- (c) Timbalannya Yang Berhormat dari Senai mempunyai kuasa mengarahkan bukan sahaja Ketua Pengarah Pelajaran tetapi juga seorang gurubesar Sekolah Menengah Munshi Abdultah Melaka mengikut arahan memandangkan bahawa kedua-dua pegawai Kerajaan secara terbuka enggan melaksanakan arahannya, dan kalau ia apakah tindakan tatatertib akan dikenakan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan tersebut yang boleh dikatakan "memberontak".

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya keputusan membaca doa/ikrar mewajibkan semua murid-murid di negeri Melaka telah dibuat oleh Jawatankuasa Perhubungan Disiplin Pelajar Luar Sekolah yang telah

ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Melaka di bawah portfolio Pelajaran, Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Membaca doa/ikrar adalah merupakan suatu program bertujuan semata-mata menanamkan semangat disiplin ke dalam diri murid-murid. Kementerian berpendapat tidak perlu keputusan tersebut diubah atau ditukar.

Soal enggan melaksanakan arahan dan berontak memberontak tidak timbui dalam perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada amalannya keputusan dan arahan terakhir adalah datangnya dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri.

PENGGEMUKAN LEMBU KANDANG

51. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan tntina Menteri Pertanian menerangkan Rancangan "Penggemukan Lembu Kandang" yang dilancarkan di negeri Johor sebagai satu rancangan yang berjaya untuk meningkatkan ekonomi penduduk-penduduk di luar bandar. Apakah bantuan-bantuan Kerajaan yang dapat dinikmati bagi penternak-penternak yang menyertai program ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: "Penggemukan Lembu Kandang" atau sistem pemeliharaan lembu daging secara "feedlot" dianggap berjaya memandangkan bahawa ianya boleh dipraktikkan dalam keadaan setempat oleh para penternak dan dari segi potensinya sebagai sumber bekalan daging utama di negara ini. Kerajaan tidak ada memberi apa-apa bantuan subsidi atau kewangan secara langsung kepada penternak-penternak feedlot. Tetapi, kemudahan pemeliharaan secara kredit kepada sebahagian besar penternak ada dijalankan. Kementerian juga menyokong

sebahagian feedlot-feedlot yang menunjukkan daya maju untuk mendapat pinjaman bank.

Walau bagaimanapun, Kerajaan juga terlibat di dalam memberi perkhidmatan bantuan secara:

- (i) Penyampaian khidmat nasihat dalam teknologi penternakan lembu mengikut sistem ini.
- (ii) Menganjur program promosi dan mewujudkan kemudahan pemrosesan daging lembu feedlot.
- (iii) Menolong para penternak dalam pemasaran daging secara menubuhkan pusat-pusat jualan lembu feedlot dan mengatur perjumpaan di antara penternak dengan pembeli.
- (iv) Mengadakan latihan dan kursus amali khas dalam bidang penternakan secara feedlot.
- (v) Membantu mendapatkan bekalan anak lembu dari sumber tempatan dan luar negeri.
- (vi) Kawalan dan pencegahan penyakit di kalangan ternakan, khususnya penyakit-penyakit yang agak spesifik kepada lembu-lembu peggemuk.

KAD PENGENALAN BIRU— PEMALSUAN

52. **Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) setakat manakah usaha Kementeriannya yang telah diambil bagi menyasiat tuduhan-tuduhan tentang pengeluaran kad-kad pengenalan biru secara haram dan sama ada sebuah "Perintah Diraja" (Royal Commission) akan ditubuhkan untuk menyasiat perkara ini dan jika tidak, mengapa; dan

- (b) apakah usaha-usaha yang akan diambil jikalau tuduhan-tuduhan itu didapati benar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Memandangkan bahawa pemalsuan kad-kad pengenalan biru pernah terjadi, maka Jabatan Pendataran Negara sentiasa mengawasi kemungkinan berlakunya kejadian seperti itu. Jabatan itu telah mengambil tindakan terhadap orang-orang yang cuba memalsukan kad pengenalan. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai bukti bahawa kad-kad pengenalan dipalsukan, sila kemukakan bukti-bukti itu kepada Jabatan Pendaftaran Negara atau Polis Diraja Malaysia untuk diambil tindakan. Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk menyasiat perkara ini.

KAD PENGENALAN YANG DIKELUARKAN—SIASATAN

53. **Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan menyasiat pengeluaran Kad Pengenalan berikut yang berjumlah 193,583 di mana telah dikeluarkan kepada orang-orang Pilipina dan Indonesia yang datang ke Sabah tanpa dokumen-dokumen surat beranak.

H 000000
H 0288001 — H 0384000
H 0480001 — H 0576000
H 0666001 — H 0666200
H 0609601 — H 0610000
H 0658001 — H 0658200
H 0658400 — H 0658600
H 0658601 — H 0658800
H 0658801 — H 0659000

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Mengikut rekod di Jabatan Pendataran Negara, kad-kad pengenalan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Gaya telah dikeluarkan kepada pemilik-pemilik di

Sabah. Mengikut Peruntukan Undang-undang yang ada, hanya warganegara Malaysia berhak mendapatkan kad pengenalan biru.

Saya percaya kad-kad pengenalan itu telah dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sepertimana yang diperuntukkan oleh undang-undang. Walau bagaimanapun, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Gaya akan disiasat.

KENAIKAN YURAN TIUSYEN DI AUSTRALIA

54. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa apabila pihak British menaikkan yuran tiusyen untuk pelajar-pelajar seberang laut, Kerajaan Malaysia mengambil pendirian yang tegas, termasuk Kempen "Beli Barang British Akhir" sementara apabila Kerajaan Australia menaikkan yurannya bagi pelajar-pelajar seberang laut sebanyak tiga kali untuk tiga tahun berturut-turut, reaksi Kerajaan adalah begitu kurang, mengapa wujudnya "double standard" ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Reaksi Kerajaan Malaysia terhadap kenaikan bayaran "Overseas Students Charge" yang dikenakan oleh Kerajaan Australia dalam tempoh tiga tahun berturut-turut (1986-1988) adalah jelas dan diketahui umum. Kerajaan tidak bersetuju dengan keputusan tersebut. Walaupun kita telah merayu kepada Kerajaan Australia tetapi rayuan tersebut telah tidak berjaya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita hanya boleh merayu dan sama ada rayuan kita diterima atau tidak adalah hak mutlak Kerajaan Australia untuk memutuskannya.

Berkaitan dengan pengumuman Kerajaan Australia untuk menaikkan lagi bayaran "Overseas Students

Charge" pada tahun 1988, Kerajaan Malaysia dijangka mengemukakan bantahan rasmi tidak lama lagi. Kerajaan Malaysia juga sedang memikirkan langkah-langkah yang patut diambil jika bantahan ini tidak berjaya. Soal wujudnya "double standard" tidak berbangkit. Kerajaan terpaksa mengkaji dahulu dengan teliti implikasi yang mungkin timbul atas sebarang tindakan yang akan diambil.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DI LUAR BANDAR

55. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah beliau sedar peruntukan yang dikeluarkan dari Kementeriannya untuk membangun kawasan-kawasan Luar Bandar tidak selaras dengan hasrat yang telah ditunjukkan oleh Kementeriannya dalam Anggaran Belanjawan untuk tahun 1987. Beberapa permintaan untuk peruntukan khasnya bagi kawasan Luar Bandar telah ditolak oleh Kementerian oleh kerana tidak mencukupi peruntukan dan apakah tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk memenuhi harapan rakyat Luar Bandar.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Ahli Yang Berhormat tentu maklum bahawa berikutan kemerosotan hasil negara akibat kejatuhan harga barangan utama kita, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah penjimatan termasuk menyemak semula peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Dalam keadaan ekonomi yang demikian itu Kerajaan terpaksa memberi keutamaan kepada projek-projek yang benar-benar mendesak dan boleh membawa pulangan yang baik di samping menyiapkan mana-mana projek yang telah dilaksanakan lebih awal. Langkah penjimatan itu telah menjejaskan peruntukan pembangunan semua Kementerian

termasuk Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sungguhpun beberapa projek-projek di bawah Kementerian ikut terjejas, tidak bermakna projek-projek itu tidak mendapat keutamaan, tetapi dalam keadaan sekarang projek-projek tersebut terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya sehingga keadaan kewangan mengizinkan.

PENGANGGURAN

56. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi mengatasi masalah pengangguran yang kian meningkat kini.

Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Soalan seperti ini adalah sama sahaja seperti soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Madatang bin Morejal dan juga Yang Berhormat Dr Ting Chew Peh, yang telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini, pada 29 Jun 1987. Oleh itu saya tidak berhasrat untuk menjawabnya lagi.

BUANGAN SISA TOKSIK OLEH INDUSTRI

57. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kriteria-kriteria bagi pemilihan tapak pembuangan sisa beracun di Malaysia. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengesyorkan bahawa tapak sebegini adalah diselenggarakan dengan selamatnya pada setiap masa. Apakah kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan kesan-kesan pembuangan sisa beracun serta kewujudan tapak sedemikian ke atas alam sekitar. Apakah hasil kajian-kajian ini? Mengapakah negeri Selangor dipilih untuk mendirikan tapak ini?

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, buangan sisa-sisa toksik dan merbahaya yang dikeluarkan oleh industri-industri akan diolah terlebih dahulu sebelum ianya dilupuskan ke satu tapak yang tertentu. Di antara kriteria bagi pemilihan tapak buangan sisa-sisa toksik dan merbahaya ialah:

- (i) jarak tapak dari kawasan perumahan;
- (ii) jarak tapak dari Sungai dan perparitan;
- (iii) jarak tapak dari kawasan-kawasan industri;
- (iv) sama ada tapak mudah mengalami banjir;
- (v) paras air bawah tanah;
- (vi) kadar peresapan tanah;
- (vii) kemudahan mendapatkan bahan-bahan lapisan seperti tanah liat;
- (viii) kuantiti buangan dan saiz tapak; dan
- (ix) kemudahan jalan keluar masuk.

Pengendalian tapak pelupusan buangan sisa-sisa toksik dan merbahaya akan diawasi dan dikawal oleh Jabatan Alam Sekitar. Pengawasan adalah berdasarkan sistem penyelenggaraan yang telah teruji dan diamalkan dengan selamatnya di negara-negara maju.

Pada masa ini, Kementerian saya telah memperolehi bantuan dari Kerajaan Amerika Syarikat yang telah membiayai satu projek penyelidikan oleh pakar perunding yang ditugaskan untuk membuat Kajian Alam Sekitar ke atas tapak cadangan sebelum pembinaan tapak dilaksanakan. Hasil kajian itu dijangkan siap dalam tempoh 6 bulan.

Satu Pasukan Petugas yang terdiri dari wakil-wakil Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Alam Sekitar dan agensi-agensi lain Kerajaan telah ditubuhkan dan akan juga mengkaji semua aspek berkaitan dengan faktor-faktor alam sekitar, keselamatan, kesesuaian tapak dan sebagainya.

Negeri Selangor telah dipilih untuk Kajian tersebut memandangkan kepada konsentrasi aktiviti industri yang mengeluarkan buangan toksik dan merbahaya di kawasan Lembah Kelang. Pada masa ini, semua bahan toksik dari industri-industri disimpan oleh pihak industri sendiri di kawasan-kawasan kilang mereka. Apabila selesai Kajian di atas tapak yang telah dipilih, permohonan rasmi untuk mendapatkan tanah tersebut supaya digunakan sebagai tapak pelupusan buangan toksik dan merbahaya akan dikemukakan kepada pihak kerajaan Negeri.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN— KONTRAK PENSWASTAAN

58. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapa upacara menandatangani kontrak bagi Lebuhraya Utara-Selatan sepanjang 900 km itu antara Kementerian Kerjaraya dan United Engineers dalam bulan April dibatalkan; dan sama ada Kerajaan akan mempelawa tawaran-tawaran baru bagi projek lebuhraya tersebut memandangkan anggaran kos asal bagi projek tersebut telah meningkat dari \$3.4 billion kepada \$4.7 billion, tempoh konsesi untuk memungut tol ditambah dari 25 tahun kepada 30 tahun, serta kegagalan Kerajaan untuk mempertahankan kenapa tawaran bagi projek tersebut diberi kepada United Engineers berbanding dengan lain-lain syarikat yang mengemukakan tawaran-tawaran yang lebih menarik.

Dato' S. Samy Yellu: Upacara menandatangani kontrak penswastan

Lebuhraya Utara-Selatan ditangguhkan adalah disebabkan beberapa masalah mengenai undang-undang dan masalah perbezaan pendapat di antara LLM dengan United Engineers (M) Bhd mengenai unjuran lalulintas (Traffic Forecast) di lebuhraya tersebut, seperti yang telah saya nyatakan di dewan yang mulia ini pada 1 Julai 1987.

Kerajaan telah pun memilih Syarikat United Engineers (M) Bhd setelah dibuat tawaran terbuka. Sehingga ini kerajaan tidak berniat untuk mempelawa tawaran-tawaran baru kerana kos asal dan tempoh kutipan tol tidak berubah seperti yang dicadangkan oleh syarikat itu semasa mengemukakan tawarannya. Oteh yang demikian Kerajaan tidak perlu mempelawa tawaran-tawaran baru kerana ini akan menambah kelewatan pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa tawaran dibuka, Kerajaan telah menerima 5 tawaran daripada syarikat-syarikat tempatan dan Kerajaan telah mendapati Syarikat United Engineers (M) Bhd mengemukakan tawaran yang paling kompetative dan lengkap. Syarikat itu juga mempunyai sumber kewangan yang teguh, pengalaman dan kepakaran, serta mempunyai syarikat-syarikat gabungan tempatan dan antarabangsa yang berpengalaman dari segi teknikal dan pengurusan. Oleh kerana sebab-sebab di atas itu Kerajaan telah mengambil keputusan untuk memilih United Engineers (M) Bhd sebagai syarikat yang akan mengendalikan pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan. Perjanjian antara Kerajaan dan Syarikat itu akan dibuat dalam sedikit masa lagi.

GALAKAN PELANCONGAN

59. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan oleh kerana pentingnya

galakan pelancongan bagi Malaysia, apakah langkah-langkah yang sedang diusahakan oleh Kementeriannya untuk:

- (a) memastikan pembangunan teratur Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan secara besar-besaran dan diselaraskan;
- (b) menyediakan maklumat-maklumat terakhir mengenai perangkaan pelancongan seperti jumlah tahunan pelawat-pelawat yang datang, kewarganegaraan pelancong, tujuan lawatan, tempoh berada di negara ini dan lain-lain yang digunakan untuk menyediakan laporan kajian pemasaran bagi membangunkan pusat-pusat percutian baru di negara ini.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

- (a) Untuk memastikan pembangunan industri pelancongan dijalankan dengan teratur, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC), sedang melaksanakan satu Kajian Pelan Induk Pelancongan Seluruh Negara yang akan mengkaji potensi pelancongan di negara ini. Ianya bertujuan untuk menyusun rancangan-rancangan bagi memaju dan membangunkan industri pelancongan negara ini supaya menjadi sebuah destinasi pelancongan yang termuka. Di samping itu Kementerian ini akan berusaha menyelaras pembangunan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan industri pelancongan untuk memastikan ianya dilaksanakan dengan cara yang sistematik dan memberikan faedah yang maksima kepada negara.

- (b) Saya bersukacita memaklumkan bahawa Jabatan Imigresen adalah dalam proses memasang rangkaian komputer bagi tujuan mengumpul dan memperoses data ketibaan pelancongan yang dijangka siap sebelum akhir tahun ini. Dengan sistem komputer ini segala maklumat terakhir mengenai perangkaan pelancong dan pelawat-pelawat ke negara ini akan dapat diperolehi dengan kadar serta merta.

**KILANG ASIAN RARE EARTH—
BANTAHAN PENDUDUK**

60. **Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Perdana Menteri menyatakan apakah mengikut maklumat pihak keselamatan wujud penghasut di belakang penduduk sekitar BUKIT MERAH di IPOH yang mengadakan tunjuk perasaan pada 24 Mei 87 sehingga berlakunya pergaduhan bagi mendesak kilang Asian Rare Earth (ARE) di BUKIT MERAH supaya ditutup kerana didapati sisa radioaktif daripada kilang itu menimbulkan kesan buruk pada penduduk di sekitarnya. Apakah keputusan Kerajaan bagi menyelesaikan masalah ini.

Menteri di **Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):** Kerajaan sentiasa mengikut reaksi dan bantahan penduduk kawasan BUKIT MERAH dan sedar terdapat golongan-golongan tertentu yang menghasut penduduk-penduduk tempatan mengadakan tunjuk perasaan mendesak supaya kilang Asian Rare Earth ditutup. Golongan ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin Parti Politik tertentu yang bergerak menerusi Jawatankuasa Bertindak Anti Radioaktif PERAK. Sementara golongan kedua terdiri daripada persatuan atau pertubuhan seperti Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan Persatuan Perlindungan Alam Sekitar

Malaysia (EPSM). Persatuan-persatuan ini telah mengeksploitasikan keadaan melalui kegiatan-kegiatan seperti mengaturkan lawatan-lawatan pakar anti radioaktif dari luar negeri, wawancara, penyelidikan-penyelidikan dan menerbitkan makalah-makalah yang memberi gambaran tentang bahayanya kesan radioaktif.

Pihak Kerajaan telah menjalankan penyelidikan dan mendapati operasi kilang Asian Rare Earth tidak membahayakan. Tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang melakukan tindakan-tindakan di luar undang-undang dalam mengeksploitasikan isu ini.

PERMOHONAN TARAF KEWARGANEGARAAN

61. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) apakah sebab-sebab setakat hari ini permohonan kewarganegaraan daripada (a) Cynthia Teh Kim Swee kp. 8461731(M) Rujukan: Petaling Jaya 319/83/(15A) Bil JPNO/G 8/97K dan Rujukan Baru: PetalingJaya 702/86; (b) Chong Nam Moy kp. 7532695(M) Rujukan: MG 49/75, Johor 46/1976 dan Rujukan Baru: Petaling Jaya 70/87, tidak dapat diluluskan walau pun mereka telah bermastautin di Malaysia sekurang-kurangnya 15 tahun dan saudara mara mereka adalah orang rakyat Malaysia;
- (ii) sedarkah Menteri adalah banyak lagi kes-kes orang sebegini; misalan dalam suratkhobar Star (19-5-1987), Encik Ranjit Singh dan Encik S. Rajakumar dan Encik N. Rajandran (9-5-1987) dan lain-lain;

- (iii) adakah Jabatan kewarganegaraan dan Kementerian menunggu semua permohonan sebegini menghadapkan kes-kes mereka kepada Mahkamah Tinggi untuk keputusannya sebagai kes Encik R. Chandrasekaran yang diisytiharkan oleh Mahkamah Tinggi pada 6-5-1987 berlayak jadi seorang warganegara walau pun jabatan kewarganegaraan setakat tarikh itu belum lagi meluluskan permohonan selama sepuluh tahun; dan
- (iv) mengapakah 900 orang pelarian dan pendatang haram Filipino berlayak diberi kewarganegaraan dan hak jadi pemilih-pengundi di Pulau Gaya, Sabah (Star 13-5-1987) berbandingkan dengan permohonan tersebut di atas.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Permohonan taraf kewarganegaraan untuk Cik Cynthia Teh Kim Swee telah dikemukakan kepada Jabatan Pendaftaran negara pada 21-6-83 dan ditolak pada 20-8-86 kerana beliau tidak dapat memberikan bukti bahawa beliau berhak mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia. Setelah permohonan itu ditolak, satu permohonan baru diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara pada 13-9-86 dan permohonan itu kini sedang diproseskan.

Jabatan Pendaftaran Negara telah menerima permohonan kewarganegaraan untuk Encik Chung Nam Moi pada 26-2-87. Selain daripada memenuhi syarat tempoh permastautinan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, Encik Chung Nam Moi juga dikehendaki mempunyai pengetahuan Bahasa Malaysia yang mencukupi. Untuk tujuan itu, beliau dijadual mengambil ujian Bahasa Malaysia pada 9-7-87. Jika Encik Chung Nam Moi lulus ujian

itu, permohonan beliau akan diproseskan seterusnya.

Permohonan taraf kewarganegaraan Encik Chung Nam Moi yang dikemukakan dalam tahun 1975 dan 1976 tidak dapat diproseskan seterusnya kerana beliau gagal dalam ujian Bahasa Malaysia.

Saya sedar bahawa ada permohonan-permohonan taraf kewarganegaraan yang gagal mendapatkan taraf itu kerana mereka kandas dalam ujian Bahasa Malaysia, termasuklah 3 kes yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Petaling Jaya. Dengan kegagalan dalam ujian Bahasa Malaysia, maka seorang pemohon taraf kewarganegaraan tidak dapat memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara menimbang dan membuat keputusan ke atas setiap permohonan taraf kewarganegaraan mengikut kelayakan pemohon masing-masing berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian Ketiga, Perlembagaan Malaysia.

Mengikut Undang-undang sekarang, hanya warganegara Malaysia berhak diberikan kad pengenalan biru. Jika Ahli Yang Berhormat ada bukti bahawa bukan warganegara Malaysia memiliki kad pengenalan biru, sila laporkan perkara itu kepada pihak berkuasa supaya tindakan sewajarnya dapat diambil ke atas mereka yang terlibat.

PEMBANGUNAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU

62. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilakah nama-nama 48 Kampung Baru yang dipilih sebagai kampung-kampung baru yang akan dapat keutamaan

dalam pembangunan akan diumumkan sepertimana diumumkan oleh bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Berhubung dengan pengumuman keutamaan Kampung-kampung Baru, untuk makluman Yang Berhormat di dalam tahun 1986 Kerajaan telah mengenalpasti 48 buah Kampung Baru yang dianggap sesuai untuk dibangunkan mengikut strategi pembangunan yang tertentu. Seperti pembangunan lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan, projek ini akan berasaskan perancangan jangka panjang. Tambahan pula pengubahsuaian perlu dibuat mengikut edaran semasa berasaskan keadaan kewangan negara. Dalam perancangan pembangunan setempat juga, potensi sesebuah petempatan dari segi kawasan sekitarnya juga perlu diberi perhatian untuk memastikan pembangunannya tidak bercanggah dengan aliran pembangunan negara.

HUTANG NEGARA

63. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan hutang negara. Berapakah jumlah hutang itu pada tahun 1970, 1976, 1981 dan 1986. Adakah Kerajaan akan berhutang lagi dan pihak manakah yang bersedia untuk memberi pinjam. Dan berapa lama hutang sekarang boleh diselesaikan kiranya negara tidak berhutang lagi. Berapa lamakah rakyat terpaksa menanggung hutang itu.

Tuan Loke Yuen Yow:

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan senantiasa mengawasi dan mengawal kedudukan hutang negara dan oleh itu beberapa langkah tertentu telah diambil untuk

mengurangkan jumlah hutang dan bayaran khidmat hutang. Kerajaan telah membuat bayaran awal pinjaman-pinjaman yang tertakluk kepada kadar faedah yang tinggi dan keputusan Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan akan juga mempunyai kesan terhadap jumlah hutang negara. Berikutan keputusan ini beberapa pinjaman telah dikurangkan atau dibatalkan.

- (ii) Untuk makluman Ahli yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan kesemuanya iaitu hutang dalam dan luar negeri bagi tarikh-tarikh yang diminta adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah hutang (\$juta)</i>
1970	400
1976	1,378
1981	31,124
1986	74,040

walaupun jumlah pinjaman negara adalah meningkat, sejumlah yang besar adalah pinjaman yang dibuat dari punca dalam negeri.

Pinjaman untuk negara adalah perlu untuk memperkembangkan ekonomi negara. Walau bagaimanapun Kerajaan mengawasi tahap pinjaman ini untuk memastikan negara tidak menghadapi masalah beban hutang seperti yang dialami oleh beberapa negara tertentu.

- (iii) Malaysia mempunyai kedudukan kewangan yang baik dari kacamata institusi-institusi kewangan antarabangsa dan oleh itu

Kerajaan tidak mempunyai masalah untuk memperolehi pinjaman dari pasaran kewangan antarabangsa. Di samping itu, institusi-institusi kewangan seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia telah menyatakan kesanggupan untuk membiayai projek-projek pembangunan di negara ini. Pinjaman juga boleh diperolehi dari beberapa negara seperti Jepun, United Kingdom, Perancis, Kuwait dan Arab Saudi atas perjanjian dua hala. Oleh kerana Kerajaan membuat keputusan untuk mengurangkan perbelanjaan Rancangan Malaysia Kelima, kita didapati sumber-sumber pinjaman ini tidak digunakan sepenuhnya.

- (iv) Untuk makluman Ahli yang Berhormat, tempoh bayaran balik pinjaman-pinjaman yang telah dibuat adalah antara 10 hingga 30 tahun bergantung kepada sumber pinjaman. Sekiranya Kerajaan tidak membuat sebarang pinjaman baru lagi, 994 pinjaman-pinjaman yang ada sekarang akan diselesaikan pada tahun 2015 mengikut syarat-syarat pinjaman yang sedia ada.

KAMPUCHEA—PENGUNDURAN TENTERA VIETNAM

64. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jepun dan Australia telah melanggar satu embargo perdagangan dan bantuan dengan Vietnam di mana embargo tersebut adalah di bawah naungan Bangsa-bangsa Bersatu dan tindakan tersebut boleh melemahkan usaha-usaha ASEAN untuk menekankan Vietnam untuk mengundur kuasanya dari Kampuchea.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak pernah menganjurkan apa-apa seketan bantuan dan perdagangan terhadap Vietnam. Walau bagaimanapun, akibat dari tindakan Vietnam memasuki dan menduduki Kampuchea, Vietnam telah dihadapi tekanan dari masyarakat antarabangsa dengan tujuan mendesak Vietnam mengundurkan tenteranya dari Kampuchea. Tekanan ini dikenakan dengan cara menyekat bantuan berbentuk ekonomi dan pembangunan terhadap Vietnam.

Dasar ini telah diterima oleh Malaysia dan lain-lain negara anggota ASEAN dan ianya disokong oleh Jepun dan negara-negara Barat.

PERSIDANGAN TAMIL SEDUNIA

65. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menjadi tuan rumah kepada Perstdangan Tamil Dunia Ke-6 (6th World Tamil Conference) dalam bulan November, 1987 di Kuala Lumpur, jika ya, berapakah perbelanjaan Persidangan ini yang akan ditanggung oleh Kerajaan; orang-orang kenamaan dunia yang akan diundang untuk menghadiri persidangan ini; dan siapakah yang telah dilantik menjadi Jawatankuasa Pengelola Persidangan ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya mengenai cadangan untuk mengadakan Persidangan Penyelidikan Tamil Sedunia Ke-6 yang dijadualkan pada bulan November 1987 di Kuala Lumpur. Tindakan sedang giat diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengemukakan cadangan itu secara rasmi kepada Kerajaan.

SKIM PERKHIDMATAN SEMENTARA—PENAMATAN

66. Tuan Hsing Yin Shean tntina Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementerian beliau akan mempertimbangkan penamatan Skim Perkhidmatan Sementara untuk graduan-graduan yang ditempatkan di Jabatan-jabatan Kerajaan di seluruh negara. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan skim yang baru untuk graduan-graduan yang tidak mempunyai pekerjaan. Jika tidak mengapa.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan telah pun membuat keputusan untuk menyambung semua skim perkhidmatan ini mulai 1 Julai 1987 atas dasar daripada bulan ke sebulan. Bagaimanapun kadar elaun bulanan yang dibayar kepada mereka dikurangkan daripada \$600.00 kepada \$400.00. Kedudukan siswazah yang berkhidmat di bawah skim ini akan dikaji dari masa ke semasa untuk menentukan sama ada perkhidmatan mereka perlu disambung ataupun tidak.

Bagi siswazah-siswazah yang tidak berpeluang untuk menyertai skim berkenaan, Kerajaan sedang memberi perhatian yang sewajarnya kepada mereka. Beberapa program yang bersesuaian sedang dirancang dan jika didapati sesuai akan dilaksanakan.

PERUNTUKAN PENGANGKATAN BAGI SABAH/SARAWAK

67. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah hasil yang dipungut oleh Kerajaan Persekutuan dari Sabah dan Sarawak dalam tempoh 1984 hingga 1986, dan juga jumlah peruntukan yang diserahkan balik kepada kedua-dua negeri tersebut untuk maksud pembangunan dan lain-lain perbelanjaan dalam tempoh yang

sama. Adakah benar wujudnya lama penangguhan dalam penyerahan balik peruntukan ini yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan, jika benar, mengapa dan sama ada Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan lebih banyak lagi wang ke Sabah dan Sarawak untuk maksud pembangunan, jika tidak, mengapa.

Tuan Loke Yuen Yow: Soalan yang serupa pernah dikemukakan beberapa kali oleh Yang Berhormat dari Sandakan di Dewan yang mulia ini pada mesyuarat-mesyuarat yang lepas. Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan bahawa jumlah hasil Persekutuan yang dipungut dari Sabah dan Sarawak serta jumlah perbelanjaan Persekutuan untuk tujuan Perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri Sabah dan Sarawak bagi tempoh 1984-1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Sabah		Sarawak	
	Hasil (\$juta)	Perbeian-jaan (\$juta)	Hasil (\$juta)	Perbelanjaan (\$juta)
1984	1,126.70	1,493.33	1,425.36	1,613.99
1985	1,046.08	1,293.56	1,392.41	1,803.63
1986	714.27	1,496.26	858.13	1,791.94

* Anggaran awal

Dari angka-angka yang saya sebutkan tadi, jelaslah bahawa perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sabah dan Sarawak bagi tempoh 1984-1986 telah melebihi hasil yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan dari kedua-dua negeri tersebut. Saya tidak sedar adanya kelewatan atau penangguhan penyerahan peruntukan seperti didakwa oleh Yang Berhormat. Jika benar perkara ini ada berlaku, saya harap yang Berhormat dari Sandakan dapat mengemukakan

maklumat terperinci kepada saya supaya tindakan seterusnya dapat diambil. Mengenai tambahan peruntukan pembangunan kepada kedua-dua negeri tersebut, ianya adalah bergantung kepada kedudukan kewangan negara. Jika kedudukan kewangan negara mengizinkan, Kerajaan Persekutuan akan menimbangkan peruntukan yang lebih besar bagi tujuan-tujuan pembangunan untuk Negeri Sabah dan Sarawak.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

SISA THOREA DARI KILANG ASIAN RARE EARTH

3.36ptg.

Tuan Ting Chek Ming (Batu Gajah): Tuan Speaker, saya bangun untuk memberi notis di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (2) untuk meminta kebenaran supaya Majlis mesyuarat ini ditangguhkan, bagi merundingkan satu perkara tertentu; kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, dan usul saya berbunyi:

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada saya iaitu Ahli Parlimen kawasan Batu Gajah untuk menangguhkan Majlis ini bagi merundingkan satu perkara tertentu; kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Perak Anti Radio Active Committee terhadap Asian Rare Earth untuk melindungi serta mempertahankan kesihatan dan nyawa penduduk tidak patut dilarang oleh pihak yang berkuasa, kerana DAP yakin bahawa setiap warganegara berhak hidup di suatu kawasan persekitaran yang bersih dan selesa.

Bahawa pada 2hb Julai, 1987 seramai 17 orang ahli Perak Anti Radio Active Committee telah ditangkap oleh pihak polis kerana menyebarkan risalah-risalah Kampung Baru Simpang Pulai dan walaupun mereka itu telah dibebaskan dengan diikat jamin dan setiap warganegara berhak berjuang untuk hidup di dalam kawasan bersih dan sihat dan dalam hubungan ini pihak polis nampaknya telah diperletakkan oleh kilang itu untuk menjahanamkan nyawa dan keselamatan penduduk. Kilang A.R.E. telah gagal mematuhi syarat-syarat untuk menjamin keselamatan, kesihatan dan nyawa penduduk kerana kilang itu langsung tidak membenarkan pakar-pakar nuclear yang dilantik oleh Jawatankuasa Anti Rare Earth untuk memeriksa dan rnenyelia aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kilang itu dan ini bererti kilang ini ingin menyembunyikan sesuatu daripada nyawa para penduduk.

Bahawa dalam muka surat 207 dalam Laporan Tahunan, Tahun 1981 penyiasatan Kajibumi Malaysia adalah mencadangkan bahawa tempat buangan sisa-sisa hendaklah diletakkan di batu ke 16 Jalanraya Parit Ipoh dengan alasan bahawa dengan izin,

"A storage site which satisfies all the conditions as stipulated by PUSPATI is difficult to locate, since most sites close to the factory producing the waste have limestone bedrock or are earmarked for future socio-economic development. Further, the Kinta Valley has, on the whole, tin mining potential. In view of this potential, the setting up of such a retention site should be discouraged".

Bahawa kini Kerajaan telah membenarkan kilang itu membina tempat buangan tersebut di belakang Kampung Baru, Bukit Merah, Lahat yang terletak di dalam Leirtbah Kinta dan tindakan ini adalah bertentang dengan cadangan yang dikemukakan oleh laporan tersebut dan kira-kira 8,000 tan sisa-sisa Thorea telah disimpan di tempat biangam sementara itu dan kilang A.R.E. hanya dalam proses membuat alat-alat untuk mematuhi kehendak-kehendak keselesaan yang dikenakan oleh Lembaga Pelesenan Atomik. Dan bagaimanakah Lembaga berkenaan boleh mengeluarkan lesen sementara kepada kilang tersebut walhal kilang tersebut masih belum mematuhi kehendak-kehendak keselamatan dan sebuah tempat buangan sisa-sisa masa yang tepat masih belum lagi diluluskan dan dibina.

Bahawa gas radio aktif dari sisa-sisa thorea dapat disebar beratus-ratus batu jauhnya dan akan membahayakan kesihatan dan nyawa penduduk-penduduk dengan merosakkan paru-paru mereka dan orang-orang yang memakan bahan-bahan makanan yang dikeluarkan oleh kawasan ini, juga akan mengancam nyawa dan kesihatan mereka.

Menurut pakar-pakar radio aktif yang bebas, dengan izin, Tuan Speaker, life span, sisa-sisa thorea adalah 4,000-5,000 juta tahun panjangnya dan bahawa bekas menyimpan sisa-sisa thorea akan reput dan tercemar setelah beberapa tahun kemudian dan ianya mesti digantikan dengan yang baru dan ini adalah mustahil untuk dibuat oleh kerana jumlah sisa-sisa akan bertambah dari tahun ke tahun dan bagaimanakah pihak berkenaan sanggup meneruskan kerja tersebut bagi tempoh 4,000-5,000 juta tahun.

Bahawa penduduk-penduduk sekarang telah hilang keyakinan terhadap kejujuran pihak yang berkuasa untuk melindungi nyawa dan keselamatan para penduduk dan PARC akan meneruskan kegiatan-kegiatan mereka sehingga kilang tersebut ditutup.

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya Kerajaan bertindak untuk menutup kilang tersebut dengan segera dan pihak yang berkuasa membebaskan 17 orang ahli PARC yang tertangkap itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu usul yang di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Ahli Parlimen Kawasan Batu Gajah berkenaan dengan Kilang Asian Rare Earth. Teks usul yang berkenaan adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah sebentar tadi.

Setelah saya meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya dapati bahawa perbincangan mengenai perkara ini tidak perlu disegerakan sehingga menangguhkan mesyuarat Dewan hari ini kerana pembinaan tempat buangan tersebut di belakang Kampung Baru Bukit Merah, Lahad telah dibuat beberapa lama sejak bulan Januari, 1986.

Berkenaan dengan 17 orang ahli Perak Anti Radioactive Committee yang telah ditangkap itu, mengikut kata Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah sendiri telah dibebaskan dengan ikat jamin dan perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah. Dewan ini tidak patut mencampurinya.

Oleh kerana itu, saya menolak perkara yang dibangkitkan itu. *(Tepuk)*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986 DAN 1987)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1986

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1987

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1986 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" (*Hari Kedua*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa,

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1987)—

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

3.43ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, Dewan yang mulia ini diminta untuk meluluskan peruntukan sebanyak \$80 juta bagi tujuan membiayai keperluan

kewangan Sabah Energy Corporation untuk membiayai Projek Sabah Gas Utilisation itu. Nampaknya projek ini, iaitu Sabah Gas Utilisation sudah merupakan satu masalah kepada pihak Kerajaan sama ada pada peringkat negeri Sabah ataupun dalam peringkat Persekutuan oleh kerana ianya nampaknya gagal dengan teruk.

Baru-baru ini dalam bulan lepas apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan melawat Kota Kinabalu, beliau diberitahu kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan bahawa 3 projek sudah menghadapi masalah kewangan yang besar. 3 projek ini ialah Sabah Shipyard, Sabah Forest Industry dan Sabah Gas Utilisation Project. Adalah dicadangkan juga oleh semua pihak bahawa Projek Gas Utilisation ini diswastakan. Kalau projek ini sudah gagal, sudah mengalami kerugian, macam mana kita boleh sangka sesiapa yang berminat untuk membeli, mengambil projek ini. Penswastakan mungkin bukan satu penyelesaian yang lengkap, yang sesuai. Walaupun projek ini dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah di bawah bidang kuasa Sabah Energy Corporation, tetapi pihak Persekutuan sudah menjadi peminjam serta guarantor untuk pinjaman-pinjaman tertentu, maka kita sebagai Wakil Rakyat pada peringkat Persekutuan layak berhak untuk menuntut beberapa jawapan kepada soalan yang harus dibangkitkan di sini.

Yang pertamanya, kenapa kos menjalankan projek ini dipertingkatkan dari tahap sebanyak \$198 juta kepada dua kali ganda \$370 juta. Ini soalan yang pertama, kenapa kos ini luar dari kawalan.

Yang keduanya, apakah tujuan peruntukan ini sebanyak \$80 juta yang diminta di sini? Apakah tujuannya, sama ada bagi tujuan memberi faedah kepada pinjaman ataupun apa-apa sahaja ataupun bagi tujuan untuk menemui kos mengurus projek ini?

Soalan ketiga, apakah sebenarnya keadaan kerugian sekarang. Berapa banyakkah duit telah rugi setahun ataupun dalam beberapa tahun yang lepas sudah projek ini mengalami kerugian besar dan bagaimanakah dapat kita memperbaiki keadaan kewangan dalam projek Sabah Gas Utilisation, bilakah boleh kita expect pulangan yang berfaedah?

Soalan keempat, adakah pihak Persekutuan ataupun pihak berkuasa meminjam wang daripada sumber-sumber pasaran wang antarabangsa? Apakah hutang luar negeri telah terlibat dan apakah kadar faedahnya?

Yang kelima, adakah penyiasatan yang telah dijalankan oleh pihak Persekutuan untuk menentukan masalah sama ada penyelewengan-penyelewengan yang mungkin wujud, penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai di dalam menjalankan tugas mereka mengurus projek ini? Ini soalan-soalan tertentu yang saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jawapan yang jelas.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini dengan serius khususnya memandangkan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semalam bahawa kita tidak menyalahkan pihak Kerajaan ke atas kemelesetan ekonomi di negara kita. Beliau telah mengatakan bahawa kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara kita sekarang adalah disebabkan oleh ekonomi dunia yang tidak sihat. Ini satu sebab yang penting, saya akui, tetapi lagi penting juga ialah soalan sama ada negara kita mengurus sumber-sumber kewangan yang terhad negara kita dengan sikap bijaksana, dengan jimat-cermat supaya kita tidak membazir wang, membazir pendapatan negara (national revenue) supaya kita menjalankan semua projek pembangunan sosio ekonomi dengan teliti, dengan seriusnya, dengan sikap

yang amat bertanggungjawab. Ini amat penting untuk memulihkan ekonomi Malaysia ini.

Jikalau pihak Pembangkang bangkitkan perkara seperti ini di dalam Dewan yang mulia ini, janganlah menuduh bahawa Ketua Pembangkang tugasnya hanya untuk menuduh apa-apa sahaja, jangan menuduh begini oleh kerana pihak Pembangkang bertugas sebagai His Majesty loyal opposition, dengan izin, Tuan Pengerusi, bukanlah Barisan Nasional punya loyal opposition. Tanggungjawab kita untuk membangkitkan perkara-perkara ini supaya kelemahan-kelemahan tertentu dapat didedahkan supaya masalah-masalah ini dapat diambil perhatian sepenuhnya untuk mencapai ataupun mencari penyelesaian yang sesuai, khususnya dalam sektor tenaga kita harus menjalankan semua projek dengan berhati-hati kerana sekarang bukannya "producers" market, tetapi buyers' market, dengan izin, khususnya dalam sektor gas asli ini memandangkan persaingan yang hebat daripada negeri Indonesia dan beberapa negeri di Amerika Selatan. Projek raksasa seperti Sabah Gas Utilisation sekarang sudah menghadapi masalah. Soalan ialah bukan untuk menjalankan satu exercise witch hunting, dengan izin, tetapi untuk menentukan kelemahan-kelemahan supaya kita tidak mengulangi masalah-masalah di dalam projek-projek lain.

Soalan saya ialah adakah feasibility studies yang baik sebelum pelaksanaan projek Sabah Gas Utilisation? Apabila feasibility studies dijamin dalam peringkat perancangan projek ini, apakah demand senaho ke atas hasil-hasil dan downstream gas asli ini dikemukakan oleh syarikat perunding ini? Apakah internal rates of return telah dijangkakan? Adakah unseem cost atau kes yang tidak kelihatan diambil kira dalam menentukan internal rates

of return (IRR)? Adakah engineering design yang menghadapi masalah? Ini masalah dan point besar, sebab kita sebelum melaksanakan sesuatu projek, kita dapat mengelakkan masalah yang dihadapi oleh Gas Utilisation Project di Sabah ini.

Saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini supaya pihak Kerajaan berhati-hati dengan perakuan-perakuan yang dibuat oleh syarikat perunding. Consultant firms ini selalunya mempunyai vested interest. Memang adalah kepada faedah mereka untuk mengemukakan bahawa satu-satu projek adalah feasible supaya mereka ada perniagaan, mereka dapat memberi spesifikasi ke atas barang-barang yang digunakan oleh projek. Mereka pun mungkin ada pendapatan. Contohnya, beberapa peratus dalam projek ini dan selalunya mereka memberi keputusan yang favorable supaya projek ini dijalankan.

Seperti dalam kes Sabah Gas Utilisation ini, walaupun kita dapati bahawa projek ini sudah menghadapi masalah besar dan projections yang dibuat dalam feasibility studies ini tidak ditunaikan, masalah yang dapat dihadapi oleh projek raksasa seperti Sabah Gas Utilisation ini juga dapat dihadapi dalam peringkat pelaksanaan, adakah kontraktor-kontraktor menggunakan material yang bagus, yang baik seperti yang ditentukan oleh syarikat perunding? Ini pun sedikit berkait dengan taraf pembinaan (construction standard) dalam negara kita yang selalu menghadapi masalah—Port Kuantan crack, jalan raya runtuh dan sebagainya.

Apabila projek ini sudah disiapkan, masalah pengurusan menjadi masalah besar dalam bidang memasarkan hasil-hasil daripada projek ini serta dalam bidang kawalan kewangan. Oleh kerana itu saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat

memberi satu gambaran yang jelas bagaimana kita akan menyelamatkan satu perkara yang teruk seperti ini? Adakah pihak Persekutuan telah diminta oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah untuk mengambil alih projek ini atau macam mana? Satu keputusan mungkin sudah amat mendesak oleh kerana memandangkan ekonomi yang kian bertambah teruk sekarang. Ini sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.55 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang telah menyentuh perkara berkenaan dengan Sabah Gas Utilisation Project ini. Seperti yang Kementerian saya telah jelaskan, keperluan peruntukan sebanyak \$80.2 juta di bawah P.28 adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Perbadanan Tenaga Sabah, dengan izin, Sabah Energy Corporation bagi menampung keperluan kewangan perbadanan ini untuk membiayai Sabah Gas Utilisation Project (SGUP).

Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa projek SGUP ini telah gagal, saya di sini mengatakan bahawa projek SGUP itu pada peringkat sekarang tidaklah gagal tetapi hanya menghadapi masalah kewangan atau aliran wang tunai sementara sahaja. Ini adalah disebabkan kejatuhan harga-harga hot bequited iron (HBI) dan mathonal dan kedua-dua ini adalah keluaran SGUP ini, oleh kerana kejatuhan harga kedua-dua barangan ini.

Tadi Yang Berhormat telah membangkitkan juga mengapa kos projek ini telah meningkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu alasan untuk menerangkan

mengapa kos projek ini telah meningkat adalah kerana pada satu peringkat Kerajaan telah mendapat pinjaman dari luar negeri dan pada masa ini kadar pertukaran wang asing khususnya Yen telah meningkat. Oleh kerana itu sedikit sebanyak telah mengakibatkan kos projek ini meningkat.

Tuan Pengerusi, pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji beberapa langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan beban Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam projek SGUP. Bank Pembangunan Asia telah memberi satu geran bantuan teknikal untuk mengkaji kemungkinan menswastakan SGUP walaupun Yang Berhormat tadi mengatakan kaedah ini bukanlah kaedah yang sempurna tetapi bagi pihak Kerajaan. menswastakan projek ini adalah salah satu kaedah yang baik. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan masih belum membuat keputusan muktamad sejauh mana penglibatan kewangannya dalam projek ini. Kajian yang lebih mendalam sedang dijalankan oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun minta jalan. Hendak beri jalankah?

Tuan Loke Yuen Yow: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat mengakui bahawa projek tersebut telah gagal dan kajian kemungkinan itu kalau dijalankan tidak begitu sempurna sehingga tidak dapat menjalankan projek ini dengan sempurna. Itu satu perbuatan, satu projek yang kurang wajar.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Pengerusi, apabila saya bagi pihak Menteri Kewangan mengatakan

bahawa untuk menswastakan projek ini mungkin adalah salah satu kaedah yang baik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh projek SGUP ini, bukan bermakna Kerajaan membuat keputusan berbuat demikian. Itu pun tidak bermakna bahawa Kerajaan mengakui bahawa projek ini telah gagal. Ini adalah selaras dengan polisi penswastaaan Kerajaan

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Loke Yuen Yow: Baik.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta Penjelasan sahaja. Adakah benar bahawa apabila pihak syarikat perunding membuat design bagi methanol plant, dengan izin, mereka jangka bahawa ada banyak bekalan air yang bersih di tapak itu. Tetapi selepas perlaksanaannya itu tidak ada air, mereka terpaksa untuk mengambil air dari underground. Air yang didapati ini tidak bersih, tidak pure. Dan pihak yang berkenaan terpaksa lagi menubuh sebuah kilang untuk membersihkan air itu sehingga memakan perbelanjaan tambahan sebanyak beberapa juta ringgit. Adakah ini benar? Ini bukan faktor yang berkaitan dengan pasaran dunia, harga jatuh dan sebagainya, tetapi ini berkaitan dengan macam mana negara kita melaksanakan projek raksasa.

(Timbalan Yang di-Perua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun melawat tapak projek itu dan jika Menteri Kewangan telah pun melawat tempat itu berilah sedikit masa kepada Kementerian Kewangan untuk menjalankan sesuatu

siasatan. Mungkin hakikat-hakikat dan hujah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar. Tetapi berilah masa sedikit dan Kerajaan akan buat satu penyiasatan oleh kerana dulu projek itu telah dijalankan (*supervise*), dengan izin, oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, saya ingin teruskan jawapan saya. Berhubung dengan soalan ketiga yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, oleh kerana hutang H.U.B. telah diterima dari satu sumber luar negeri, kadar faedah tidak boleh diterangkan secara tepat. Walau bagaimanapun kadar faedah adalah pada kadar pasaran wang dunia.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengatakan bahawa setahu Kerajaan tiada penyelewengan yang berlaku dari pihak pegawai-pegawai. Sekiranya Yang Berhormat mengetahui berkenaan dengan sebarang penyelewengan, haraplah dapat dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan iaitu Kerajaan Pusat dan penyiasatan lanjut akan dijalankan.

Tuan Pengerusi, dengan jawapan yang pendek ini saya anggap telah menyentuh sebahagian besar soal-soal yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$80,199,990 yang disebutkan dalam Maksud P.28 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$80,199,990 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1987.

Maksud P.54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil 3) 1986-

Maksud P. 50 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1987—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.50 di bawah Kementerian Pengangkutan adalah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Ipoh.

4.03 *ptg.*

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian atas Kepala P.50 Jabatan Penerbangan Awam, Butiran Projek 00100. Dewan diminta untuk meluluskan wang sebanyak \$200,000 yang digunakan sebagai pembayaran kepada Penerbangan Awam untuk projek-projek pembangunan.

Mengikut Memorandum, tambahan sebanyak \$200,000 Tuan Pengerusi, adalah dikehendaki sebagai pembayaran pampasan pengambilan tanah bagi melaksanakan kerja-kerja pembangunan untuk meningkatkan taraf lapanganterbang Ipoh.

Tuan Pengerusi, isu lapanganterbang Ipoh dan tarafnya sudah pun menjadi satu isu yang dibangkitkan seringkali dalam Dewan ini oleh Ahli Yang Berhormat yang mewakili kawasan itu dan dalam masa-masa yang lampau sewaktu Kerajaan mempunyai hasil yang lebih daripada hasil sekarang, dan sewaktu kedudukan ekonomi lebih baik daripada sekarang, waktu itu Kerajaan tidak mengambil tindakan ataupun mengambil perhatian yang lebih berat tentang meningkatkan taraf lapanganterbang Ipoh. Dan selepas tekanan dan permintaan daripada orang ramai dan persatuan-persatuan termasuklah persatuan yang mewakili, dengan izin, Tourist Association maka barulah pihak Kerajaan Persekutuan mula untuk membelanjakan wang sebanyak \$200,000 yang diminta untuk

diluluskan sekarang. Tetapi apabila di soal dalam Dewan yang mulia ini dalam mesyuarat yang lalu, Timbalan Menteri Pengangkutan pada ketika itu memberitahu bahawa Kerajaan Persekutuan telah pun membuat satu kajian untuk meningkatkan taraf lapanganterbang Ipoh tetapi oleh kerana Kerajaan tidak mempunyai wang untuk melaksanakan recommendation yang dibuat oleh Juru Perunding yang membuat kajian itu maka beliau menyatakan bahawa Kerajaan tidak akan menjalankan apa-apa kerja sehingga keadaan ekonomi pulih di negara ini.

Tetapi dalam Maksud P.50 Dewan di minta meluluskan \$200,000 ini sebagai bayaran pampasan pengambilan tanah bagi melaksanakan kerja-kerja pembangunan. Saya ingin mendapat tahu daripada pihak Kementerian apakah jenis kerja-kerja pembangunan yang dikatakan telah dijalankan sekarang ini oleh kerana sudah lama pengguna-pengguna lapanganterbang Ipoh mendesak Kerajaan supaya kemudahan pendaratan malam atau night landing facilities, dengan izin, diadakan di Ipoh. Tetapi desakan-desakan itu sentiasa dielak oleh pihak Kerajaan. Jadi tidaklah ada ertinya sekiranya kita membelanjakan beratus-ratus ribu ringgit untuk meningkatkan taraf lapanganterbang Ipoh tanpa mewujudkan kemudahan pendaratan malam di lapanganterbang Ipoh. Apa yang saya nampak di lapanganterbang Ipoh ialah cuma renovation yang dibuat untuk Dewan Ketibaan dan Dewan Berlepas.

Tetapi apa yang penting bagi Lapanganterbang Ipoh ialah barang perbelanjaan yang dibuat oleh Jabatan Penerbangan Awam hendaklah dibuat dengan tujuan untuk mewujudkan dengan seberapa cepat yang boleh kemudahan pendaratan malam di Lapanganterbang Ipoh yang sudah menjadi tuntutan, desakan orang ramai dan pengguna

Lapanganterbang Ipoh. Saya ingin mendapat tahu daripada pihak Kementerian berapa luaskah tanah yang diambil oleh Jabatan Penerbangan - Awam yang mana dikenakan . . . bayaran pampasan sebanyak \$200,000 ini dan sama ada pengambilan tanah di mana bayaran pampasan \$200,000 ini dikenakan adalah keluasan tanah di mana sesuai untuk pendaratan kapal terbang yang lebih besar daripada apa yang mendarat di Lapangan terbang sekarang, ataupun pengambilan tanah adalah tanah bagi maksud untuk membina bangunan atau sebagainya dan bukan landasan atau "runway", dengan izin, Tuan Pengerusi.

Kalau kita membelanjakan beratus-ratus ribu dngan tujuan bukan untuk mewujudkan satu keadaan di mana kapal terbang yang lebih besar untuk mendarat di Lapanganterbang Ipoh, maka perbelanjaan ini sudah menjadi sia-sia. Jadi saya berharaplah pihak Kementerian boleh memberi satu jawapan yang tegas bagi bayaran pampasan pengambilan tanah ini, apakah keluasan tanah, apakah jenis penggunaan tanah yang diambil itu, dan ketiga, sama ada dengan membayar \$200,000 ini maka sudah wujud satu keadaan di mana kemudahan pendaratan malam (night landing) boleh diwujudkan di Lapanganterbang Ipoh. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

4.13ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Ipoh yang telah membincangkan masalah Lapanganterbang Ipoh. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya dari Parti Pembangkang tidaklah mempunyai buruk sangka

terhadap Kerajaan kerana Kerajaan lebih rasa bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek yang mendatangkan manfaat dan faedah kepada orang ramai.

Untuk makluman Yang Berhormat, memanglah jumlah \$200,000 itu adalah diminta untuk membayar sebahagian daripada bayaran mengambil balik tanah sejumlah 1/2 ekar untuk meluaskan lagi Lapanganterbang Ipoh. Sebenarnya Lapanganterbang Ipoh yang dirancang itu adalah projek pembangunan yang bertujuan untuk meningkatkan tarap Lapangan terbang, untuk menampung operasi Boeing 737 termasuk pendaratan di waktu malam. Untuk perkara itu sebenarnya Unit Perancang Ekonomi telah pun menyediakan peruntukan pada tahun 1986 berjumlah \$40 juta. Tetapi daripada \$40 juta itu, \$35 juta adalah diperuntukkan bagi membuat Lapangan terbang, manakala \$5 juta lagi adalah untuk jalan-jalan menuju ke Lapangan terbang. Projek ini telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tahun 1986. Jabatan Kerjaraya telah pun memanggil tender bagi kerja-kerja kontrak. Bagaimanapun tawaran untuk kontrak itu telah tidak dapat dilakukan kerana peruntukan kewangannya tidak diperolehi dan bagi tender yang telah dibuka di dapati bahawa yang terendah ialah \$43 juta iaitu lebih daripada peruntukan yang dikhaskan oleh Unit Perancang Ekonomi.

Oleh yang demikian perkara itu tidak dapat dilaksanakan, tetapi kerja-kerja mengambil balik tanah sudah diuruskan dan \$200,000 ini adalah perlu untuk membayar sebahagian daripada bayaran pampasan mengambil balik tanah dan peruntukan bagi kerja-kerja yang telah diluluskan untuk dibayar pada tahun 1987 hanyalah bagi, dengan izin, Tuan Pengerusi, projek-projek "contractually committed sahaja. Jadi

oleh kerana keadaan kewangan itulah maka projek ini belum lagi dapat dilaksanakan sepenuhnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga untuk makluman Dewan ini memanglah perancangan yang dibuat itu adalah untuk memanjangkan lagi "runway" supaya dapat menampung perkhidmatan Boeing 737 termasuk pendaratan di waktu malam. Oleh kerana itu janganlah diharapkan pihak Yang Berhormat menyangka bahawa Kerajaan tidak mengambil berat mengenai perkara ini dan tidak pula mempunyai perancangan yang kukuh dan tertentu untuk melaksanakan Lapanganterbang Ipoh ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$500,000 yang disebutkan dalam Maksud P.54 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1986; dan perbelanjaan sebanyak \$200,000 yang disebutkan dalam Maksud P.50 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$500,000 untuk maksud P.54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1986; dan wang sebanyak \$200,000 untuk maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1987.

Maksud B.51 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.51 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas.

4.17 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 18A, B.51, butiran baru ini adalah untuk

membiayai bayaran gaji, bayaran balik Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan, sewaan, pengubahsuaian ruang pejabat, pembelian alat-alat perabot dan bayaran pindahan berikutan dengan apa yang disebutkan sebagai penswastaan Jabatan Telekom mulai 1hb Januari tahun ini.

Tuan Pengerusi, apakah di antara fungsi-fungsi "kawalselia Telekom" ini? Sekiranya tugas jawatan ini adalah untuk mengawal dan menyelia perkhidmatan yang dibekalkan oleh Syarikat Telekom Malaysia, ia harus menumpukan perhatian kepada pengeluaran bil-bil telefon oleh STM. Aduan sering diterima dari orang ramai mengenai bil-bil telefon terlebih dikira dan tuntutan deposit tambahan. Saya ada banyak contoh, Tuan Pengerusi. Misalnya bil telefon nombor 7563408. Masalah bil berlebihan yang pernah disampaikan kepada pihak Syarikat Telekom Malaysia yang bertarikh 6hb April, 1987 oleh Puan Kong Siew Joo. Tuan punya nombor telefon yang telah pun disebutkan tadi dan beralamat 268, Jalan 17/6, Petaling Jaya, telah menerima bil bulan Mac yang bernilai \$267.03 yang mana baki dari bulan Februari adalah \$242.03. Jadi yang pertamanya pemilik telefon tersebut tidak pernah menerima bil telefon bagi bulan Februari dan benar-benar ingin mengetahui butir panggilan jauh yang didakwa dibuat oleh beliau pada bulan tersebut. Dari penyata panggilan jauh bagi bulan Januari, 1987 pemilik telefon tersebut mendapati bahawa panggilan-panggilan yang telah dibuat kepada nombor telefon tersebut yang kesemuanya bernilai \$129.96 tidak pernah dibuat oleh beliau.

Perkara ini sudah disampaikan kepada pihak Syarikat Telekom tetapi pegawai tidak berjaya membuat perhubungan telefon dengan nombor tersebut dan dengan itu tidak dapat dibuktikan bahawa si penerima

panggilan bukanlah kenalan pemilik tersebut. Ini satu contoh. Contoh yang kedua mengenai satu syarikat, Matex Trading Sdn Berhad, telefon nombor 7747202 dan bil telefon meningkat dari pada purata \$200 sebulan kepada sepuluh kali ganda iaitu \$2,822. Jadi inilah perkara yang sering berlaku semenjak penswastaan. Jadi di sini kami hendak mengetahui sama ada pihak Jabatan harus mengambil langkah yang lebih positif dan lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Yang keduanya, pihak Jabatan harus menjadi teladan yang baik dengan mengesyorkan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain membayar bil-bil teleton mereka yang bertimbunan dan berjuta-juta ringgit nilainya. Contohnya, Jabatan-jabatan Kerajaan di Negeri Perlis berhutang sebanyak \$481,084; negeri Kedah \$3,299,046; Pulau Pinang \$9,316,515 dan negeri Perak \$3,562,578. Berjuta-juta ringgit ini dihutang oleh Jabatan-jabatan Kerajaan. Saya percaya ada banyak lagi yang tidak bayar. Itulah kami berharap satu contoh diberi oleh pihak Jabatan-jabatan Kerajaan untuk menunjukkan sikap tidak amanah bagi orang ramai.

Tuan Pengerusi, walaupun STM itu berupa syarikat 100% kepunyaan Kerajaan, ini tidak beimakna ia berhak untuk memilih kasih dan mengambil tindakan dengan tegas dan ketat ke atas para pengguna biasa tetapi sebaliknya membiarkan Jabatan-jabatan Kerajaan tarus terhutang dengan beglту sahaja.

Jumlah sebenar yang di-hutangkan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan kepada STM masih belum diketahui dengan sepenuhnya. Kami yakin bahawa sekiranya kesemua hutang itu dibayar balik, sudah tentu mutu perkhidmatan telekom akan menjadi lebih baik dan lebih masa

dapat ditumpukan kepada penyelewengan setengah-setengah kakitangan STM yang mungkin mencuri kegunaan telefon dari para pengguna menghasilkan bil-bil bulanan yang besar dan catatan panggilan luar biasa. Para pengguna berhak untuk mendapat perkhidmatan telefon dan kenaan bayaran yang adil.

Dengan itu saya berharap pihak Kementerian dapat mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang telah saya bangkitkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandaran): Yang Berhormat dari Sungai Petani.

4.25 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan ini untuk turut serta memberi fikiran mengenai Maksud B.51 Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Saya ingin mengemukakan masalah kakitangan peringkat rendah di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos khususnya kakitangan di Pejabat Pos di mana pada masa yang akhir-akhir ini didapati bahawa ramai jawatan-jawatan peringkat rendah telah tidak diisi sedangkan jawatan-jawatan itu sangat diperlukan, tidak seperti jawatan-jawatan di peringkat atas. Maksud saya, kalau sesuatu Pejabat Pos kekurangan seorang kakitangan penghantar surat maka ianya terpaksa ditanggung oleh kakitangan yang lain. Dengan makna yang lain kakitangan yang menanggung beban kerja itu terpaksa menjalankan kerja yang lebih banyak dan ianya terdedah kepada kemalangan-kemalangan. Katalah seorang kakitangan yang menghantar surat untuk 500 surat, apabila kakitangan tidak cukup maka ia terpaksa menghantar 1000 surat

dan lebih malang lagi pula sekiranya surat-surat yang dihantar itu lambat sedikit sampai maka aduan-aduan (complaint) dan sebagainya akan datang dari orang ramai sedangkan pihak kakitangan sendiri tidak dapat dan tidak mampu untuk menjalankan kerja-kerja yang sedemikian. Jadi dengan itu saya mencadangkan supaya jawatan-jawatan yang masih kosong terutamanya kakitangan penghantar surat supaya dapat diisi dengan segeranya.

Perkara yang kedua, suka saya mencadangkan kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos supaya mewujudkan satu skim insurans kepada penghantar-penghantar surat kerana penghantar-penghantar surat ini sentiasa terdedah kepada kemalangan-kemalangan, terdedah kepada kemalangan yang kecil iaitu diserbu oleh anjing-anjing di rumah di mana surat itu dihantar hinggalah kepada kemalangan-kemalangan jalan raya kerana penghantar-penghantar surat itu dengan cara terburu-terburu, dengan cara hendak cepat sampaikan surat ke tempat yang dituju kadang-kadang terlupa untuk memandang ke kiri dan ke kanan maka terjerumuslah ia dengan kemalangan-kemalangan jalan raya. Jadi dengan ini saya mencadangkan kepada Kementerian dapat apalah kiranya memikirkan satu skim insurans kepada kakitangan Pos. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Seremban.

4.28 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Saya bercakap sedikit di bawah Maksud B.51. Tuan Pengerusi, apabila Syarikat Telekom ditubuhkan kita berkehendakkan perkhidmatan yang lebih baik kalau dibandingkan dengan Jabatan Telekpm dahulu. Tetapi sampai sekarang kita nampak ada

sungutan yang lebih teruk kalau dibandingkan dengan Jabatan Telekom yang dahulu oleh sebab banyak pengaduan-pengaduan daripada rakyat jelata ada diberi, nombor satu berkenaan deposit-deposit telah di naikkan dan lagi apabila bil sampai akhir bulan, ramai consumer mendapat bil-bil yang boleh mengejutkan mereka sebab bil itu telah naik beberapa kali ganda. Ini merupakan servis Telekom yang tidak sihat dan tidak ada dibaiki.

Saya tidak faham apa sebabnya. Sungguhpun Kerajaan ada melaksanakan satu polisi privatisation atau penswastan, kita nampak tidak ada apa-apa pertukaran, apa sebabnya? Saya ingat Syarikat Telekom kalau dibandingkan dengan Jabatan Telekom yang dahulu serupa juga, nama sahaja sudah ditukar tetapi yang lain-lain semuanya serupa seperti pentadbiran, perkhidmatan dan lain-lainnya. Ini bukanlah satu privatisation yang tulin.

Jabatan Telekom dan Syarikat Telekom serupa sahaja. Perkhidmatan, pentadbiran dan lain-lain all are the same, tidak ada apa benda yang ditukar. Sebab Syarikat Telekom ingat kalau perkembangannya tidak baik, dia tidak takut, sebab Kerajaan ada di belakangnya boleh menyokongnya kalau jadi bengkrap. Saya ingat attitude ini, polisi ini tidak sihat.

Saya cadangkan di sini lebih baik ikut di tempat lain. Perkhidmatan Telekom di negara kita ini adalah satu lapangan yang sangat besar—West Malaysia dan East Malaysia sangat besar, lebih baik kita bagikan kepada dua atau tiga komapani untuk diswastakan perkhidmatan Telekom, ini kita dapat competition. Kita tidak mahu Kerajaan jadi safety net, dengan izin. Kita tidak nampak apa-apa benda yang baik. Adakah perkhidmatannya lebih baik, lebih murah kalau

dibandingkan dengan Singapura, charge untuk panggilan distance call, dengan izin, lebih murah dan kita lebih mahal. Apa sebabnya long distance ke London kita charge lebih mahal? Long distance ke Singapura pun mahal. Sebab itulah saya harap Syarikat Telekom jangan diberi monopoli, beri lagi kepada dua tiga komapani untuk diswastakan perkhidmatan Telekom negara kita. Ini lebih baik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong.

4.02 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Berikutan daripada apa yang rakan saya Yang Berhormat dari Seremban berkata, khasnya mengenai perkhidmatan Telekom dan STMB, saya rasa ini satu masalah yang kita perlu kaji dengan mendalam, khasnya pengguna-pengguna telefon yang apabila ada banyak komplek terhadap STMB tetapi tidak boleh dapat perhatian yang berpatutan, layanan daripada pihak yang berkenaan oleh kerana sebuah syarikat yang tidak accountable kepada sesiapa.

Sungguhpun Kerajaan akan bertanggungjawab tetapi ini adalah satu badan yang kita telah tubuhkan selepas penswastan yang tidak accountable kepada sesiapa adalah satu monster yang perlu dijinakkan (time) supaya accountable kepada pengguna-pengguna supaya suara pengguna-pengguna ada peiuang untuk didengar dan komplek-komplek mereka diberi perhatian yang serius dan bukan berpura-pura sahaja. Sebab itu mungkin satu cadangan yang saya kemukakan boleh digunakan untuk mengadakan sebuah badan atau Majlis Pengguna-pengguna Telefon di mana ada kuasa untuk menyasat dan di mana STMB perlu menjawab mengenai apa-apa komplek dan satu badan yang bebas di mana semua

komplek yang dikemukakan selepas siasatan boleh dilaporkan sebagai satu mini Ombudsman supaya monster STMB ini boleh menjadi lebih accountable dan boleh berhenti menjadi sebuah monster. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

4.41 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, ingin saya mendapat tahu mengenai keadaan dengan Turnkey Contractor yang ada sekarang. Adakah pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos puas hati pada prestasi mereka, oleh kerana saya sendiri tahu banyak kelewatan telah terlibat di dalam projek-projek yang dijalankan, contohnya, UNIPON di Kuching. Apakah syarat-syarat yang ada bagi tempoh berapa panjang telah ditentukan dalam perjanjian yang di antara STM dengan Turnkey Contractor itu. Adakah benar kadangkala kos untuk memasang talian telefon itu yang dijalankan oleh pihak kontraktor turnkey itu lagi mahal daripada apa yang dikenakan oleh pihak STM sendiri. Ini soal saya.

Keduanya, Tuan Pengerusi, ialah keadaan perkhidmatan luar bandar. Seperti di negeri Sarawak ada terdapat 5,000 kampung-kampung ataupun rumah-rumah panjang yang susah dihubungi. Satu alat yang terdapat sekarang ialah ATUR tetapi itu mahal berharga \$800 mungkin sekarang turun sedikit. Orang-orang kampung tidak mampu membeli alat yang mahal. Apabila ada keadaan kecemasan berlaku seperti orang sakit, perempuan mahu bersalin hendak memanggil helikopter untuk mengambil orang sakit ini tidak dapat. Kalau ada telefon di setiap rumah, ini bagus untuk menjaga kepentingan sosial mereka. Mungkin satu kajian dapat dibuat supaya menentukan

kemungkinan untuk menggalakkan industri-industri tempatan di negara kita untuk mengeluarkan dan membuat alat-alat atelefon. Bukan sahaja untuk kegunaan keperluan negara kita sendiri tetapi untuk eksport kepada negara-negara ASEAN ataupun Asia Pasifik ini supaya alat-alat seperti ATUR dapat harganya diturunkan dan mampu dibiayai oleh semua orang. Ini sahaja cadangan saya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

4.44 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai); Tuan Pengerusi, Maksud B.51—Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sepertimana yang telah rakan saya memberikan pandangan, saya juga untuk mengambil bahagian berhubung dengan tambahan sebanyak \$3,940,100 adalah dikehendaki untuk dibiayai bayaran gaji, bayaran balik Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, perbelanjaan perjalanan dan perkhidmatan sewaan, pengubahsuaian ruang pejabat, pembelian alat-alat perabot dan bayaran pindaan bagi program baru kawalselia Telekom berikutan dengan penswastan sebagai Telekom mulai 1 Januari 1987.

Di sini saya ingin hendak bertanya sebagaimana dikatakan di sini berikutan dengan penswastan Jabatan Telekom mulai Januari 1987.

Jikalau Jabatan ini telah diswastakan, saya ingin bertanya bagaimana pula wang ini dikehendaki oleh syarikat penswastan ini Telekom untuk membayarnya. Kerana mengikut di sini sewaan, pengubahsuaian pejabat, pembelian alat-alat perabot, bayaran pindahan bagi program baru, kawalselia Telekom, ini adakah pihak Telekom yang membayarnya. Ini saya hendak

tahu kerana sebagaimana penerangan di sini telah pun diserahkan kepada Syarikat Telekom Malaysia. Adakah pihak kita pula hendak membayarnya. Saya kurang faham dalam soal ini.

Yang kedua dalam soal Telekom ini, sejak penswastan ini dijalankan memang banyak persoalan dan juga orang ramai bersungut dengan keadaan tidak memuaskan di atas service yang dijalankan oleh pihak syarikat yang baru ini. Kemungkinan baru, belum dapat menjalankan tetapi saya rasa ini tidak boleh jadi kerana pegawai yang bertugas adalah orang-orang lama, iaitu tentang alat-alat telefon yang ada di kawasan kampung, di jalan-jalan umpamanya, boleh dikatakan rosak selalu.

Umpamanya, pada bulan puasa tiga kali saya pergi untuk telefon, iaitu di depan Pejabat Imigeresen Malaysia, Jalan Pantai. Kalau tak silap saya ada lima telefon di situ, hanya satu sahaja yang boleh digunakan. Itu pun telah masuk duit, kalau tak silap saya 90 sen, duit telah masuk, hanya yang akhir sahaja boleh dapat, 90 sen sudah ditelan, tak dapat dikeluarkan lagi. Yang empat lagi telefon tidak boleh jalan. Oleh itu, dalam keadaan inilah rasa saya dalam masa kecemasan jikalau berlaku kebakaran dan sebagainya teleton ini tidak boleh digunakan, hanya terletak begitu sahaja untuk perhiasan orang ramai. Oleh itu, dalam masalah ini kita tidaklah hendak menyalahkan tetapi saya mengingatkan kepada pihak syarikat ini supaya dapat menjalankan tugas dengan baik. Ini adalah kepentingan orang awam kerana telefon yang dipasang itu bukan kita gunakan dengan percuma tetapi dengan bayaran.

Begitu juga berhubung dengan pembayaran. Dahulu masa Telekom ini dipegang oleh pihak Kementerian, ini juga selalu dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu berhubung dengan pembayaran yang begitu

berlipat ganda. Sudah bayar bulan ini, bulan depan ada lagi tunggakan, tunggakan demi tunggakan, tunggakan demi tunggakan, sehingga beribu-ribu ringgit, tak tahu bila hendak habis tunggakan itu. Sudah bayar habis pun ada tunggakan lagi, yang perlu dibayar, yang tak perlu dibayar. Ini juga rasa saya supaya dapat dibuat pindaan yang lebih sesuai, yang lebih difahami oleh rakyat bil-bil telefon yang ada ini. Kalau tak silap saya dahulu syarikat ini hendak diubah, tetapi sehingga ke hari ini begitu juga rasa saya, sungguhpun syarikat itu telah ditukar tetapi caranya masih serupa. Itu sahaja.

Soal iaitu mengenai surat-surat. Pada 19hb Jun, 1987 yang baru lalu, saya ada menghantar surat menggunakan sampul surat Urusan Kerajaan yang dialamatkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi jawapan kepada surat yang dihantar kepada saya untuk jawabannya. Tetapi sehinggakan Setiausaha Politiknya menelefon kepada saya bertanya sudahkah dijawab surat yang bertarikh 16hb Jun. Saya katakan: Saya sudah menjawab pada 19hb Jun. Setiausaha Politik menelefon saya pada 2hb Julai.

Tuan Pengerusi, fikirkanlah, antara Lembah Pantai, daripada Pejabat Pos Universiti ke pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berapa jauh sangat sehingga 1hb Julai belum terima surat. Bagaimana kelewatan begitu terjadi, alangkan surat daripada luar negeri pun boleh sampai dalam masa tiga, empat hari; inikan pula surat yang hanya dalam dua, tiga batu sahaja tak boleh sampai surat ini. Ini bukti-buktinya yang saya hendak tunjukkan. Bukan kita hendak menyalahkan mana-mana pihak, tetapi saya mengharap supaya dapat pihak-pihak yang berkenaan ini memperbaiki sistem-sistem perkhidmatan kepada orang ramai ini supaya tidak tergendala apa yang dikehendaki kerana mereka ini kita

bayar gaji dengan baik dan berbagai-bagai lagi.

Saya kembali balik dalam soal telefon juga iaitu berhubung dengan kelewatan kakitangannya datang ke rumah-rumah atau ke pejabat-pejabat untuk membaiki telefon. Selepas sahaja waktu pejabat mereka ini tidak mahu lagi datang. Misalnya pukul 1.00 atau 12.45 tak mahu datang lagi. Mereka mengatakan: Saya tidak mahu datang, nanti hari pejabat buka—hari Isnin baru boleh kerana karai tidak ada overtime, dengan izin, ataupun bayaran lebih masa. Perkara ini juga saya rasa sama ada benar ataupun tidak oleh pihak-pihak yang menjawab melalui telefon itu. Oleh itu, dalam soal ini saya merasai terkilang sedikit kerana telefon ini penting bagi kita. Kalau dia dapat datang apa salahnya pihak Kerajaan ataupun pihak telefon ini untuk membayar lebih masa dan seterusnya untuk memberi kemudahan kepada orang awam. Oleh itu, sekian, saya ucapkan terima kasih.

4.45 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya turut bersama dengan rakan-rakan saya untuk menyampaikan sedikit pandangan saya terhadap tambahan sebanyak \$3.9 juta yang diminta oleh Kementerian yang berkenaan atas tujuan dan sebab yang telah diterangkan dalam Kertas Perintah 18A tahun 1987 di bawah Maksud B.51 ini.

Yang sebenarnya saya mempunyai pendapat yang sama setelah mendengar pandangan-pandangan yang telah disuarakan oleh rakan-rakan saya dan saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengawasi dengan lebih rapi mengenai prestasi Syarikat Telekom Malaysia (STM). Memandangkan bahawa prestasinya sejak perkhidmatan

telekom di negara kita diswastakan mulai Ihb Januari, 1987, nampaknya prestasinya belum memuaskan, yang tadi kita pun mendengar banyak sungutan daripada orang ramai iaitu perkara mengenai kelewatan memberi perkhidmatan telefon, masalah tentang bayaran bil untuk panggilan yang tidak dibuat oleh tuan punya ataupun tentang masalah bil-bil yang sangat mahal dan sebagainya. Rasa saya semua masalah ini adalah berkaitan dengan perkara tentang prestasi STM ini dan saya harap bahawa Kementerian yang berkenaan mengadakan satu mekanisma yang dapat mengawasi dengan lebih rapi prestasinya dengan tujuan untuk memastikan bahawa oleh kerana perkhidmatan telekom ini sekarang diswastakan, bahawa STM ini boleh memberi perkhidmatan yang lebih puas hati kepada orang ramai.

Di samping itu, saya juga suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tentang banyak permohonan perkhidmatan Telekom yang telah dibuat oleh para peniaga, khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur oleh kerana tidak dinafikan bahawa perkhidmatan telefon merupakan satu kemudahan asas dan adalah sangat perlu supaya STM ini dapat memastikan bahawa semua permohonan yang dibuat dapat dibekalkan perkhidmatannya dengan kadar yang cepat dan segera. Sekian.

4.48ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi):
Tuan Pengerusi, bagi maksud yang sama saya ingin merujuk kepada masalah kelewatan perkhidmatan telefon juga, seperti mana yang dibangkitkan oleh rakan saya mengenai masalah kelewatan perkhidmatan telefon di kawasan-kawasan setinggan di Kuala Lumpur.

Saya ada menerima tidak kurang daripada 100 aduan daripada penghuni-penghuni di kawasan

setinggan di Kuala Lumpur, terutamanya di kawasan saya di mana kebanyakan mereka yang telah pun memohon lebih 5 hingga 10 tahun belum dapat bekalan ataupun perkhidmatan telefon lagi.

Apa yang saya ingin menyoal kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah setelah penswastakan Syarikat Telekom Malaysia ini dilaksanakan sejak Ihb Januari, 1987, adakah rancangan akan diambil untuk membekalkan perkhidmatan telefon kepada rumah-rumah setinggan yang menderita masalah kelewatan perkhidmatan telefon ini.

Sebab seperti mana yang ditunjukkan oleh rakan saya telefon adalah satu kemudahan asas dan sungguhpun kediaman setinggan-setinggan ini adalah secara haram dari segi undang-undang tetapi mereka sebagai penduduk dan warganegara Malaysia dan membayar cukai, maka saya berpendapat mereka patut diberikan perkhidmatan asas ini dan memandangkan pada hakikatnya mereka menggunakan telefon bukan dengan percuma, tetapi dikenakan bayaran juga.

Saya ingin mendapat satu jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau boleh memberikan satu jaminan bahawa kemudahan telefon yang patut dibekalkan kepada setinggan-setinggan di Kuala Lumpur ini akan diambil perhatian dan kepada semua pemohon di kawasan setinggan yang telah pun menunggu begitu lama akan diberikan prioriti atas permohonan mereka.

Tuan Pengerusi (D. P. Yijandran):
Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman); Tuan Pengerusi, saya

merujuk kepada Maksud B.51 berkaitan dengan Peruntukan Tambahan sebanyak \$3,940,100.

Tuan Pengerusi, saya merujuk terlebih dahulu kepada perkara yang dibangkitkan oleh wakil dari Sungai Petani dan juga Lembah Pantai. Oleh kerana banyak minat terhadap Kementerian ini, kerana kaitannya dengan perkhidmatan awam, sehingga ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyebut tentang soal pos, saya fikir elok saya merujuk perkara ini kepada satu kesempatan yang lain di Dewan ini ataupun di luar Dewan ini. Dengan itu saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang khusus.

Yang pertamanya, saya ingin menyebutkan bahawa Jabatan Kawalselia ini bertanggungjawab untuk melaksanakan kandungan kepada Akta Telekomunikasi, 1950 dan juga Akta Khidmat Telekomunikasi, 1985 (Syarikat Pengganti).

Perkara yang pertama yang dibangkitkan oleh wakil dari Kepong mengenai bil-bil telefon dan juga cagaran yang berkaitan dengan telefon. Contoh telah diberikan. Satu daripada contoh yang sebenarnya adalah di dalam perhatian Kementerian untuk tindakan yang sewajarnya.

Mengenai soal bil, saya ingin menekankan di sini tentang beberapa perkara yang memberikan faedah kepada kita semua. Yang pertamanya ialah, sama ada bil itu wajar ataupun tidak. Ianya memerlukan pertimbangan dan tindakan yang sewajarnya oleh semua pihak.

Yang pertama, ialah untuk pihak pengguna menyedari tentang telefon yang dimiliki dan digunakan oleh mereka sendiri, sama ada mereka sedar bahawa panggilan itu panggilan dekat ataupun panggilan jauh. Kerana ianya

walaupun dalam daerah yang agak berdekatan tetapi besar kemungkinan ia adalah termasuk dalam kawasan panggilan jauh. Oleh itu, dengan tidak disedari kos panggilan tersebut adalah agak tinggi daripada sangkaan asal.

Yang kedua, kita juga harus memastikan bahawa tidak ada salahguna oleh kalangan pengguna—kita tidaklah mengatakan bahawa kita sesama kita mengambil kesempatan terhadap telefon orang lain—tetapi kemungkinan ini tidak dapat ditidakkkan begitu sahaja.

Dan seterusnya, kami di pihak Kementerian juga mengambil perhatian berat tentang tindak-tanduk dari segi prinsip, amalan yang baik, yang bersih dan juga yang murni dan seterusnya ikhlas sebegitu rupa, tidak ada salahguna kedudukan dan tempat oleh mana juga pihak di dalam Sistem Telekom Malaysia hingga menjejaskan kepentingan masyarakat. Setelah kita mengambil kira tentang tiga-empat perkara yang saya sebutkan itu, saya ingin menekankan bahawa cara yang hendak dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk membaiki keadaan ini adalah untuk kita menggunakan seberapa yang cepat, seberapa yang terbaik, teknologi yang terakhir yang mungkin dapat kita bawa ke negara kita daripada mana juga sumber dalam dunia ini. Teknologi yang terakhir yang dapat kita bekalkan di semua "switch" ataupun "exchange" yang ada menggunakan sistem komputer, ialah "Sistem CAMA", di mana detail billing ataupun bil secara terperinci dapat dilaksanakan, di mana butiran seperti panggilan ke mana, berapa lama, dapat kita butirkan dan khidmat ini akan dapat dilaksanakan di tempat-tempat tertentu di seluruh Semenanjung, tidak berapa lama lagi.

Dan jika sekiranya pihak pengguna memerlukan khidmat tersebut, untuk memastikan bahawa bayaran yang dikenakan adalah wajar ataupun tidak, mereka boleh pergi ke Pejabat

Telekom yang paling dekat untuk mendapatkan detail billing itu, untuk memastikan bahawa sesungguhnya wajar ataupun tidak.

Kalau sekiranya tidak dapat dibuktikan dengan secara sah, sama ada bil itu wajar ataupun tidak, pihak STM dengan tidak teragak-agak sanggup untuk menerima apa juga dakwaan supaya akhirnya bil-bil itu adalah dianggap sebagai menasabah oleh pihak pengguna.

Jadi, Tuan Pengerusi, teknologi yang terakhir ini diharapkan supaya dapat memberikan kepuasan serba sedikit untuk memastikan pengguna mempunyai maklumat-maklumat terperinci dari segi kegunaan telefon masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa teknologi yang terakhir telah pun siap untuk digunakan di kawasan tengah dan juga di kawasan selatan kecuali di tempat-tempat yang tertentu, tetapi teknologi yang sama ini digunakan di Great Britain untuk ujian, sejumlah lebih kurang 20,000 lebih pengguna sahaja. Jadi ingin saya menyebutkan di sini bahawa sekurang-kurangnya di negara kita ini cubaan teknologi baru ini agak lebih meluas dari segi kegunaannya oleh pihak pengguna di negara kita ini.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Wakil dari Kepong iaitu hutang yang wujud di kalangan Jabatan-jabatan Kerajaan. Sebenarnya Tuan Pengerusi, perkara ini telah berlaku sejak dahulu lagi di Jabatan Telekom Malaysia. Apabila kita menjadi satu perbadanan di bawah naungan Akta Syarikat dalam bentuk Sistem Telekom Malaysia barulah hutang-hutang tersebut timbul untuk perhatian syarikat dan juga untuk perhatian masyarakat.

Di sini saya ingin menyatakan bahawa hutang-hutang yang wujud sejak tahun 1986 akan dituntut dan jika

sekiranya tidak dibayar oleh Jabatan-jabatan berkenaan maka telefon tersebut akan ditarik balik, dan untuk hutang-hutang yang lebih awal lagi dari tahun 1986, pihak STM cuba mengemaskinikan dari segi dokumentasinya untuk memastikan bahawa hutang itu adalah pada kedudukan yang sah untuk dituntut dan selepas ditentukan kesempurnaan hutang tersebut, maka sewajarnya dari segi pentadbiran diatur antara pihak STM dengan Jabatan-jabatan yang tertentu supaya hutang itu akan dijelaskan. Ini perlu kerana STM walaupun diperbadankan dan dimiliki 100% oleh pihak Kerajaan melalui Kementerian Kewangan ianya terpaksa mengambil jalan tersebut untuk memastikan bahawa kedudukan kewangannya adalah pada landasan yang kukuh.

Saya ingin menyambut perkara yang dibangkitkan oleh wakil dari Seremban mengenai soal cagaran. Mungkin tidak dapat dielakkan bahawa ada pengguna merasa, kan bahawa cagaran dengan tidak semena-mena naik pada kadar yang tinggi. Ingin saya makiumkan di sini bahawa ini adalah satu exercise yang sewajarnya berlaku dari semasa ke semasa bahkan sewajarnya dibuat pada setiap 4 bulan pada satu-satu tahun dan pada setiap 6 bulan nilai bil itu dipuratakan dan apabila dipuratakan, didarafkan dengan dua, maka itulah nilai cagaran yang sepatutnya dibayar. Nilai cagaran tersebut didapatkan daripada purata 6 bulan, didarafkan dengan dua dengan tujuan untuk memberi satu bentuk hedging ataupun satu bentuk cagaran bagi pihak STM.

Apabila berlaku misalnya seseorang pengguna tadi tidak membayar bilnya sekurang-kurangnya nilai cagaran itu menepati dengan jumlah yang bertanggung tadi. Jadi, ini merupakan satu cara untuk mengurangkan risiko yang mungkin ditanggung oleh pihak STM untuk memastikan bahawa nilai cagaran itu menepati dengan kegunaan

pada suatu masa. Tetapi ingin saya menekankan di sini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jika sekiranya didapati bahawa cagaran tersebut adalah melebihi daripada yang sepatutnya ataupun katau kita kira pada 4 bulan yang kemudian di mana purata daripada 6 bulan itu apabila didrafkan dengan dua adalah turun dari segi nilainya, maka pihak pengguna mempunyai hak menuntut kepada STM supaya cagaran itu diturunkan. Ini adalah satu daripada cara STM menyangkal bahawa mereka menaikkan cagaran itu dengan tujuan untuk mengumpulkan wang tunai untuk dimasukkan dalam simpanan mereka semata-mata. Ini membuktikan bahawa STM bukan berhajat sedemikian. Itulah sebabnya saya menekankan bahawa jika purata tersebut setelah didarafka dengan dua, turun, maka pihak pengguna berhak untuk membayar cagaran yang berkurangan itu.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh wakil dari Sungai Petani mengenai soal memperbaiki dan menyelenggara telefon-telefon yang rosak. Makluman yang dapat saya kumpulkan ialah ada sistem di mana STM membuat perakuan, jika telefon itu rosak dapat diperbaiki dengan serta-merta, jika rosak dibaiki dalam masa 12 jam, dan seterusnya begitu, berdasarkan kepada keupayaan yang ada dan juga sama ada ianya jauh ataupun dekat daripada titik tempat mereka menjalankan khidmat mereka.

Dalam soal memperbaiki (repair) kerosakan ini, saya juga dimaklumkan bahawa wujud kelebihan tenaga kerja dalam STM dibandingkan dengan keperluan kerja. Kalau begitu maknanya maka dalam soal kerosakan ini, kita bersama-sama menyeru supaya STM dapat menggerakkan lebih tenaga yang ada supaya sekurang-kurangnya masalah kerosakan itu dapat kita atasi dengan lebih cepat lagi.

Tuan Pengerusi, perkara lain yang dibangkitkan ialah sama ada STM membawa perubahan ataupun tidak. Ingin saya tekankan di sini STM merupakan satu daripada contoh penswastaaan yang paling dekat untuk dirasakan oleh masyarakat secara keseluruhannya dan ianya diperbadankan sejak 1hb Januari, 1987, hingga kini ia sekadar berumur lebih kurang 7 bulan. Jadi, kalau kita hendak memperhatikan perubahan mungkin tidak nampak dan tidak ketara, kalau sekiranya ketara dari segi yang negatif, maka ianya semata-mata berdasarkan kepada apa yang tidak dapat dan tidak dilakukan oleh pihak-pihak yang lalu walaupun dalam bentuk yang tidak popular daripada kacamata masyarakat.

Walaupun begitu saya ingin menyebut tentang perkara yang disebut oleh Wakil dari Seremban sama ada wajar ataupun tidak ditinggalkan sebagai sebuah monopoli, ataupun wajar dibentuk syarikat-syarikat lain untuk bertanding dengan STM. Dalam soal ini pernah juga kita perbincangkan perkara ini dari segi teknikalnya dan juga dari segi komersialnya dan kita dapati bahawa oleh kerana keperluan negara sebegitu rupa dari segi alam semula jadinya sebegitu rupa, maka tidak dapat dibentuk satu sistem penswastaaan yang lebih daripada satu syarikat. Walaupun begitu, Tuan Pengerusi, STM diberi lesen untuk membekalkan khidmat telefon dan teleks daripada Januari, 1987 untuk jangka masa 20 tahun yang akan datang. Dan selepas 20 tahun untuk disambungkan 10 tahun dan seterusnya. Dan terkandung di dalam lesen tersebut syarikat-syarikat yang ditentukan untuk dipenuhi oleh pihak STM.

Sambil itu pula pihak Kementerian diberi peruntukan untuk mengeluarkan lesen-lesen kepada khidmat-khidmat yang dikatakan "value added" ataupun khidmat-khidmat yang berbentuk nilai

tambahan, yang mungkin merupakan tandingan kepada STM sama ada ianya telefon ataupun teleks. Jadi, dengan adanya peruntukan mengeluarkan lesen-lesen yang lain untuk khidmat-khidmat yang merupakan tandingan kepada telefon dan teleks, kami mengharapkan bahawa satu hari nanti STM bukanlah merupakan satu monopoli yang terpaksa bertanding dengan syarikat-syarikat yang lain yang mengeluarkan khidmat-khidmat yang serupa ataupun setanding dengan STM dan pihak Kementerian menyimpan hak tersebut untuk memastikan bahawa akhirnya nanti masyarakat Malaysia pada masa yang tidak jauh akan datang mempunyai khidmat yang baik dari segi telekomunikasi.

Soal sama ada kita setanding dengan Singapura ataupun tidak, saya percaya Yang Berhormat dari Seremban mengakui hakikat bahawa banyak perkara yang sewajarnya diambilkira apabila kita bandingkan khidmat antara Malaysia dengan Singapura. Misalnya sebagai contoh, kita juga mempunyai kemudahan dengan perjanjian yang dibuat dengan negara-negara di peringkat Komanwel bayaran (charge) yang agak rendah yang dapat kita rasakan bersama.

Saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Wakil dari Tanjong. Yang Berhormat dari Tanjong maklum bahawa STM adalah bertanggungjawab kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos berdasarkan kepada Akta yang ada, lesen yang diberikan melalui Kementerian tersebut. STM juga bertanggungjawab kepada Kementerian Kewangan berdasarkan kepada hakikat bahawa Kementerian adalah pemilik saham 100% kepada syarikat tersebut. Dan apabila kita ambil kedua-dua Kernenterian itu, maka sewajarnya STM tadi merujuk kepada Dewan yang mulia ini mengenai perkara-perkara yang ada kepentingan masyarakat untuk diperbincangkan dan diketengahkan.

Mengenai saranan yang dibuat oleh Wakil dari Tanjong, saya ingin menyebut di sini bahawa pihak Kementerian sedang merangka satu cara untuk memastikan bahawa pihak pengguna mempunyai peranan yang sewajarnya dari segi khidmat telekomunikasi dalam negara kita pada masa hadapan. Pada hari ini kita sedang merangka satu kod berkaitan dengan amalan terhadap hal ehwal pengguna yang ada kaitannya dengan soal telekomunikasi dan juga kita sedang merangka satu kod yang berkaitan dengan amalan yang ada kaitannya dengan rahsia, maklumat yang sewajarnya disimpan oleh pihak pengguna itu sendiri. Jadi, saya percaya dalam usaha kami untuk merangka kod-kod tersebut, kita akan mengambilkira cara-cara ataupun mekanisme yang sewajarnya untuk memastikan bahawa masyarakat umum dan khasnya masyarakat yang menggunakan telefon ini mempunyai peranannya untuk memastikan bahawa tidak wujud bentuk syarikat yang tidak memberi khidmat yang tidak menepati dengan harapan masyarakat kita.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Dalam usaha Kerajaan untuk merangka kod dan menjaga kepentingan pengguna-pengguna telefon, akankah Kerajaan menimbang mengadakan satu Majlis Penggunaan-penggunaan supaya mereka sendiri pun boleh lebih berkesan menjaga kepentingan mereka dan apabila berlaku apa-apa komplek atau ketidakpuasan hati oleh pihak pengguna-pengguna.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil cadangan tersebut untuk pertimbangan pihak Kementerian yang sedang merangka kod tersebut.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Wakil dari Bandar

Kuching. Sistem "turnkey" yang dilakukan ini akhirnya menjadi satu pengalaman kepada Kerajaan dan kita semua. Daripada pengalaman tersebut banyak pengajaran yang sepatutnya kita dapati. Ada tempat-tempat dan kawasan-kawasan di mana kemudahan tersebut diwujudkan berdasarkan kepada perancangan yang dibuat oleh syarikat-syarikat berkenaan. Jadi, pihak Kementerian sewajarnya menentukan bahawa perancangan tersebut menepati dengan keperluan masyarakat.

Yang keduanya, ada juga tempat-tempat ataupun kawasan di mana keperluan tersebut tidak dapat dipenuhi kerana kurangnya perancangan. Jadi, dalam hal-hal tersebut kita terpaksa menampung masalah tersebut pada masa hadapan dengan perancangan yang lebih tepat lagi untuk memenuhi kawasan-kawasan yang belum diberi kemudahan pada masa ini berdasarkan kepada kerja-kerja yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat turnkey tadi.

Seterusnya, saya ingin mengambil satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Wakil dari Bandar Kuching mengenai bekalan khidmat telefon di luar bandar. Memang diakui bahawa sistem ATUR agak mahal dari segi perbandingannya. Oleh yang demikian, satu daripada penekanan pihak Jabatan ini ialah untuk mewujudkan kekuatan dari segi penyelidikan dan pembangunan. Sebagai contoh yang kasar yang mungkin kita dapat sebut di sini, kalau sekiranya sistem ATUR itu agak compact dari segi bentuknya, mengapa tidak kita kurangkan dari segi bentuk yang compact itu kepada yang lebih besar lagi supaya akhirnya kos untuk membuat sistem ATUR itu lebih murah.

Tuan Pengerusi, kita sewajarnya menekankan bukan sahaja kepada pihak STM, bahkan mana juga syarikat

pihak-pihak swasta ataupun keupayaan yang ada di kalangan pusat-pusat penyelidikan, seperti di universiti untuk memainkan peranan masing-masing meningkatkan dari segi penyelidikan dan pembangunan supaya keupayaan teknologi yang ada dalam negara kita ini dalam bidang telekomunikasi dapat kita pertingkatkan pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh Wakil dari Lembah Pantai mengapa peruntukan ini perlu, wal hal Syarikat STM diswastakan. Ingin saya sebutkan di sini bahawa peruntukan tambahan ini diperlukan untuk Jabatan Kawalselia di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Akhirnya, saya ingin menyebut perkara yang dibangkitkan oleh Wakil-wakil dari Bukit Bintang dan Sungai Besi mengenai soal permohonan. Pada masa ini STM sedang melengkapkan satu jenis khidmat di Kedai-kedai Telekom sebegitu rupa jika sekiranya datang seorang yang hendak mendapatkan bekalan telefon, berdasarkan kepada alamat orang tersebut maka di kedai itu, pada ketika itu juga, akan dapat memberi maklumat sama ada alamat tersebut akan dapat dibekalkan telefon pada masa itu juga. Jadi, ini kemudahan yang terakhir yang sedang dilengkapkan di kedai-kedai tertentu oleh pihak STM. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya ingin menekankan di sini dalam soal bekatan telefon yang diperlukan yang pertama, wujudnya dari segi bekalan kabel, wujudnya di tempat suis kepada pihak pengguna. Jadi, kita terpaksa memastikan bahawa adanya kemudahan kabel dan juga adanya suis ataupun exchange di tempat tersebut. Kalau sekiranya perkara ini tidak diselaraskan, maka walaupun wujud suis, tidak ada kabel, maka tak juga dapat disampaikan khidmat. Dalam kawasan-kawasan yang mungkin ketinggalan sebegitu

lama, mungkin salah satu daripada sebab-sebab tersebut wuiud.

Akhirnya, saya ingin merujuk kepada soal bekalan telefon untuk masyarakat setinggan. Masalahnya ialah sama ada kita menganggap bahawa masyarakat setinggan itu merupakan masyarakat yang sementara ataupun satu masyarakat dalam bentuk yang lebih tetap. Walaupun begitu, kita tidak menidakkan perlunya keperluan asas seperti telefon ini dan yang dapat saya perakukan di sini ialah sewajarnya pihak STM dapat membekalkan kemudahan telefon awam di kawasan-kawasan setinggan tersebut.

Tuan Pengerusi, itulah serba sedikit jawapan-jawapan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,940,100 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,940,100 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadua! Kedua.

Maksud P.55 (Anggaran Petnbangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1987)—

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kepala P.55 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.20 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, saya menujuk kepada Maksud P.55 di mana tambahan sebanyak \$10 juta diminta untuk membiayai kerja-kerja

mengubahsuai bangunan Parlimen dan pembelian alat-alat kelengkapan.

Saya tidak bertujuan untuk bercakap dengan panjang lebar kerana ini sedikit berkaitan dengan kepentingan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Saya mahu mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan perasaan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Zahir oleh kerana selepas beliau mengambil alih sebagai Speaker dalam Parlimen ini, beliau sudah mengambil tindakan-tindakan tetap untuk memperbaiki alam sekitar kawasan Parlimen ini. Sehingga hari ini kawasan Parlimen ini indah, cantik dan menarik dan alat-alat kelengkapan diperolehi secara program-program tertentu.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk memberi sedikit penghargaan saya sendiri kepada Menteri Kerjaraya kerana hari ini mesra, suasana bagus. Walaupun apabila dia bergaduh dia garang, apabila dia tidak bergaduh, apabila dia menjalankan tugas sebagai Menteri, dia bagus, menjalankan tugas dengan baik. Dia selalu dengan sedaya upaya untuk memberi jawapan dalam Dewan ini dengan lengkap sehingga Ahli-ahli yang menyoal berpuashati. Ini sikap yang bagus. (*Tepuk*) Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat, Timbalan Menteri yang baru boleh mempelajari dari teladan ini. (*Tepuk*)

Yang Berhormat Menteri sendiri pun datang untuk memberi akuan kepada Parlimen ini dengan membentangkan Akta tertentu, walaupun Timbalannya boleh berbuat demikian. Ini sikap bagus. Dalam Dewan ini kita memerlukan Menteri-menteri sepertinya. Saya harap juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga boleh mengikut contoh Yang Amat Berhormat Puan Margaret Thatcher di England di mana setiap hari dalam satu minggu, dia tentu datang ke Parlimen untuk menjawab

semua soalan-soalan yang diarahkan kepada Perdana Menteri.

Dengan ini saya mahu membangkitkan satu perkara terakhir iaitu terhadap pejabat-pejabat kita di Blok Menara. Masa sudah lama dan tadi saya ada pergi melihat, masih ada lagi sign "Jangan Masuk", "Jaga Bahaya Kebakaran". Saya takut juga. Oleh kerana saya ditahamkan bahawa apabila kerja untuk memperbaiki Blok Menara itu dijalankan mereka dapat tahu bahawa fire escape tiada, pelan asal pun tiada, dan setahun lebih sudah berlepas, saya belum ada pejabat dalam bangunan Parlimen ini untuk menjalankan tugas saya, susah, pergi kantin, bising. Mahu tulis ucapan pun susah. Ini sahaja, saya harap kerja untuk memperbaiki Blok Menara dapat tamat dengan segera.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanjong.

5.24 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya hendak membangkitkan satu dua perkara sahaja. Saya harap bahawa dalam Butiran-butiran ini mengenai meminda dan membaharui bangunan Parlimen bahawa perhatian diberi untuk memastikan bahawa Parlimen atau bangunan Parlimen lebih functional untuk Ahli-ahli Parlimen di mana bukan sahaja dalam masa persidangan, boleh digunakan untuk Ahli-ahli Parlimen menjalankan tugas urusan Parlimen mereka sebagai Ahli Parlimen, ada kemudahan-kemudahan secretarial atau pejabat untuk mereka, staff dan saya rasa ini mustahak.

Kita sudah merdeka 30 tahun, tahun ini dan dengan perbelanjaan \$10 juta untuk membaharui dan meminda bangunan Parlimen, kita perlu mengambil perhatian bagaimana kita boleh menjadikan Parlimen lebih bererti, lebih mendapat kepercayaan

orang ramai dan saya harap bahawa satu badan boleh ditubuhkan untuk mengkaji bagaimana ruang-ruang atau space yang ada dalam Parlimen boleh digunakan lebih functional dan termasuk di mana kemudahan-kemudahan boleh diberikan untuk research dan lain-lain supaya Ahli Parlimen ada satu back-up staff yang dibiayai oleh Parlimen yang ada dalam Dewan Perundangan yang lain seperti di Congress, di Parlimen Australia, di House of Commons. Nampaknya apa yang kita ada di Malaysia ialah empty building. Kita perlu isikan bangunan ini dengan kemudahan-kemudahan lain yang mustahak.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang saya mahu sebutkan.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Rasah.

5.27 *ptg.*

Tuan Hu Sepang (Rasah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 12600 iaitu berkaitan dengan bangunan-bangunan baru Kerajaan Negeri Sembilan.

Di bawah Butiran ini saya faham ada peruntukan tambahan sebanyak \$6.5 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Kerajaan, Negeri Sembilan untuk menyiapkan peringkat akhir pembinaan kompleks Pejabat SUK dan Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan. Setakat ini kita baru tahu, sebab yang sebenarnya mengapa urusan kerja membina bangunan-bangunan SUK Negeri Sembilan dan Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan dilambatkan. Ini adalah kerana masalah kewangan dan oleh kerana itu pinjaman sebanyak \$6.5 juta ini adalah diperlukan. Tetapi buat masa yang dahulu pihak Kerajaan Negeri Sembilan memberi bermacam-macam alasan kepada rakyat ataupun penduduk-penduduk Negeri Sembilan termasuk Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di Negeri Sembilan. Mereka

memberi alasan sebagai pemborong-pemborong yang tidak bertanggungjawab, yang tidak ada kemahiran dan mereka cabut, tidak menjalankan ataupun mematuhi syarat-syarat yang ada di dalam Surat Perjanjian. Tuduhan-tuduhan seperti ini dari pihak Kerajaan Negeri adalah memburukkan imej pemborong-pemborong atau kontraktor-kontraktor yang boleh dikatakan 100% dari mereka adalah kontraktor bumiputera. Barulah sampai hari ini kita mendapat gambaran yang benar iaitu oleh kerana kekurangan kewangan, kedua-dua projek ini telah dilambatkan.

Saya masih ingat, sebab saya sendiri pun ada duduk dalam Dewan Undangan Negeri Sembilan dan Menteri Besar Negeri Sembilan ada memberikan jaminan kepada rakyat negeri itu bahawa kompleks ini akan siap dibina sebelum Pilihanraya Umum 1982. Pilihanraya Umum 1982 telah pun lepas tetapi bangunan itu belum siap. Kemudian kita dengar sekali lagi janji bahawa bangunan itu akan siap sebelum Pilihanraya Umum 1986. Pilihanraya Umum 1986 pun telah lepas dan bangunan ini masih belum siap. Apa yang saya dapat tahu bagi bangunan Kompleks Pejabat SUK, boleh dikatakan hampir 90% telah siap tetapi untuk bangunan Dewan Undangan Negeri Sembilan masih belum siap lagi. Apa yang penting di sini ialah kos pembinaan. Mengapa begitu tinggi dan begitu mahal? Salah satu sebab adalah, Tuan Pengerusi, dalam projek pembinaan Kompleks SUK ini ada digunakan bahan-bahan luar negeri. Saya rasa ini adalah kurang elok apabila kita mengadakan kempen membeli barangan buatan Malaysia, dan ini nampaknya telah menentang polisi-polisi Kerajaan.

Saya harap, Tuan Pengerusi, selepas Dewan ini meluluskan wang tambahan ini dan selepas diterima oleh Senate, wang sebanyak \$6.5 juta ini boleh cepat dihantar kepada Kerajaan Negeri

Sembilan supaya kontraktor yang terlibat dalam projek ini boleh dapat pembayaran mereka supaya pekerja-pekerja yang menjalankan kerja dalam projek ini boleh dapat gaji mereka.

Saya haraplah Menteri Kerjaraya dengan "style"nya sendiri boleh cheque ini sebanyak \$6.5 juta kepada Negeri Sembilan, dan saya akan ucapkan tahniah kepada beliau kalau beliau, boleh buat demikian. Tetapi setelah kita luluskan ini disini dan balik ke Negeri Sembilan, jangan biarkan kita menunggu bayaran wang sebanyak \$6.5 juta ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kerjaraya akan mengambil perhatian berat atas hal ini dengan secepat mungkin, lebih baik dengan serta-merta. Inilah pandangan saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

5.32 ptg.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu dua perkara sahaja di bawah maksud P. 55 Kementerian Kerjaraya. Di bawah Butiran 12400, tambahan sebanyak \$10 juta adalah dikehendaki bagi membiayai kerja-kerja mengubahsuai Bangunan Parlimen dan pembelian alat-alat kelengkapan.

Tuan Pengerusi, apabila kita melibatkan sesuatu perbelanjaan untuk mengubahsuai bangunan Parlimen ini, patutlah kita ambil perhatian di mana kita boleh menggunakan bahan-bahan buatan daripada negara kita sendiri. Ada banyak alat-alat ataupun bahan-bahan yang dikeluarkan di Malaysia ini boleh digunakan dan bukanlah daripada luar negeri.

Sebagai contoh, seperti meja ini, nampaknya meja ini adalah buatan daripada kayu "Yatuk". Di Malaysia tidak ada "Yatuk", tidak ada caffromosia, tidak ada sapeli?

Mengapa gunakan bahan-bahan yang begitu mahal sedangkan di Malaysia boleh dapat bahan-bahan yang lebih cantik, lebih tahan lasak. Begitu juga marble-marble yang digunakan itu adalah limestone marble, tetapi di Malaysia ini ada banyak marble. Tetapi apa guna hendak import marble-marble daripada luar negeri seperti daripada Italy? Nampaknya marble yang kita dapat lihat ini adalah marble granite daripada Italy, Kalau hendak gunakan buatan Italy, gunakan marble yang lebih baik. Mungkin harganya lebih mahal, seperti marble-marble daripada Pakistan.

Lagi satu saya hendak menarik perhatian. Walaupun saya baru satu penggal sahaja masuk ke bangunan Parlimen ini, tetapi tiap-tiap hari tahulah kita ini tidak makan di luar. Apabila sampai ke Parlimen, barulah hendak menampung sedikit sebanyak untuk perut kita. Apabila kita sampai ke kantin, kita ini selalu dapati hanya kuih-muih sama sahaja. Hari ini sama, esok sama, lusa sama tidak ada beza-bezakan, tidak ada tukar-tukarkan.

Tuan Pengerusi, apa yang saya sebut ini ialah seperti Menteri Kerjaraya suka hendak makan "tosey" tetapi tidak ada "tosey" di sini. Saya suka makan "Bak Kut Teh" tetapi tidak ada "Bak Kut Teh" dijual di sini. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, mengapa tidak beri peluang kepada kita untuk memilih makanan-makanan yang kita suka, makanan-makanan yang berbeza-beza tiap-tiap hari di mana takkanlah kita ingin hendak makan di luar. Saya dapati banyak Ahli-ahli Yang Berhormat hanya pergi sana minum-minum sahaja, tetapi segan hendak makan, sebab nampaknya penat, tidak ada minat hendak makan lagi. Oleh itu, saya cadangkan, Tuan Pengerusi, ambillah perhatian, kalau boleh buatlah satu gerai makanan Islam, satu gerai makanan untuk bukan Islam, ataupun buatlah satu gerai di mana boleh dapat makanan "western"

jikalau ada orang yang ingin makanan "western" seperti yang dikatakan oleh orang Cina "Er Mau Chee" yang bererti suka makan makanan "western".

Tuan Pengerusi, itulah saya minta Kementerian Kerjaraya boleh ambil perhatian sedikit tentang perkara yang saya timbulkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.38ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu); Tuan Pengerusi, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, Tanjong, Rasah dan juga Pasir Pinji yang telah mengeluarkan pandangan-pandangan mereka atas permintaan daripada Kementerian saya iaitu \$16.5 juta sebagai peruntukan tambahan.

Yang Berhormat dari Kuching telah membangkitkan perkara-perkara berkenaan dengan Blok Menara, iaitu kita sedang menghadapi beberapa masalah. Masalah itu ialah masalah berkenaan dengan hawa dingin dan juga penyiapan pendawaian talipon. Pada masa sekarang kita sudah selesai lebih kurang 80% kerja itu dan hawa dingin kita menghadapi sedikit masalah. Saya percaya selepas kita mendapat kelulusan daripada Dewan yang mulia ini, kita boleh juga memulakan kerja dan menyiapkan projek dan kerja-kerja di Blok Menara itu tidak berapa lama lagi. Saya percaya Blok Menara itu menjadi satu blok yang cantik pada masa dulu, tetapi pada masa sekarang kita sedang menghadapi beberapa masalah. Masalah itu ialah "fire fighting equipment". Pada masa dulu kita tidak mempunyai apa-apa peruntukan untuk mencegah kebakaran di dalam Blok Menara itu, tetapi pada masa sekarang

ini akan mengadakan sprinkler system. Melalui sprinkler system itu, jikalau ada juga kebakaran berlaku walaupun ada orang di sini ataupun tidak, system itu boleh juga menjalankannya secara automatik.

Sebab itu jugalah kita memakan masa sedikit kepada Blok Menara itu, tetapi walau bagaimanapun saya kasihan dengan Ahli Yang Berhormat tidak ada tempat untuk duduk menulis. Untuk menyiapkan ucapan-ucapan dalam Dewan ini. Ini saya ambil perhatian. Walaupun saya dapat janji dah pada Jabatan Kerjaraya. iaitu kontraktor yang telah dilantik boleh menyiapkan kerja ini tidak berapa lama lagi. Saya percaya dalam mesyuarat Parlimen akan datang kerja sudah habis lebih daripada 95 atau 98%. Ini dengan talipon dan lain-lain kemudahan di tiap-tiap bilik Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kedua, Yang Berhormat dari Tanjung telah memberi pandangan beliau berkenaan dengan perkara-perkara iaitu menjadikan bangunan ini sebagai satu bangunan Parlimen dengan lebih kemudahan.

Saya suka menjelaskan sedikit kepada Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Tuan Speaker telah membangkitkan beberapa perkara kepada saya iaitu beliau suka juga membaharui kompleks ini. Jikalau membaharui kompleks ini akan memakan belanja yang tinggi. Walau bagaimanapun dengan belanja yang telah kita dapat daripada Kementerian Kewangan, kita sudah menjalankan beberapa kerja. Satu perkara yang saya suka menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat iaitu Ketua Pembangkang, -saya sudah pun mengarahkan kepada Jabatan Kerjaraya untuk memperbaiki, iaitu aturkan semula bilik Ketua Pembangkang. Jadi Ketua Pembangkang boleh juga duduk dengan senang hati, boleh juga menyiasat apakah kesalahan telah dilakukan oleh Kerajaan dan masuk

sahaja Dewan ini boleh bangkitkan perkara itu dan saya dapat peluang untuk menjawabnya. (*Ketawa*)

Walaupun bagaimanapun, saya ambil perhatian satu perkara yang masih ada dalam ingatan saya iaitu untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan bilik khutub-khanah kita yang ada di lower lobby itu dan ada juga banyak tempat-tempat yang belum dapat kemudahan-kemudahan. Ini kita akan memperbaiki dengan peruntukan yang kita dapat daripada Dewan ini dan saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Rasah iaitu masalah yang dihadapi oleh kontraktor dari Negeri Sembilan, iaitu kita akan peruntukan \$6.5 juta yang diperlukan bagi menyiapkan projek Pejabat Setiausaha Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Negeri Sembilan. Kerja ini kita telah capai 97% sekarang, tinggal 3% sahaja. Saya percaya selepas kelulusan ini kita terus boleh memberikan peruntukkan itu kepada kontraktor. Walau bagaimanapun pada masa dahulu ini bukan bererti kita tidak mengadakan peruntukan, kita mempunyai peruntukan, tetapi kontraktor itu menghadapi masalah kewangan. Masalah untuk memproses sistem perkembangan beliau dan beliau tidak dapat menyiapkan projek itu. Beliau memakan masa dan kita akan hantar balik wang yang kita ada di Negeri Sembilan dan selepas ketulusan ini kita memberi peruntukan ini kepada Kerajaan Negeri Sembilan tidak berapa lama lagi.

Saya percaya dalam tempoh persidangan ini, selepas saya terima ketulusan daripada Dewan Negara, saya terus mengambil tindakan untuk meminta Menteri Kewangan—berilah wang itu kepada saya yang mana yang boleh juga menghantar wang itu kepada.

Dr Chen Man Hin: Tolong beritahu iaitu \$6.5 juta itu berlebihan, original estimate berapa persen.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, projek sejumlah \$63,006,800. Kandungan projek itu adalah projek pinjaman di antara Kerajaan Negeri Sembilan dengan Kerajaan Persekutuan sebanyak \$60,017,000 iaitu pinjaman, dan \$2,989,800 secara langsung akan diberi kepada Kerajaan Negeri Sembilan. Projek ini terdiri daripada projek Kompleks Pejabat Daerah Kuala Pilah—\$8.4 juta, Kompleks Pejabat Daerah Rembau—\$4.1 juta dan juga Kompleks Pejabat Daerah Jelevu—\$6.8 juta dan Kompleks Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu Dewan Undangan Negeri Sembilan—\$43.4 juta—jadi sejumlah \$63,006,800. Kesemua projek 1, 2 dan 3 iaitu Kompleks Pejabat Daerah Kuala Pilah, Kompleks Pejabat Daerah Rembau, Kompleks Pejabat Daerah Jelevu siap dibina dalam jangkamasa yang ditetapkan, kecuali projek yang ke 4, iaitu seperti apa yang saya kata tadi—disebabkan kelewatan itu maka pinjaman yang berjumlah \$60,017,000 tidak sempat dikeluarkan semua iaitu hanya \$53,500,017 sahaja yang sempat dikeluarkan daripada Kerajaan. Jadi bakinya peruntukan berjumlah \$6.5 juta adalah diperlukan dalam tahun 1987. Itulah keterangan berkenaan projek ini. Keterangan yang saya berikan tadi saya percaya boleh juga menjadi jawapan kepada Yang Berhormat dari Rasah.

Berkenaan dengan menggunakan barang-barang tempatan, pada masa sekarang, Tuan Pengerusi, Jabatan Kerjaraya tidak menggunakan apa-apa barang yang dibuat di luar negeri. Jikalau ada juga permintaan khas untuk projek-projek mewah, saya percaya kita tidak ada projek mewah lagi sebab tidak ada wang. Mana ada projek mewah lagi.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, mike ini Philips, made in Holland, dibuat dari luar negeri bukan buatan Malaysia.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, mike ini made in Holland, diimport oleh syarikat Philips tempatan, walaupun sebahagian komponen ini dibuat di Holland, apabila dipasang siap di negara kita, jadi buatan negara kita.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, penjelasan. Kalau itu boleh disebutkan buatan Malaysia yang hanya alat-alat dikumpulkan dijadikan mike ini boleh dikatakan buatan Malaysia, macam mana meja di sana itu, yang Tuan Pengerusi duduk di sana itu adalah batu-batu granite. Adakah ini boleh didapati di Malaysia atau adakah Malaysia mempunyai kemahiran untuk membuat marble semacam itu.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, batu granite ini ialah Italian granite, diimport dari negeri Itali pada masa itu apabila kita membina Dewan ini. Bukan sekarang. Di lua semua tiles yang sedia ada dan digunakan adalah semua daripada Kedah Marble.

Tuan Lau Dak Kee: Adakah diimport marble daripada luar negeri?

Dato' S. Samy Vellu: Tetapi barang-barang asal saya tidak tahu sama ada itu diimport dari luar negeri atau tidak tetapi barang-barang yang kita beli ialah daripada Kedah Marble.

Tuan Hu Sepang: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa tiles yang digunakan atas bumbung Dewan Undangan Negeri adalah diimport dan bukan barang tempatan dan kalau Yang Berhormat Menteri tidak sedar, saya boleh beritahu iaitu tiles itu adalah diimport dari negeri Thailand. Itu bagi Kompleks S.U.K. dan Dewan Undangan Negeri di Seremban.

Dato' S. Samy Vellu: Saya suka mengaku detail seperti itu saya tidak tahu. Walau bagaimanapun, saya boleh menyiasat sebab pada masa sekarang kita mempunyai beberapa syarikat, mempunyai teknik yang

paling baik, lebih daripada negeri Thailand. Jikalau mereka ada menggunakan tiles daripada Thailand, saya akan menyiasat perkara itu, saya janji kepada Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Tuan Pengerusi, apa guna menyiasat sebab mereka telah pasang di atas (*Ketawa*), tidak bermakna lagi. Kalau sudah gunakan barang import, cuma mengaku sahajalah! Kita sesama manusia, kita holeh maafkan, siasat tidak guna!

Dato' S. Samy Vellu: Seperti apa yang saya janji kepada Ahli Yang Berhormat tadi, dalam ucapan Ahli Yang Berhormat pun kata ini mula kerja dalam tahun 1982, dan 1982 pun dia kata ada janji, 1986 sudah siap, itulah saya katakan Yang Berhormat, pada masa itu kita tidak ada polisi kita akan menggunakan 100% barang-barang disediakan di dalam tanahair sahaja. Tetapi pada masa sekarang laitu daripada akhir tahun 1985 saya telah mengeluarkan arahan kepada semua JKR kita mesti menggunakan barang-barang tempatan. Tanpa apa-apa kebenaran dari ibu pejabat JKR mereka tidak boleh menggunakan apa-apa daripada luar negeri. Itulah satu butir saya suka memberi kepada Ahli Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, saya suka berjanji kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tahu barang-barang dibuat di tempat kita iaitu di dalam negara kita mesti mendapat peluang yang pertama apabila kita menggunakan barang-barang itu dalam pembinaan-pembinaan. Jikalau agensi-agensi tidak menggunakan barang-barang itu, saya percaya pihak swasta pun tidak menggunakan itu. Ini saya ambil perhatian.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjung. Saya ada juga sedikit satu dua rancangan untuk memperbaiki

keadaan bangunan ini. Saya akan bincang dengan Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga dengan Menteri Kewangan untuk menjalankan projek itu pada masa akan datang. Saya suka juga ikut pandangan Yang Berhormat, saya mahu Bangunan Parlimen ini bukan menjadi satu bangunan untuk 3 bulan satu kali kita ada satu mesyuarat, selepas itu kita lari, kita tidak ingat Parlimen dan datang 4 bulan selepas itu. Satu bangunan yang bila-bila satu masa pun kita nampak jadi satu kompleks yang memberi satu sejarah kepada parliamentary democracy di dalam tanahair kita.

Itu sahajalah, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya.

Tuan Lau Dak Kee: Fasal kuih belum dijawab.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa benda?

Tuan Lau Dak Kee: Itu kuih, hendak minta jawab.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Hendak minta jawab? (*Ketawa*)

Dato' S. Samy Vellu: Boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Mengenai kuih belum jawab lagi.

Dato' S. Samy Vellu: Tugas saya untuk memberi tempat-tempat dan penjualan kuih-kuih itu tidak termasuk dalam tugas Menteri Kerjaraya (*Ketawa*). Walau bagaimanapun, saya boleh jugalah membangkitkan perkara ini kepada Yang Berhormat Tuan Speaker sebagai Ketua kepada Parlimen ini yang mana Yang Berhormat Tuan Speaker boleh juga mengarahkan kepada penjual-penjual

barang di sini untuk mengadakan lebih barang untuk dimakan. Tetapi saya tidak boleh janji "pokodai" itu boleh dijual atau tidak, tetapi "dosai" boleh dan "vadai" pun boleh. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$16,500,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 55 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Kerjaraya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$16,500,000 untuk Maksud P. 55 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1987.

Maksud P. 56 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1987)-

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud P. 56 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk dibahas.

Tidak ada bahas, tidak ada jawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$4,485,500 yang disebutkan dalam Maksud P. 56 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,485,500 untuk Maksud P. 56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1987.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Fasal 1 hingga 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$206,892,290 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$2,200,000 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebetah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1987, untuk menampung sejumlah \$204,692,290 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas

Perintah 20 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$206,892,290

diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$2,200,000 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Pebelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1987, untuk menampung sejumlah \$204,692,290 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Pebelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Timbalan Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang

Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$206,892,290 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1966, untuk menampung sejumlah \$2,200,000 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1987, untuk menampung sejumlah \$204,692,290 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

**RANG UNDANG-UNDANG
JALAN-JALAN PERSEKUTUAN
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.00ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya

mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kerjaraya adalah bertanggungjawab sepenuhnya di dalam melaksanakan segala program pembinaan dan penyelenggaraan kerja-kerja, bangunan-bangunan, jalan-jalan, jambatan-jambatan dan lapangan-lapangan terbang Persekutuan seperti yang termaktub di bawah Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan iaitu No. (2) 1983 tentang fungsi-fungsi dan tanggungjawab Kementerian Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya pada masa ini sedang giat melaksanakan projek-projek jalan raya di seluruh negara. Projek-projek jalan raya tersebut dilaksanakan juga secara penswastan selain daripada projek-projek yang dibina sendiri oleh Kerajaan. Dalam hal ini Kerajaan telah mendapati bahawa Akta Jalan-jalan Persendirian) 1984 yang berkuatkuasa pada masa ini adalah tidak mencukupi dan terdapat kelemahan bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan projek jalan raya secara penswastan dengan lebih berkesan. Beberapa kekurangan dan kelemahan yang terdapat itu perlu diperbetulkan dengan meminda seksyen-seksyen yang berkaitan bagi membolehkan Menteri Kerjaraya melaksanakan rancangan penswastan dalam kawasan Wilayah Persekutuan selain daripada jalan-jalan Persekutuan yang sedia ada diisytiharkan di bawah Ordinan Jalan Persekutuan 1959.

Selain daripada iuu, Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta ini perlu juga dibuat bagi menambahkan satu seksyen baru iaitu seksyen 7 yang membolehkan Kerajaanewartakan

supaya pihak yang diberi kuasa melaksanakan projek penswastan itu diambil balik kuasanya oleh Kerajaan dan diserahkan, dengan izin, assign projek tersebut kepada pihak lain yang mempunyai kepentingan di dalam pelaksanaan dan pembiayaan projek tersebut. Perkara ini perlu disertakan di Rang Undang-undang ini bagi membolehkan institusi-institusi kewangan menjamin pembiayaan mereka dalam pelaksanaan projek penswastan jalan raya dan lebuh raya.

Seksyen 7 yang baru ini akan juga dapat menggalakkan penyertaan berbagai institusi-institusi sektor swasta yang lain di dalam melaksanakan projek-projek penswastan jalan raya dan lebuh raya yang akan datang.

Dengan itu, saya mencadangkan Rang Undang-undang Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1987 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa suatu Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pasir Mas.

6.08 plg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang iaitu Akta untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1984 yang bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk menswastakan pembinaan jalan, jambatan ataupun

feri yang berkaitan dengan pengangkutan di negara kita.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik beberapa perhatian Yang Berhormat Menteri bersabit dengan perkara urusan pembinaan jalan-jalan di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai dengan pembinaan tol-tol di sepanjang lebuh raya kita yang sedang giat dijalankan sekarang ini. Pertama saya ingin mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sudah berapakah syarikat-syarikat swasta yang telah diberi ataupun akan diberi menjalankan urusan tol-tol dan lebuh raya-lebuh raya yang ada sekarang ini.

Perkara yang kedua, saya ingin menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan corak pembinaan tol-tol ini. Saya kira sudah sampai waktunya bagi pihak Yang Berhormat Menteri menyedari supaya pembinaan tol-tol ini dibuat sepertimana yang pernah dibuat oleh setengah-setengah negara Barat.

Sememangnya agak cantik tol-tol kita ini dengan bumbung-bumbungnya, tetapi apakah tidak mungkin di kawasan-kawasan yang didapati tol ini diadakan satu tingkat di atas di mana dapat dibina kedai-kedai tempat penumpang-penumpang di waktu dalam perjalanan jauh boleh berhenti rehat dan di sebelah tol itu diadakan pula tempat permainan kanak-kanak di sebelah tol-tol yang dibina. Saya kira konsep ini boleh memberi erti kepada pengguna jalan raya di negara kita dan ianya boleh dijalankan secara swasta. Ianya amat menarik apabila kita lihat jenis-jenis tol ini dibina di luar negeri di setengah negara yang maju kerana ianya memberi keselesaan kepada para penumpang jalan raya. Sebab sekarang ini kita lihat di tempat-tempat tol ini ianya tidak memberi apa-apa

kemudahan selain daripada yang harus dibayar oleh kereta-kereta ataupun kenderaan-kenderaan yang lalu, malah apabila pemandu-pemandu hendak menggunakan kemudahan tandas pun tidak ada ataupun tidak mencukupi hentian sebelah bagi kereta-kereta. Maka sebab itulah kita lihat sudah mulai berlaku traffic jam, dengan izin, di tempat tol-tol yang saya maksudkan ini.

Perkara yang ketiga, saya lihat pula sekarang ini setiap lorong hendak masuk jajan raya sekarang ini semua dikelilingi oleh tol-tpl, seolah-olah hendak masuk Bandaraya kena bayar. Jadi, saya mencadangkan kalau boleh tempat tol ini dijauhkan sedikit dengan kota Bandaraya supaya ianya tidak memberi kesesakan Lalulintas. Ini penting kerana kita dapati juga pengalaman-pengalaman setengah negara, kawasan-kawasan yang dibuat tol itu tidak begitu berhampiran dengan kotaraya-kotaraya. Ianya agak berjauhan dan tidaklah terlalu dekat seperti yang saya maksudkan tadi. Ini juga akan mengeiakkan kesesakan Lalulintas dan ini ditambah pula lagi apabila kita lihat ada pula road block yang dibuat dekat dengan tol-tol. Jadi bertambah lagilah suasana di tempat pembayaran tol yang agak kelam-kabut di waktu-waktu tertentu—bukanlah saya maksudkan di sepanjang masa, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara ini saya kira penting sebab pengalaman-pengalaman lalu dalam kita membuat perancangan, sesudah kita buat, terpaksa kita korek, sesudah kita buat, terpaksa kita roboh, sesudah banyak wang negara kita belanjakan. Oleh sebab itulah saya percaya perancangan bagi membina jalan-jalan ataupun tol-tol yang dimaksudkan ini haruslah dibuat dengan secara terperinci, dengan secara yang teliti supaya negara kita tidak lagi menghabiskan ataupun perlu menanggung kos-kos yang tidak perlu sepertimana yang pernah kita alami dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya yang saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri ialah mengenai dengan maintenance, dengan izin, jalan-jalan ini. Saya ingin tahu sepanjang tahun 1987 dan juga sepanjang tahun 1986 berapakah jumlah syarikat-syarikat kontraktor bumiputera yang telah diberi peluang untuk mendapat projek road maintenance ini secara yang terperinci dari segi peratusnya, dari segi jumlah yang telah diberi sebab projek-projek seperti ini kita dapati boleh menampung keperluan kontraktor-kontraktor bumiputera yang masih lagi kais pagi makan pagi. Sebab kita tahu di sinilah banyaknya terdapat peluang-peluang perniagaan yang harus diberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera yang masih lagi ketinggalan.

Saya sendiri mendengar rungutan-rungutan dari setengah-setengah kontraktor yang belum lagi diberi peluang walaupun kita tidak nafi ada kontraktor-kontraktor diberi peluang setengah-setengahnya, tetapi secara menyeluruh apakah pembahagian kerja-kerja ini dibuat dengan secara adil, dengan secara yang diberi kesempatan kepada kontraktor-kontraktor yang mungkin tidak mempunyai sokongan-sokongan yang kuat tetapi mereka ada genuine contractor. Mereka adalah usahawan-usahawan bumiputera yang perlu diberi sokongan yang sepenuhnya kerana dengan pindaan Akta ini bukan sahaja ianya akan memberi peluang yang banyak kepada kontraktor-kontraktor nanti, tetapi juga ianya mempunyai kaitan dan implikasi yang besar kepada kewangan negara.

Maka sebab itulah dalam soal memberi kuasa kepada Menteri mengikut undang-undang ini, kita berharap ianya tidak disalahgunakan, sebagaimana yang kita yakin ianya tidak akan berlaku, tetapi kita harus ingat pengalaman-pengalaman ataupun rungutan-rungutan yang

dibangkit, ada di kalangan-kalangan pihak tertentu merasakan bahawasanya selama ini ada setengah-setengah pihak tidak diberi kesempatan yang secukupnya untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja di bawah Jabatan Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang, hanya sekadar menyampaikan dua, tiga perkara yang saya kira pokok bagi pertimbangan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

6.17ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini akan memberi kuasa kepada Menteri supaya memberi kuasa kepada pihak swasta untuk mengutip bayaran-bayaran tol jalan-jalan atau jambatan-jambatan atau feri-feri.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin pada mulanya Kerajaan akan menghadkan kadar bayaran tol jalan-jalan, feri-feri atau jambatan-jambatan, tetapi mungkin lama-kelamaan pihak swasta akan menaikkan kadar-kadar bayaran—mungkin. Oleh itu, saya bercadang supaya Kerajaan lebih mengambil kepentingan rakyat jelata dan bukan mengambil kepentingan untuk pihak swasta supaya dalam satu tempoh masa, misalnya dalam lima tahun atau sepuluh tahun, mereka tidak boleh menaikkan kadar-kadar bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya ingin membangkitkan di sini lagi iaitu pada bulan Mac atau April tahun ini Yang Berhormat Menteri telah berjanji bahawa bayaran tol Jambatan Pulau Pinang diturunkan pada 1hb Mei, tetapi hingga hari ini telah 1hb

Julai bayaran itu belum lagi diturunkan. Mengapa Kerajaan membuat begitu. Kalau tak boleh turun, saya berharap Menteri lain kali tak usah mengumumkan lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya ingin membangkitkan di sini iaitu mengenai bayaran tol Jambatan Pulau Pinang juga. Pada masa dahulu setiap kereta kalau hendak lalu jambatan itu boleh membeli kupon bayaran tol. Satu buku kupon itu mempunyai 50 keping tiket dan tiket itu boleh digunakan oleh mana-mana kereta juga, tetapi baru-baru ini telah dihadkan, satu buku kupon hanya boleh dicap dengan dua nombor kereta sahaja. Mungkin di Pulau Pinang ada satu keluarga yang besar iaitu mereka mempunyai lebih daripada dua buah kereta. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang supaya kupon-kupon ini boleh dicapkan sekurang-kurangnya dengan nombor empat buah kereta. Jikalau tidak boleh begitu, saya pun bercadang supaya kupon itu boleh dilanjutkan kegunaan masanya iaitu pada sekarang ialah 3 bulan tetapi saya bercadang supaya dipanjangkan kepada 6 bulan. Sekian.

6.19ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 yang dibentangkan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan seksyen baru ini iaitu seksyen 7 ke dalam Akta ini akan memberi peluang perniagaan kepada lebih banyak usahawan-usahawan di negara kita selaras dengan dasar "free enterprise" di dalam sistem ekonomi kita. Ini akan mengatasi amalan-amalan monopoli yang kita nampak mungkin terjadi apabila keseluruhan pembinaan Lebuhraya Utara/Selatan yang diberi kepada satu syarikat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Lebuhraya Utara/Selatan yang saya fikir menyebabkan mengapa pindaan Akta ini di bawa ke Parlimen, semestinya membuka pandangan baru kepada kita semua, khususnya mengenai perancangan dan pelaksanaan infrastruktur di negara kita ini.

Pandangan baru ini meliputi dua perkara, Pertama, sesuatu lebuhraya hendaklah merupakan alat yang meluaskan perbatasan pembangunan ekonomi negara yang merangkumi semua sektor. Yang kedua, proses pembinaan lebuhraya itu hendaklah dengan sendirinya menjadi satu sub-sector atau sektor kecil yang memberi, dengan izin, spin off effects atau manfaat ekonomi yang maksima kepada rakyat negara ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi peranan lebuhraya sebagai alat yang menolak luas perbatasan ekonomi yang berkesan, Lebuhraya Utara/Selatan mestilah dikaitkan dengan jaringan-jaringan jalanraya yang sedia ada secara berkesan, khususnya dengan jaringan-jaringan yang menghubungi dengan wilayah-wilayah yang mengeluarkan sumber-sumber utama. Dengan wujudnya hubungan ini, satu saluran sumber yang cekap kepada koridor-koridor pembangunan dan pertumbuhan industri yang dirancang oleh pelan induk perindustrian negara akan menjadi satu realiti. Justeru itu kos pengeluaran barangan siap negara akan berkurangan dan pantas dapat bertanding dengan barangan yang sama dari negara lain di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini, bukanlah semata-mata hendak membentangkan secebis teori p'embangunan ekonomi yang semua orang telahpun mengetahui, tetapi apa yang saya hendak tegaskan di sini ialah jikalau secebis teori yang saya sebutkan tadi diambil berat, kemungkinan besar

masalah yang dihadapi oleh Lebuhraya Timur/Barat selama ini tidak akan timbul.

Masalah ini ialah masalah Lebuhraya Timur/Barat tidak dibina dengan mengambil kira satu faktor yang penting. Faktor ini ialah fungsi lebuhraya ini sebagai saluran sumber balak dan sumber-sumber yang lain yang di bawa dari kawasan sumber di Kelantan, Ulu Perak dan lain-lain kawasan di sekelilingnya ke pusat industri Penang dan Seberang Prai.

Kalau ini diambil kira, tidak mungkin kerosakan berlaku terlalu awal selepas pembinaannya. Lori balak, lori besi, lori gula, lori beras dan lain-lain kenderaan berat tentu sekali melanyak-ranapkan di dalam sekelip mata sahaja jalan yang hanya dibina untuk perhubungan manusia di antara Kelantan, Terengganu dan negeri-negeri di barat daya Semenanjung.

Kalau inilah dijadikan sebagai asas perancangan awal Lebuhraya Timur/Barat, maka justifikasi ekonominya tidak begitu kuat kerana orang-orang di kedua-dua wilayah ini sudahpun berhubung melalui Selatan Siam iaitu melalui Golok ke Padang Besar ataupun ke Bukit Kayu Hitam. Kos memperbaiki Lebuhraya Timur/Barat ini mungkin menjadikan jumlah keseluruhan kos pembinaannya berada lebih tinggi daripada kos yang mengambilkira faktor penggunaan lebuhraya ini sebagai saluran balak dan lain-lain sumber berat.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan kesitapan dalam perancangan Lebuhraya Timur/Barat itu patut diambil iktibar sebagai panduan untuk perancangan pembinaan jalan-jalan Persekutuan dan seterusnya lebuhraya. Dengan itu barulah peranan lebuhraya itu atau lain-lain jalan Persekutuan sebagai pembuka ruang ekonomi yang lebih luas menjadi lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai proses pembinaan lebuh raya sebagai satu alat pencetus, dengan izin, spin-off effects, saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini, sudah sampai masanya kita mula melihat kepada apa yang kita ada di dalam negara ini. Saya tidak membantah jika usaha Kerajaan memanggil kontraktor luar negeri dengan bertujuan untuk mendapatkan sumber financing yang di bawa bersama-sama oleh kontraktor-kontraktor itu, tetapi saya membantah andainya mereka ini di bawa semata-mata untuk apa yang dikatakan supaya berlaku, dengan izin, transfer of technology.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah jurutera-jurutera kita masih lagi berkurangan dari segi kebolehan mereka mengawasi dan menggunakan teknologi-teknologi baru di dalam bidang kejuruteraan awam? Saya fikir tentu sekali tidak. Lebih-lebih lagi selepas mereka berganding bahu dengan jumtera-jurutera dari timur jauh di dalam dekad 'Pandang ke Timur' di mana banyak projek berteknologi tinggi ditawarkan kepada syarikat-syarikat pembinaan dari Jepun, Korea dan Taiwan.

Pada masa ini beribu orang jurutera kita yang berkelulusan tinggi dan berpengalaman sedang menganggur. Apakah pembinaan Lebuh raya Utara/Selatan akan memberi peluang yang luas untuk mereka itu dan adakah perlu diberi kerja-kerja sub-contract kepada syarikat asing kalau hanya untuk mendapatkan teknologi-teknologi mereka? Kita sedia maklum bahawa syarikat-syarikat asing khususnya dari Timur Jauh ini akan memberi, dengan izin, economic spin off effects yang minima kepada ekonomi kita selain daripada financing. Mengapa tidak? Sampaikan 'chopstick' atau pencolek gigi pun untuk kegunaan mereka diimport dari negara asal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini menyeru kepada Kerajaan supaya mengadakan satu rancangan yang rapi untuk menggunakan sepenuh-penuhnya dan dengan berkesan sekali sumber manusia terlatih khususnya di bidang teknologi yang sedia ada kepada kita. Langkah mula ialah melalui pembinaan Lebuh raya Utara/Selatan ini untuk mendapatkan spin-off effects yang meluas. Kerja-kerja sub-contract mesti diberi kepada syarikat-syarikat tempatan yang juga akan menjadi penyerap tenaga mahir dan terlatih di bidang kejuruteraan awam di negara ini. Dengan cara-cara yang saya sebutkan tadi akan kuranglah kebocoran kekayaan kita ke luar negeri khususnya ke Timur Jauh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai memandang ke hadapan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah selepas selesainya pembinaan Lebuh raya Utara/Selatan dalam masa 4 tahun lagi Malaysia akan berkebolehan mengutarakan syarikat-syarikat pembinaannya sendiri yang setaraf dengan syarikat-syarikat pembinaan Korea iaitu Hyundai dan syarikat pembinaan Taiwan iaitu 'Ret-Ser' yang boleh menjadi pembawa wang luar negeri yang banyak melalui kerja-kerja pembinaan di luar Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembahagian atau categorisation jalan-jalan raya ke taraf jalan Persekutuan, saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri agar pihak beliau mengambil perhatian terhadap negeri-negeri miskin di negara kita seperti negeri Kedah dan negeri Kelantan. Kedua-dua buah negeri ini tidak mendapat sumbangan tahunan yang cukup dari Kerajaan Persekutuan seperti mana yang dikehendaki di dalam Perlembagaan Negara mengenai pembahagian hasil negara ke negeri-negeri. Ini ialah kerana kedua-dua negeri ini tidak mempunyai bilangan penduduk yang

banyak dan kedua-dua negeri ini tidak mempunyai jalan-jalanraya Persekutuan yang panjang dan, ketiga, negeri-negeri ini tidak mempunyai banyak sumber-sumber ekonomi yang boleh dieksport seperti kelapa sawit dan getah. Di antara tiga faktor yang saya sebutkan tadi, faktor ketiadaan jalan-jalanraya Persekutuan yang banyak menjadi faktor utama jika kita lihat daripada sudut pembangunan ekonomi, yang menyebabkan kemiskinan kedua-dua negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan Akta berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli yang Berhormat dari Tanjong.

6.28 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang mustahak dengan Rang undang-undang yang akan diikuti oleh kerana untuk membolehkan Kerajaan membina secara penswastaan Lebuhraya Utara/Selatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan Usut.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Nor): Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) saya mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat iri ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PUSAT-PUSAT SNOOKER

6.30 *ptg.*

Tuan S.S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sekolah di kawasan Wilayah Persekutuan di mana beberapa orang murid-murid setelah memberi nama sebagai seorang yang hadir ke sekolah-sekolah pada pagi-pagi, telah ponteng keluar daripada sekolah tersebut dan terus masuk ke Pusat-pusat Snooker yang berada berhampiran dengan sekolah-sekolah itu.

Murid-murid ini telah mewujudkan suatu masalah besar kepada ibubapa mereka serta masyarakat dan negara kita. Walaupun baru-baru ini mereka hanya keluar daripada sekolahnya dan mempelajari sedikit sebanyak cara-cara berkaitan dengan sistem perjudian, pada pendapat saya masalah ini telah menjadi satu masalah asas untuk mewujudkan orang-orang warganegara yang tidak bertanggungjawab dan boleh menimbulkan masalah-masalah yang lebih serius seperti pencurian, pencerobohan, pencolekan dan "gangsterism" dengan izin, dalam masyarakat kita pada zaman yang akan datang.

Dalarn dua atau tiga tahun yang lampau di Wilayah Persekutuan dan negeri Selangor Darul Ehsan telah wujud beberapa Pusat-pusat Snooker dengan modal yang begitu berbeza. Ada Pusat-pusat Snooker dengan bermodal \$1/2 juta ke atas dan juga ada beberapa pusat-pusat lain dengan

bermodal tidak melebihi \$20,000 atau \$30,000. Ada yang diletakkan di tempat-tempat mewah dan juga lain-lain yang berada di kedai-kedai yang tidak begitu dihormati. Disemua Pusat-pusat Snooker tersebut sebahagian besar pengguna-pengguna ialah pemuda-pemuda yang berumur daripada 15 tahun ke 20 tahun.

Walaupun semua Pusat-pusat Snooker telah menghadkan umur pengguna-pengguna ke atas 18 tahun, tetapi saya dapati ada sebahagian besar murid-murid yang berumur dari 14 tahun ke 18 tahun yang dapat memasuki di tempat-tempat tersebut oleh kerana sistem kawalan di atas had umur tersebut tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

Saya dapati ada juga suatu sistem untuk menarik pemuda-pemuda kepada Pusat-pusat Snooker di bawah mana agen-agen ataupun dipanggil dalam bahasa Inggeris sebagai "bouncer" yang digunakan oleh Pusat-pusat Snooker bagi memberi insentif melalui sistem kekalahan wang kepada murid-murid tersebut dan apabila pemuda-pemuda itu sedar ada melalui satu sistem begitu mudah untuk memenangi wang dengan Snooker, mereka akan ditarik kepada permainan-permainan dengan wang pertaruhan yang besar. Disini mereka dapat ditangkap ataupun di "trap" dengan izin, dengan kekalahan besar dan pemuda-pemuda tersebut akan dipaksa untuk mencuri daripada ibubapa ataupun kawan-kawan mereka untuk menyelesaikan wang kekalahan dengan "bouncer" tersebut.

Masalah perjudian oleh pemuda-pemuda telah menjadi suatu masalah serius dan boleh mengancam masyarakat kita pada masa akan datang, jika pihak Kementerian berkenaan tidak mengambil tindakan tegas untuk menjaga aktiviti Pusat-pusat Snooker tersebut dari minat pemuda-pemuda kita.

Saya menyedari Pusat-pusat Snooker juga sedang memberi pekerjaan dan peluang perniagaan kepada masyarakat kita. Tetapi peluang perniagaan tersebut harus diselaraskan dengan hasrat dan cita-cita masyarakat kita, dan saya boleh katakan di sini, Pusat Snooker yang berada di negara kita pada masa ini, dengan sistem yang digunakan pada masa ini akan mengancam moral pemuda kita dan mewujudkan beberapa masalah baru yang tidak boleh diingini kepada masyarakat dan negara kita pada zaman akan datang.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian berkenaan untuk mengambil langkah-langkah seperti di bawah untuk menjaga dan menyelenggarakan aktiviti Pusat-pusat Snooker di negara kita:

- (i) semua Pusat-pusat Snooker dengan bermodal dibayar kurang daripada \$500,000 harus diharamkan oleh kerana ada beberapa peniaga-peniaga yang telah mewujudkan Pusat-pusat Snooker dengan tujuan hanya untuk mencari untung secepat mungkin, tanpa mengambil kira apakah hakikat-hakikat aktiviti mereka kepada masyarakat kita;
- (ii) saya ingin mencadangkan hanya orang dewasa berumur melebihi 21 tahun boleh dapat masuk ke Pusat-pusat Snooker untuk mengambil bahagian di dalam permainan-permainan tersebut. Sepertimana kita telah ketahui fikiran pemuda-pemuda di bawah 21 tahun, masih boleh dipinda dengan begitu mudahnya ke arah dadah dan lain-lain aktiviti, jika satu sistem perjudian diajar kepada mereka pada setakat itu. Selain daripada ini, fikiran mereka juga akan diancam dengan satu sistem yang mana mereka boleh

memenangi wang dengan begitu mudahnya dan mereka tidak akan memberi perhatian kepada pelajaran dan kerja-kerja menghendaki tenaga manusia untuk mendapat hasil;

- (iii) suatu sistem untuk menjaga dengan sepenuh-penuhnya pemuda-pemudi di bawah 21 tahun tidak dapat mengambil bahagian di dalam Pusat-pusat Snooker harus diwujudkan. Saya dapati pada masa kini tidak ada satu sistem tertentu dan kajian ini sedang dibuat hanya melalui pemeriksaan Kad Pengenalan oleh Pusat-pusat Snooker sendiri. Saya ingm mencadangkan satu sistem keahlian ataupun 'Membership', dengan izin, sekurang-kurangnya bagi satu minggu dan di bawah mana keahlian kepada pemuda-pemudi harus diluluskan hanya dengan kebenaran dari ibubapanya. Disamping itu juga, pihak polis dan juga pihak Bandaraya harus memeriksa semua Pusat-pusat Snooker setiap hari, sepertimana yang dilakukan dengan pemeriksaan kereta-kereta yang diletak di tempat-tempat letak kereta;
- (iv) saya dapati juga, kita tidak ada satu sistem denda di atas kesalahan-kesalahan dan ketonggaran yang dilakukan di Pusat-pusat Snooker tersebut. Saya mohon kepada Dewan Bandaraya untuk mengadakan satu sistem denda di bawah mana sesiapa yang membuat kesalahan lebih daripada satu kali, lesen mereka dapat ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian berkenaan dan semua agensi-agensi berkaitan dengan perniagaan Pusat-pusat Snooker mengambilkira secepat mungkin

cadangan-cadangan yang saya telah buat baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.38 *ptg.*

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Hulu Selangor yang telah mengambil minat yang tinggi terhadap masalah Snooker ini, dan suka saya pergi terus kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu.

Dan segi kawalan, cadangan menghadkan modal berbayar bagi Pusat-pusat Snooker kepada \$1/2 juta adalah dialu-alukan. Jika ditukarkan modal berkenaan kepada jumlah meja ialah sebanyak 30 buah meja, disamping itu premisnya dilengkapi dengan hawa dingin, alat komputer bagi mengawal kegunaan meja oleh pelanggan-pelanggan serta keahlian, kawalan keselamatan dan keadaan keselesaan termasuk perhiasan.

Tuan Yang di-Pertua mengikut statistik yang terdapat sejumlah 162 Pusat Snooker di Kuala Lumpur ini dan hanya dari jumlah tersebut terdapat 18 buah sahaja yang melebihi 30 meja seperti yang saya sebut tadi.

Mengikut pengalaman Jabatan yang sering menimbulkan masalah dan melanggar syarat-syarat perlesenan iaitu Pusat-pusat Snooker yang kecil dan yang kurang daripada 10 buah meja ataupun daripada modal kurang daripada \$1/2 juta tadi. Pusat-pusat Snooker ini pengurusannya tidaklah baik dan sering melanggar syarat-syarat perlesenan seperti membenarkan kanak-kanak sekolah

memasuki premis mereka, kerana tidak ada pengawalan keselamatan yang ketat, mengadakan aktiviti-aktiviti hiburan yang lain seperti mechneclipper dan mechme video untuk mendapatkan wang tambahan, masa perniagaan tanpa kebenaran dan sebagainya, dan atas dasar ini kita telah memberhentikan lebih kurang 14 buah Pusat Snooker. Oleh itu, dari segi kawalan cadangan Yang Berhormat dari Hulu Selangor untuk menghadkan modal berbayar kepada lebih daripada \$1/2 juta adalah sangat praktikal dan munasabah.

Cadangan menghadkan umur kepada 21 tahun ke atas sahaja untuk memasuki pusat-pusat snooker adalah baik. Pada masa ini had umur yang ditetapkan adalah 18 tahun. Adalah dicadangkan supaya had umur 21 tahun ini tidak dikhususkan terbatas kepada pusat-pusat snooker sahaja tetapi juga lebih baik kepada tempat-tempat hiburan yang lain yang diletak di bawah Akta Hiburan, seperti kelab malam dan sebagainya. Dewan Bandaraya sedang mengkaji perkara ini dari beberapa segi dan jika didapati sesuai dan dapat menghalang kegiatan-kegiatan buruk yang pernah dilakukan oleh mereka yang di bawah umur 18 tahun ini, maka cadangan ini akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kebanyakan pusat-pusat snooker yang mempunyai meja lebih daripada 10 buah memang melaksanakan sistem keahlian, seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor. Sistem ini memanglah baik dilaksanakan kerana kemasukan orang ramai dapat dikawal, terutama sekali bagi mereka yang berumur di bawah 18 tahun.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya memang menggalakkan pusat-pusat snooker melaksanakan sistem keahlian ini dan pada masa hadapan mungkin pentadbiran mengenakan

sistem ini sebagai salah satu syarat meluluskan lesen pusat snooker. Tindakan-tindakan juga, iaitu tindakan memeriksa atau "spot check" sentiasa dijalankan oleh Dewan Bandaraya, sementara pihak Polis terus menjalankan pemeriksaan dan serbuan dibuat dari masa ke semasa ke atas pusat-pusat snooker yang menjalankan kegiatan menyalahi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Dewan Bandaraya sentiasa mengawasi pusat snooker dan mana-mana pusat snooker yang melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan, maka beberapa peringkat denda dikenakan mengikut kesalahan-kesalahan yang dilakukan dan denda-denda ini dapatlah dikemukakan sebagai berikut:

- (i) pengusaha pusat-pusat snooker dipanggil untuk disoalsiasat dan jika disabit kesalahannya, maka diberi amaran bertulis;
- (ii) mengenakan tindakan kompaun dan seterusnya membatalkan lesen hiburan itu;
- (iii) jika masih melanggar undang-undang, maka dirampas wang cagaran di antara \$1,000 hingga \$5,000 mengikut bilangan meja;
- (iv) merampas alat-alat, termasuk meja-meja dan "cue";
- (v) menutup pusat-pusat snooker tersebut; dan
- (vi) mendakwa pengusaha pusat-pusat snooker tersebut di mahkamah.

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya sambung sedikit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak boleh.

Tuan S. S. Subramaniam: Saya hanya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. (*Ketawa*)

ORKESTRA SIMFONI MUDA

6.44 ptg.

Dr Eng Seng Chaj (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah boleh dinafikan muzik adalah satu batu asas kebudayaan dan di Malaysia pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan sewajarnya memelihara unsur-unsur muzik semua kaum dan bangsa negara. Bagi tujuan memperluaskan permainan muzik Kebangsaan perlulah penubuhan satu Orkestra Simfoni Negara yang akanutamakan muzik-muzik asal Malaysia.

Pihak DAP berpuas hati dengan usaha-usaha menubuhkan satu Orkestra Simfoni Negara sejak tahun 1980, tetapi setakat hari ini tidaklah dapat hasil lagi. Tetapi pada tahun 1980 juga pihak-pihak tertentu dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bergiat juga menubuhkan satu Orkestra Simfoni Muda terdiri daripada 60 orang pemuda-pemudi, kebanyakan mereka budak Melayu sahaja. Kumputan ini di bawah kawalan Encik Abdul Fatah Abdul Karim yang juga berjawatan Pengarah Muzik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sejak tahun 1980 Orkestra Simfoni Muda ini hanya berlatih lebih kurang 15 lagu-lagu Melayu sahaja. Sesi-sesi latihan tidak tentu dan selalunya kelam-kabut. Alat-alat muzik berharga beribu-ribu ringgit setiap satu dibeli tidak mengambilkira kesesuaiannya. Jurulatih-jurulatih dilantik mengikut pendapat Pengarah Muzik sahaja.

Setakat hari ini gagal juga menubuhkan Orkestra Simfoni Muda sebagai pengganti Orkestra Negara.

Apakah sebab-sebabnya penubuhan Orkestra Simfoni Muda ini tidak berjaya selepas 6 tahun lebih? Sebab, Pengarah Muzik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Encik Abdul Fatah Abdul Karim menyalahgunakan kuasa-kuasanya dan lebih mementingkan diri sendiri sahaja. Sesi-sesi latihan mengikut sukanya. Perlantikan jurulatih mengikut pendapatnya. Pembelian alat-alat muzik berharga beribu-ribu ringgit setiapnya dibuat sahaja melalui kontrak dengan syarikat anaknya bernama Abdullah Sani Abdul Karim dan harga-harga yang dikenakan melebihi harga pasaran. Alat-alat muzik mahal ini tidak boleh digunakan di tempat-tempat lain, tetapi 3 orang anak Abdul Fatah bernama Nornita, Noraini dan Saidi yang juga ahli Orkestra Simfoni Muda mengeluarkan dengan sengaja alat-alat mahal sebagai harta sendiri. Noraini dan Saidi membawa beberapa alat-alat muzik setiapnya \$5,000 sehingga \$6,000 keluar ke negara Jerman Barat. Mereka diberikan juga biasiswa muzik oleh Kementerian belajar di Jerman Barat walaupun adalah lain-lain ahli yang lebih layak mendapat biasiswa ini. Juga terdapatlah alat-alat muzik sebagai oboe dan bassoon yang sangat mahal, sekarang tidak pun digunakan sebab walaupun ada pemohon yang bukan berbangsa Melayu Abdul Patah Abdul Karim tidak membenarkan mereka menggunakan alat-alat ini.

Sikap dan amalan sebegini, Encik Abdul Fatah Abdul Karim, Pengarah Muzik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengakibatkan kegagalan Orkestra Simfoni Muda setakat hari ini sebab ahli-ahli dan jurulatih-jurulatih tidak berpuas hati dan tidak boleh mereka berjaya bermain muzik mereka. Setakat masa ini bilangan lagu-lagu Melayu belum bertambah lebih, dan juga lagu-lagu

belum dipelbagaikan dengan lagu lain-lain kaum. Tindakan-tindakan mementingkan diri sendiri dan juga kegiatan-kegiatan berbau pilih kasih dan rasuah tidak akan menggalakkan sesiapa pun, akhirnya rugi dan hilanglah beratus-ratus ribu ringgit wang rakyat, dan juga maruah negara direndahkan dengan kegagalan menubuhkan Orkestra Simfoni Muda ini.

Semua tuduhan saya perlukan penyiasatan dalam dan teliti dan jika dijemput, saya akan memberi kerjasama. Yang lagi lebih penting sekali, pihak Kementerian sewajarnya menentukan adakah cukup minat dan semangat untuk menubuhkan satu Orkestra Negara atau Orkestra Simfoni Muda. Jika ada Menteri berkenaan berpatutan, tubuhkan satu Jawatankuasa Petugas yang mengendalikan tugas ini dan bukan serahkan hal ini kepada seorang sahaja di mana terdapat tahu sekarang dia tidak bertindak dengan ikhlas.

Contoh penyelewengan ini bukan sahaja kita dapati di Orkestra Simfoni Muda, setiap Yang Berhormat di sini sedar juga adalah banyak lagi pegawai pentadbiran Kerajaan yang beramalkan sikap sebegini di mana dasar dan peraturan pelaksanaan projek atau cadangan atau dasar Kerajaan diimplementasikan mengikut pendapat dan suka peribadi dan perseorangan sahaja, bertentangan dengan kejujuran, keadilan dan perpaduan kaum.

Diharap bukan sahaja Menteri Kebudayaan dan Pelancongan baru akan memberi penjelasan dan jawapan yang tepat dan bermakna, tetapi juga lain-lain Menteri akan mengambil perhatian bahawa pegawai-pegawai masing-masing tidak bersikap dan bertindak sebagai Encik Abdul Fatah Abdul Karim juga. Diharap juga Yang Berhormat Menteri baru akan memberitahu bilakah kita akan berjaya

menubuhkan Orkestra Negara atau Orkestra Simfoni Muda dan bilakah kita boleh menikmati muzik-muziknya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri jaminkan penubuhan Orkestra ini akan terdiri daripada orang semua kaum dan bolehkah jaminkan juga muzik-muziknya akan memeluk dan mengamalkan unsur-unsur muzik semua kaum juga? Pembentukan muzik kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan sewajarnya mencerminkan hasrat dan cita-cita semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum iaitu Cina, India, Melayu, Iban, Dayak dan lain-lain juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud); Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membawa perkara irri di dalam Ucapan Penangguhan. Sebelum saya cuba memberi beberapa jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memberi sedikit latar belakang kepada perkara yang menjadi bahan Ucapan Penangguhan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita maklum bahawa Program Pembangunan Muzik Malaysia telah dirancang berasaskan kepada seruan dan keputusan yang telah dibuat dalam Kongress Kebudayaan Kebangsaan tahun 1971 yang menyeru supaya Orkestra Simfoni yang ditubuh sebagai satu daripada batu asas kebudayaan kebangsaan dan satu daripada alat perpaduan negara. Benkutkanya, di kala Bahagian Kebudayaan diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, satu keputusan telah dibuat untuk mengambil tindakan-tindakan wajar ke arah pertubuhan Orkestra

Simfoni Kebangsaan. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa projek muzik jangka panjang telah dirancang untuk dilaksanakan. Di antara projek-projek ini ialah projek Pendidikan Muzik Kanak-kanak, projek Kem Muzik Peringkat Negeri atau Kebangsaan dan juga penubuhan Orkestra Simfoni Muda, dalam usaha mencungkil bakat bagi menganggotai Orkestra Simfoni Kebangsaan kelak.

Kementerian menghantar wakil-wakil menyertai kegiatan ASEAN Youth Music Workshop peringkat antarabangsa selain daripada mengelolakan lawatan, persembahan dan bengkel oleh artists atau pakar muzik dari luar negeri dan projek-projek jangka panjang juga perlu dikekalkan untuk melahirkan tenaga pelapis kerana sehingga kini masih lagi belum wujud Pusat Pengajian Tinggi Muzik di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, program Pendidikan Muzik Negara kelolaan Kementerian bermula sejak tahun 1974. Hasil daripada kegiatan pendidikan muzik kanak-kanak, Kerajaan telah berjaya melaksanakan projek-projek Kem Muzik Kebangsaan dan penubuhan orkestra. Di kala program Pendidikan Muzik Kerajaan berjalan dengan pesat, permintaan persembahan Orkestra Simfoni Kem bertambah baik di kalangan orang-orang kenamaan juga yayasan-yayasan dan majlis-majlis perayaan rasmi Kerajaan, termasuk juga keperluan umum tempatan. Sesuai dengan matlamat untuk menubuhkan Orkestra Simfoni Kebangsaan, Kerajaan telah memutuskan terlebih dahulu menubuhkan sebuah Orkestra Amatur yang terdiri daripada anggota sambilan digelar Orkestra Simfoni Muda (OSM) iaitu sebuah Orkestra Simfoni Amatur yang dianggotai oleh pemain-pemain muzik yang belum mantap kemahiran mereka untuk diasuh ke arah menjadi ahli orkestra yang lebih mahir.

Tuan Yang di-Pertua, objektif OSM atau Orkestra Simfoni Muda ini ialah:

- (1) untuk melatih pemain-pemain muzik muda menjadi pemain muzik orkestra yang berkebolehan bakal menjadi anggota Orkestra Simfoni Kebangsaan;
- (2) mengadakan peluang kepada pemuzik amatur yang berminat untuk berkecimpung meningkatkan kemahiran mereka dan mendapat pengalaman dalam kegiatan muzik orkestra;
- (3) menyediakan orkestra kepada projek-projek pendidikan muzik kanak-kanak; dan
- (4) membantu projek-projek Kerajaan untuk memerlukan muzik orkestra.

Itu di antara empat tujuan-tujuan OSM ini.

Penubuhan Orkestra Simfoni Muda dirasmikan dalam bulan April, 1982 dengan dianggotai oleh 62 orang pemuzik yang terdiri daripada pelajar muzik dan pemuzik amatur berbagai kaum bergiat secara sukarela. Persembahan pelancarannya telah dilakukan pada 4hb Mac, 1983 di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan dalam tahun berikutnya diikuti dengan persembahan ulangtahun pertama pada 2hb Mac, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, segala pendapatan daripada jualan tiket dan derma telah dimasukkan dalam akaun Amanah Kebudayaan bagi Endowment Fund Orkestra Simfoni Kebangsaan. Orkestra Simfoni Muda dianggotai oleh pelajar-pelajar muzik yang berbakat dan pemuzik amatur seperti saya katakan tadi, sama ada lelaki ataupun perempuan daripada semua kaum dari persekitaran Ibu Kota Kuala Lumpur ini. Mereka dibayar saguhati bagi tiap-tiap latihan dan persembahan. Pelajar-pelajar

muzik yang dipilih menganggotai OSM, Orkestra Simfoni Muda ini adalah daripada projek pusat muzik muda Kementerian, pelajar muzik di sekolah muzik swasta atau murid-murid daripada guru-guru muzik persendirian,

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan peningkatan kemahiran bermain, OSM dibimbing oleh pemimpin dan jurulatih yang berpengalaman. Jurulatih OSM adalah terdiri daripada pegawai seni muzik Kementerian. Beberapa orang ahli muzik profesional dilantik untuk berkhidmat secara sambilan bagi membantu melatih anggota OSM dalam bidang masing-masing. Jurulatih sambilan dibayar etahun mengikut kadar yang telah ditentukan oleh Perbendaharaan. Mereka melatih anggota OSM mengikut kaedah-kaedah secara individu atau secara orkestra atau muzik kamar. OSM dipimpin oleh seorang pegawai kanan muzik yang berkelayakan di bidang muzik selaku konduktornya semasa latihan atau persembahan. Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah sampai.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tidak payah jawab?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah tujuh minit setengah. Saya benarkan sedikit lagi.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Benarkan sedikit masa lagi? Saya baca cepat sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Alatan muzik yang asas bagi Orkestra Simfoni disediakan oleh Kerajaan. Di antaranya adalah seperti timpani, double bass dan beberapa alat tiupan yang tidak terupaya disediakan oleh anggota OSM. Alat seperti violin, clarinet, trumpet dan lain-lainnya disediakan oleh

anggotanya sendiri. OSM menjalankan latihannya di Kompleks Budaya Negara, Kuala Lumpur sejak ia mula ditubuhkan. Latihan diadakan tiap-tiap hari Sabtu dan Rabu dan tiap-tiap sesi kira-kira dua tiga jam.

Tuan Yang di-Pertua, OSM tidak mengambil masa yang lama untuk memperkenalkan diri kerana ianya mencapai mutu permainan ke satu tahap yang tinggi dan berupaya memainkan lagu-lagu klasik barat yang sukar dikuasai oleh orkestra amatur, tidak seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. OSM sebagai sebuah orkestra amatur yang dianggotai oleh pelajar muzik dan muzik amatur secara sambilan sentiasa terdedah kepada risiko kehilangan keahlian.

Mulai daripada bulan April, 1986, sepuluh orang daripada anggotanya telah berjaya melanjutkan pelajarannya sama ada di luar negeri di atas biasiswa atau perbelanjaan sendiri. Jadi terpaksa dipilih pula ahii-ahli baru. Selain daripada itu, separuh daripada bilangan asalnya terdiri daripada pelajar muzik baru dan mereka ini memerlukan masa untuk dilatih bagi mencapai ke tahap yang sepatutnya. Sungguhpun demikian OSM sentiasa berupaya untuk membuat persembahan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang saya ada di sini, keanggotaan OSM kini ialah sebanyak 75 orang yang terdiri daripada 42 bumiputera, 23 keturunan Cina, 3 keturunan India dan 7 lain-lain keturunan dan mereka juga seperti yang saya difahamkan, berupaya memainkan muzik-muzik klasik barat.

Tuan Yang di-Pertua, OSM akan cuba mencari ahli-ahli baru ini dan apabila mereka mahir nanti, berharapanlah kita supaya mendapatkan ahli-ahli untuk menjadi anggota kepada Orkestra Simfoni Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih juga kepada Yang Berhormat kerana telah menimbulkan beberapa perkara yang saya catit di sini, insya Allah saya akan teliti dan sekiranya terdapat benar-benar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya pastikan supaya kesilapan-kesilapan, kalau ada, saya tidak pasti, akan kita bereskan. Dalam pada itu saya berharap kalau sekiranya ini merupakan tuduhan, Ahli Yang Berhormat tidak membuat secara melulu, sebab kita akan meminta bantuan mereka yang berkenaan dalam membuat penyiasatan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah

Tuan P. Patto: On a point of order. Selepas pukul 7,00 tidak payah kita undi usul yang dikemukakan oleh Menteri tadi,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Terima kasih Yang Berhormat. Lebih senang kerja. Majlis ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.03 malam.